

KSSR




BAHASA MALAYSIA

Tahun 5

Sekolah Jenis Kebangsaan

BAHASA MALAYSIA TAHUN 5 SJK



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



DBP



RM10.70

ISBN 978-983-46-1872-8



9 789834 618728

A015209



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

BAHASA MALAYSIA

TAHUN 5
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN

Penulis

**MOHAMAD BIN MUSIP
RAHMAT BIN IBRAHIM**

Editor

RUSLAN BIN ABDULL RAFFAR

Pereka Bentuk
HISHAM BIN ARIS

Ilustrator
ABDUL RAZAK BIN HUSIN



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KUALA LUMPUR
2019**



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

No. Siri Buku: 0001

KK 4008-1211-1872-2105

ISBN 978-983-46-1872-8

Cetakan Pertama 2014

Cetakan Kelima 2019

© Dewan Bahasa dan Pustaka 2014

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan cara apa jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Penerbit:

Dewan Bahasa dan Pustaka,

Jalan Dewan Bahasa,

50460 Kuala Lumpur.

Tel: 03-21479000 (8 talian)

Faks: 03-21479643

Reka Letak dan Atur Huruf:

Dawama Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks : Azim

Saiz Taip Teks : 14/16 poin

Dicetak oleh:

Sasyaz Holdings Sdn. Bhd.,

No. 29, Jalan PJU 3/48,

Sunway Damansara Technology Park,


47810 Petaling Jaya,

Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Penghasilan buku ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Oleh itu, penulis merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama dalam memberikan sumbangan sehingga buku ini sempurna diterbitkan. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada semua yang berikut:

- Pakar Rujuk Bahasa
Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah
binti Abdul Karim
- Penyelaras Projek
- Pegawai Teknikal Penerbitan
- Jawatankuasa Penilaian Teknikal 4,
Bahagian Buku Teks,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Panel Pembaca Prof,
Bahagian Buku Teks,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Panel Pembaca Prof,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Persatuan Peminat Lukisan dan Kaligrafi Sim
- Jambatan Kedua Sdn. Bhd.
- Panitia PJK SJKC Lih Jen, Melaka.
- Kolej Vokasional Kuantan



KANDUNGAN

Pendahuluan Pengenalan Watak

iv
vi

TEMA 1 ZIARAH KELUARGA	1
UNIT 1 : Hubungan yang Erat	2
UNIT 2 : Kunjungan Mesra	6
UNIT 3 : Ikatan Kasih Keluarga	10
TEMA 2 SEPAKAT MEMBAWA BERKAT	15
UNIT 4 : Amalan Sepakat	16
UNIT 5 : Bulat Kata kerana Muafakat	21
UNIT 6 : Bersatu Pasti Berjaya	25
TEMA 3 KEHIDUPAN YANG BERKUALITI	31
UNIT 7 : Mencintai Kebersihan	32
UNIT 8 : Rehat yang Berkualiti	37
UNIT 9 : Nilai Kesihatan	41
TEMA 4 PATUHI ARAHAN DAN PERATURAN	47
UNIT 10 : Usah Leka	48
UNIT 11 : Lihat dan Fikir	53
UNIT 12 : Kecuaian Membawa Padah	57
TEMA 5 HORMATI KOMUNITI	63
UNIT 13 : Kenali dan Fahami	64
UNIT 14 : Berganding Bahu	69
UNIT 15 : Bersatu Padu	73
TEMA 6 MENGHARGAI BUDAYA BANGSA	79
UNIT 16 : Budaya Kita	80
UNIT 17 : Seni Tulisan	85
UNIT 18 : Cantiknya Objek Budaya	89
TEMA 7 NUSA DAN BANGSA	95
UNIT 19 : “Di Mana Bumi Kupijak, Di Situ Langit Kujunjung”	96
UNIT 20 : Demi Negara	100
UNIT 21 : Jasa	104
TEMA 8 BERDAYA MAJU	109
UNIT 22 : Keperluan Sains	110
UNIT 23 : Teknologi dalam Kehidupan	114
UNIT 24 : Minda Kreatif	118
TEMA 9 ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU	123
UNIT 25 : Kelestarian Alam	124
UNIT 26 : Rimba di Kota	129
UNIT 27 : Mengurus Sisa Pepejal	133
TEMA 10 PERTANIAN DAN PENTERNAKAN	139
UNIT 28 : Kembara Tani	140
UNIT 29 : Berkebun di Rumah	144
UNIT 30 : Penternak Muda	149
TEMA 11 BERDIKARI	155
UNIT 31 : Kedai Koperasi Taman Sepadu	156
UNIT 32 : Hargai Usaha	161
UNIT 33 : Budaya Menyimpan	165
BACAAN LUAS	170

PENDAHULUAN

Penyediaan buku teks Bahasa Malaysia Tahun 5 ini adalah untuk memenuhi hasrat penambahbaikan dalam kurikulum. Kandungan buku teks ini berkonsepkan pemeringkatan bahan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bahasa serta nilai murni dengan berpaksikan Rukun Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ketiga-tiga paksi ini dijelmakan menerusi enam tunjang, iaitu Komunikasi, Kerohanian, Sikap dan Nilai, Kemanusiaan, Keterampilan Diri, Perkembangan Fizikal dan Estetika, serta Sains dan Teknologi.

Keenam-enam tunjang itu dijadikan teras dalam pembinaan **Dokumen Standard KSSR** yang meliputi **Standard Kandungan (SK)** dan **Standard Pembelajaran (SP)**. Kedua-dua jenis dokumen ini memberi penekanan kepada aspek pengukuhan dan aplikasi kemahiran bahasa berdasarkan matlamat, objektif dan fokus pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia dalam kalangan murid Tahun 5 Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Untuk mencapai matlamat kurikulum, kandungan buku ini disediakan berdasarkan 22 objektif pengajaran dan pembelajaran. Objektif tersebut diperincikan lagi kepada objektif standard, iaitu bagi kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa.

Kandungan buku teks ini dibina dengan kesedaran bahawa guru-guru perlu melaksanakan strategi pengajaran dan pembelajaran secara bersepadu. Berdasarkan prinsip “5P” (penggabungjalinan, penyerapan, penilaian, pemulihan dan pengayaan), pendekatan tematik, kepelbagaian kaedah dan teknik, dan kepelbagaian sumber bahan. Dengan berasaskan prinsip itu, sebanyak 11 tema telah disediakan, iaitu **Ziarah Keluarga, Sepakat Membawa Berkat, Kehidupan yang Berkualiti, Patuhi Arahan dan Peraturan, Hormati Komuniti, Menghargai Budaya Bangsa, Nusa dan Bangsa, Berdaya Maju, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Pertanian dan Penternakan, dan Berdikari**. Setiap tema dibahagikan pula kepada tiga unit pembelajaran bahasa yang menjelmakan aktiviti-aktiviti SP.

Untuk meningkatkan keberkesanan buku teks ini, guru-guru disarankan supaya membiasakan diri dengan ikon-ikon yang diperkenalkan, iaitu:

 Mendengar dan Bertutur	 Membaca	 Menulis	 Seni Bahasa	 Tatabahasa	 Aktiviti Menulis	 Aktiviti Lisan
 MAKLUMAT Maklumat	 BACAAN LUAS Bacaan Luas	 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	 AKTIVITI Aktiviti	 PANDUAN GURU Panduan Guru	 Inti Bahasa Inti Bahasa	

Penerangan Panduan Guru:



- Aktiviti penilaian.
- Aktiviti tambahan.
- ❖ Nilai
- ✱ EMK
- 🏠 Celik Kewangan

Ikon ini melambangkan cadangan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti yang terdapat pada halaman yang berkaitan.

2.2.1

Selain kandungan utama, buku teks ini juga menerapkan elemen merentas kurikulum (EMK), iaitu unsur-unsur nilai tambah untuk mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran. Tujuan khusus penerapan EMK adalah untuk mengukuhkan kemahiran dan keterampilan murid agar mereka dapat menangani cabaran semasa dan cabaran masa depan bersumberkan penggunaan bahasa yang betul, tepat dan berkesan. Aspek-aspek dalam EMK ialah ilmu, kemahiran, nilai murni, patriotisme, peraturan sosiobudaya, sains dan teknologi, pendidikan alam sekitar, kreativiti dan inovasi, keusahawanan, dan pengurusan kewangan serta teknologi maklumat dan komunikasi.

Persembahan buku teks adalah berdasarkan format umum, iaitu setiap tema dimulai dengan halaman rangsangan. Halaman ini dipelbagaikan corak persembahannya untuk menarik perhatian dan merangsang minda murid agar dapat mengikuti setiap pelajaran dengan berkesan. Tiga unit dalam setiap tema disediakan secara terancang berdasarkan pemetaan Standard Pembelajaran yang disesuaikan dengan tema pembelajaran. Pada beberapa halaman, turut dipaparkan maklumat tambahan untuk membantu guru dan murid dalam memahami sesuatu fakta. Setiap tema diakhiri dengan **aktiviti pemulihan** dan **pengayaan**. Aktiviti pemulihan adalah untuk murid yang lambat menguasai pelajaran manakala aktiviti pengayaan untuk murid yang sudah menguasai pelajaran dan berpotensi untuk memperluas pengetahuan dan pengalaman pembelajaran bahasa mereka. Bahan bacaan luas disediakan pada halaman akhir buku teks. Rasionalnya adalah supaya murid dapat memperluas pengetahuan mereka dengan pengetahuan baharu.

Berasaskan hasrat murni untuk melahirkan murid yang berketerampilan dalam berbahasa dan berkomunikasi, buku teks ini jelas mengemukakan bahan-bahan pembelajaran yang dapat membantu murid untuk menguasai kemahiran berbahasa, iaitu menggunakan bahasa lisan dan bahasa tulisan dengan betul, tepat dan santun dalam pelbagai situasi. Selain itu, murid juga disediakan dengan pelbagai bentuk bahan bacaan untuk membolehkan mereka membaca aneka maklumat dalam format yang pelbagai. Seterusnya, buku teks juga menyediakan bahan latihan untuk membolehkan murid menulis bagi mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran bahasa yang telah dikuasai. Menerusi aspek seni bahasa pula, murid diberikan pendedahan terhadap ciri keindahan bahasa dalam pelbagai sumber termasuk lagu, puisi, dan prosa. Menerusi aspek tatabahasa, murid disediakan aktiviti tatabahasa secara kontekstual dan terancang supaya mereka dapat mengaplikasikan pengetahuan sistem bahasa berasaskan situasi yang bersesuaian dengan tema dan nilai sosiobudaya masyarakat Malaysia.

Penulis berharap agar kandungan buku teks ini dapat dimanfaatkan secara berhemah, berhikmah, kreatif, kritis, dan menghiburkan seperti yang dikehendaki berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Bahasa Malaysia. Penulis juga meletakkan kepercayaan kepada guru-guru agar dapat menjelmakan setiap standard pembelajaran KSSR Tahun 5 khasnya dan memenuhi matlamat kurikulum Bahasa Malaysia amnya, dengan bersumberkan buku teks ini.

MOHAMAD BIN MUSIP
RAHMAT BIN IBRAHIM

PENGENALAN WATAK



Soon Keat

Sepani

Hamzah

Ajay



Azim

Chia Ling

Anna

Sujata

Adibah

Ratih



Gimis



RUKUN NEGARA

AMALAN HIDUP RAKYAT MALAYSIA




BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA MENDUKUNG CITA-CITA HENDAK:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak;
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

- **KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
- **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
- **KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
- **KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
- **KESOPANAN DAN KESUSILAAN**



Fahami seni kata lagu.

Keluarga Kita

Keluarga kita sangat berharga
Mereka itu sayang sanak saudara
Hubungan keluarga bertambah erat
Keluarga jauh sayang menjadi dekat

Rasa suka dan duka dalam keluarga
Itulah cabarannya tempuhi juga
Jika sakit dirawat agar sejahtera
Jalin hubungan erat hidup gembira

Hubungan dipererat semakin kukuh
Kasih keluarga kita bertambah teguh
Ikatan kasih keluarga terjalin mesra
Berpada selamanya hidup bahagia

(Melodi lagu “Ayam Didik” atau melodi lain yang bersesuaian)





Mendengar dan Bertutur

Saling Berkunjung

Kita boleh mengeratkan hubungan kekeluargaan dengan menziarahi anggota keluarga. Mereka tentu berasa amat gembira jika diziarahi. Oh, alangkah bahagianya apabila kita dikasihani! Hamzah, cuba ulangi kata-kata datuk.

Adakah cucu-cucu faham akan perkara yang datuk sebut tadi?

Ya, datuk. Kami faham.

Wah, datuk dan nenek bertuah kerana kamu rajin menziarahi kami! Teruskanlah amalan yang baik ini. Apabila kamu sekeluarga kerap balik ke kampung, hilanglah rindu kami.

AKTIVITI

Dengar dan sebut ayat.

2



- Murid menyebut ayat aktif, kemudian ayat pasif.
- Murid membaca pelbagai jenis ayat.
- ❖ Nilai: kasih sayang

1.2.6



Membaca

Cerita Datuk



Hamzah, berziarah ialah cara untuk menunjukkan tatasusila kita kepada orang yang dikasihi.

Oleh itu, eloklah kami mengikut ayah menziarahi datuk dan nenek di kampung.



Sebaik-baik sahaja berada di rumah datuk, Hamzah dan adik-adiknya duduk bersila menghadap datuk mereka.

“Datuk, berceritalah,” pujuk Hamzah.

“Cucu-cucu suka akan cerita datuk?” tanya datuk.

“Ya, kami suka kerana cerita datuk menarik,” jawab Alia.

“Cerita maharaja dan maharani yang budiman itu, ya?” tanya datuk lagi.

“Ya, kami tidak jemu-jemu mendengar cerita itu. Cerita itu mengajar kami supaya menghargai pancaindera,” jelas Azlina.

“Maharaja dan maharani yang dermawan itu amat disenangi oleh rakyat. Maharani bukan sahaja jelitawan malah hati baginda amat mulia,” ujar datuk.

“Pada suatu hari, pasangan suami isteri yang miskin telah menghadap maharaja dan maharani. Mereka memohon bantuan. Baginda berdua segera menghulurkan bantuan kepada pasangan itu,” sambung datuk.

Hamzah dan adik-adiknya khusyuk mendengar cerita yang disampaikan oleh datuk.

AKTIVITI

Jawab pernyataan:

1. Jelaskan tujuan berziarah.
2. Nyatakan maksud perkataan “pancaindera”.
3. Terangkan kebaikan maharaja dan maharani.
4. Cadangkan tajuk bagi cerita yang disampaikan oleh datuk.



- Murid membaca dan menyatakan perkataan yang mengandungi imbuhan pinjaman.
- Murid menulis ayat dalam bentuk tulisan berangcai.
- ❖ Nilai: kasih sayang

2.2.3

3



Menulis

Syair Kasih Sejati

Hati kami senang dan berbangga,
Meraikan sepupu datang bertiga,
Ditemani ibu bapa mereka juga,
Sambil bercuti hubungan dijaga.

Mak Cik Salimah berpipi gebu,
Adik bongsu kesayangan ibu,
Makanan pilihannya nasi kerabu,
Bersuamikan Azman orang Sibu.

Kunjungan mereka semasa cuti,
Memangnya sudah lama dinanti,
Dapat mengeratkan kasih sejati,
Kukuh ikatan bak tersimpul mati.

Dua keluarga dapat bertemu,
Bersembang mesra tanpa jemu,
Sambil bercanda sambil berjamu,
Semakin ceria berkongsi ilmu.



AKTIVITI

Salin syair.

4



- Murid menulis syair dengan betul dan kemas.
- Murid melafazkan syair dan menyatakan bahasa yang indah.
- ❖ Nilai: kasih sayang

3.2.6



Seni Bahasa

Mulianya Hati

Pak Kaman (*bersuara sedih*): Minah, perniagaan kita sudah **gulung tikar** nampaknya.

Mak Minah (*sedih*): Kita kehilangan **mata pencarian**, Abang Kaman.

Pak Kaman : Bersabarlah, Minah. Kita tidak boleh **berputus asa**. Kita mesti **cari jalan** untuk memulakan perniagaan yang baharu.

Pak Bahar (*baru tiba di rumah Pak Kaman untuk berkunjung, lalu bersalam*): Apa khabar Kaman dan Minah?

Pak Kaman (*menyambut salam*): Khabar baik, Abang Bahar.
Terima kasih kerana sudi menziarahi kami.

Pak Bahar (*tersenyum lalu menghulurkan kotak*): Sebenarnya saya **ada hajat** untuk membantu. Terimalah barang-barang ini untuk dijual di pasar. Semoga perniagaan yang rugi dapat dipulihkan.

Pak Kaman (*tersenyum menyambut pemberian*): Abang begitu **bermurah hati**. Terima kasih, Abang Bahar.

Pak Bahar : Sama-sama. Saya **putih hati** memberikan bantuan ini.

Mak Minah : Kami bersyukur atas pemberian ini, Abang Bahar.

Pak Kaman : Abang Bahar, jika ada apa-apa pekerjaan di rumah Abang Bahar yang dapat kami bantu, beritahulah kami.
Kami akan datang membantu.

Pak Bahar : (*menepuk bahu Pak Kaman*):
Abang ikhlas memberikan bantuan itu. Semoga hubungan persahabatan kita akan bertambah erat.

Mak Minah : Terima kasih, Abang Bahar.



AKTIVITI

Ujarkan cerita.



- Murid mengujarkan cerita yang mengandungi simpulan bahasa.
- Murid menceritakan kisah teladan yang pernah dibaca.
- ❖ Nilai: kasih sayang

4.2.1

5

UNIT 2 Kunjungan Mesra



Mendengar dan Bertutur

Kisah Nenek

- Encik Yap : Helo, Soon Keat. Ayah berada di rumah nenek kamu.
Nenek kamu kurang sihat.
- Soon Keat : Oh, kasihanannya nenek! Saya dan Wei Wei baru sahaja sampai di rumah.
- Encik Yap : Soon Keat, pasang telinga. Pada pukul 3.00 petang, buat kerja sekolah. Pada pukul 5.00 petang, siram pokok. Pastikan pintu rumah dan pintu pagar berkunci. Cuba ulangi perkara yang ayah nyatakan.
- Soon Keat : Baiklah, ayah. 🍷 .
- Encik Yap : Bagus, Soon Keat. Boleh ayah bercakap dengan Wei Wei?



- Wei Wei : Helo, ayah. Bagaimanakah keadaan nenek?
- Encik Yap : Oh, jangan bimbang buah hati ayah! Nenek stabil.
Nenek kamu sedang dirawat oleh doktor dan jururawat.
- Wei Wei : Oh, syukurlah!
- Encik Yap : Wei Wei, pada pukul 7.00 malam nanti, petik suis lampu pagar. Kemudian, kamu siapkan kerja sekolah. Pada pukul 10.30 malam, kamu perlu tidur. Cuba sebut perkara yang ayah katakan.
- Wei Wei : 🍷 .

AKTIVITI

Berikan respons.

6



- Murid memberikan respons terhadap arahan mengikut kronologi.
- Murid mengujarkan dialog.
- ❖ Nilai: hemah tinggi

I.3.1



Membaca

Sayangi Nenek



Apabila sampai di rumah nenek, Soon Keat sekeluarga terus berjumpa dengan nenek di dalam biliknya. Ketika itu, Doktor Tan, iaitu doktor keluarga Encik Yap, sedang merawat nenek. Seorang jururawat turut membantu Doktor Tan.

“Apa khabar, nenek?” tanya Soon Keat.

“Khabar baik,” jawab nenek.

Wei Wei yang berada di hujung katil memegang kaki nenek. Soon Keat pula meletakkan jambangan bunga di sisi katil nenek.

“Wah, bertuah sungguh Encik Yap kerana anak-anak Encik Yap menyayangi nenek mereka!” puji Doktor Tan kepada Encik Yap.

“Mudah-mudahan sikap yang baik ini diamalkan sampai bila-bila,” balas Encik Yap.

Dari hujung katil, Wei Wei bergerak ke sebelah nenek. Dia menyuapkan nenek bubur. Soon Keat beralih ke hujung katil lalu memicit-micit kaki nenek. Encik Yap dan Puan Chan pula berdiri sambil memerhatikan nenek.

“Yang penting, pastikan Puan Lim mendapat rehat yang mencukupi,” pesan Doktor Tan kepada Encik Yap dan Puan Chan.

AKTIVITI

Baca teks.



- Murid membaca ayat dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- Murid bertutur dengan berdasarkan gambar.
- ❖ Nilai: baik hati

2.3.1

7



Menulis

Berbakti kepada Nenek

Kawan-kawan,
Saya ingin berkongsi tentang maklumat yang saya salin daripada majalah.

Nenek ialah orang yang melahirkan ibu atau bapa kita. Beliauah yang membesarkan mereka. Beliau telah berjasa kepada keluarga kita. Kita mesti menghormati, mentaati dan menyayangi beliau. Oleh itu, kita hendaklah menghargai dan berbakti kepada beliau.

Banyak cara yang dapat kita lakukan untuk berbakti kepada nenek kita. Contohnya, ziarahilah beliau ketika sakit. Semasa berziarah, bawalah buah tangan atau keperluan beliau. Layanlah beliau sebaik-baiknya seperti berbual, memicit tubuh, menyuapkan makanan dan menjaga beliau sepanjang masa.

Nenek, ini buah-buahan untuk nenek.



Soon Keat, terima kasih. Nenek 🍷

AKTIVITI

Salin ayat.

8

PANDUAN GURU

- Murid menyalin perenggan kedua dengan tulisan berangcai.
- Murid berbual dengan berdasarkan teks.
- ❖ Nilai: baik hati

3.2.7



Kata Nama Am Tak Hidup Bukan Institusi

Mesranya Layanan



Keluarga Soon Keat menziarahi nenek 🍷.

Inti Bahasa

Kata Nama Am Tak Hidup Bukan Institusi

Contoh: rumah, padang, jalan, senyuman, hembusan, bayangan

AKTIVITI

Berceritalah tentang gambar.



- Murid bercerita dengan menggunakan kata nama am tak hidup bukan institusi.
- Murid menaakul gambar.
- ❖ Nilai: hormat-menghormati

5.1.1

q

UNIT 3 Ikatan Kasih Keluarga



Mendengar dan Bertutur

Kasih Keluarga

Ikatan kekeluargaan menerusi kunjungan

PUTRAJAYA, 20 Januari – Kisah perkahwinan antara Perumal a/l Ramasamy dengan gadis Sri Lanka telah mencipta sejarah kepada keluarga Encik Ramasamy. Beliau berbangga kerana perkahwinan anaknya itu telah dapat menghubungkan keluarganya di Malaysia dengan keluarga besarnya di Sri Lanka. Rancangan televisyen, Ikatan Kasih Keluarga (IKK) di TV6 telah menyiarkan hasil kunjungan Encik Ramasamy ke Sri Lanka, baru-baru ini.

Rancangan Ikatan Kasih Keluarga (IKK)

Rancangan IKK yang disiarkan oleh TV6 kini semakin diminati oleh penonton. Rancangan ini menyiarkan aktiviti ziarah anggota keluarga untuk merapatkan hubungan kekeluargaan. Stesen TV6 berhasrat untuk meneruskan rancangan ini sebagai khidmat masyarakat. Sila hubungi pegawai media kami di talian 03-12345678 atau datang sendiri ke Stesen TV6. Sila lawati portal kami di www.ikk@tv6.com.my untuk mendapatkan keterangan lanjut.

Encik Chandran : Ajay, kamu sudah membaca berita ini?

Ajay :  , ayah.


Encik Chandran : Berita ini tentang apa, Ajay?

Ajay : Ayah,  .

Encik Chandran : Stesen TV6 begitu bersungguh-sungguh mahu memupuk amalan berziarah sesama keluarga. Adakah cara ini berkesan, Ajay?

Ajay :  .

Encik Chandran : Pada pendapat kamu, apakah cara yang paling baik untuk menghubungi pihak stesen TV6?

Ajay :  .

AKTIVITI

Berikan respons.

10



- Murid memberikan respons terhadap soalan dengan kata tanya dan soalan tanpa kata tanya.
- Murid membaca teks untuk membuat pertimbangan.
- ❖ Nilai: hemah tinggi

I.3.2



Membaca

Perkelahan Keluarga

Encik Chandran bersama-sama dengan adik-beradiknya bercuti di Pulau Pinang. Tujuan utama mereka ke sana adalah untuk menziarahi Encik Narendra, adik bongsu mereka.

“Ayah, apa nama kawasan tempat tinggal Pak Cik Narendra ini?” tanya Ajay.

“Nama kawasan ini ialah Batu Ferringhi. Kawasan ini tidak jauh dari Pantai Batu Ferringhi, iaitu tempat perkelahan keluarga kita. Kita bukan sahaja dapat menziarahi keluarga, malahan kita dapat meneruskan perkelahan tahunan keluarga kita,” jelas Encik Chandran kepada anak-anaknya.

“Perkelahan ini penting kepada kita. Sewaktu berkelah, kita dapat beramah mesra sambil bertanya khabar tentang keluarga kita masing-masing. Ayah gembira kerana anggota keluarga Pak Cik Mahendra, Pak Cik Asogan dan Pak Cik Narendra terus memberikan sokongan untuk menjayakan aktiviti perkelahan ini,” sambung Encik Chandran.

“Mahendra, Asogan dan Narendra, pertemuan ini amat bermakna. Kita dapat merapatkan hubungan kekeluargaan sambil menambah pengetahuan tentang negara kita,” ujar Encik Chandran lagi.

“Abang, kami bersyukur kerana abang dan kakak tidak jemu-jemu mengajak kami berziarah sambil bercuti,” ujar Encik Narendra kepada Encik Chandran.

“Pada malam ini kita akan berkumpul dan berjamu selera di pantai,” cadang Encik Mahendra.

Cadangan itu disambut dengan sorakan keriang oleh kanak-kanak. Mereka dapat bersama-sama dalam suasana yang ceria dan mesra sempena perkelahan keluarga.

AKTIVITI

Baca teks.



- Murid membaca teks dengan sebutan yang betul.
- Murid menulis ayat yang diwarnakan secara imlak.
- ❖ Nilai: kesyukuran

2.3.2





Menulis

Tawaran Istimewa

Pada pagi Ahad itu, suasana di restoran rumah rehat begitu tenang. Pengunjung sudah datang untuk bersarapan sejak awal pagi lagi. Suasana pagi itu bertambah ceria dengan kehadiran anggota keluarga Encik Chandran.

Encik Chandran dan Puan Jayanti bagaikan tuan rumah. Mereka melayan setiap anggota keluarga dengan bertanyakan menu yang ingin dipesan. Sementara menunggu makanan dan minuman itu disiapkan, mereka berbual-bual sambil mendengar lagu sebagai halwa telinga.

Tiba-tiba, Encik Narendra bersuara. “Pak cik ingin menawarkan hadiah istimewa kepada sesiapa yang cemerlang dalam pelajaran,” ujarinya.

“Wah, seronoknya! Hadiah itu mendorong kami untuk belajar bersungguh-sungguh,” ulas Ajay.

“Sambil kita mengeratkan hubungan, jangan lupa tentang hadiah istimewa itu,” ujar Puan Jayanti.

“Sebelum kita berkemas pulang, marilah kita bergambar. Jangan lupa, tempat ziarah yang akan datang ialah Kuantan, tempat Pak Cik Mahendra. Dari Kuantan, kita ke Pantai Cherating pula,” jelas Encik Chandran.

AKTIVITI



Jawab soalan dan pernyataan:

1. Di manakah keluarga Ajay bersarapan?
2. Apakah yang dilakukan oleh anggota keluarga Ajay sebelum bersarapan?
3. Mengapakah Encik Chandran dan Puan Jayanti dikatakan sebagai tuan rumah?
4. Pada pendapat anda, mengapakah Encik Narendra menawarkan hadiah istimewa?
5. Nyatakan pengajaran yang diperoleh daripada cerita.



Kata Nama Khas Tak Hidup

Kenangan Keluarga



Inti Bahasa

Kata Nama Khas Tak Hidup

Contoh: Kuala Lumpur, Masjid Negara, Piala Malaysia, Proton Suprima

Perkelahan di Pantai Batu Ferringhi menjadi kenangan manis kepada setiap anggota keluarga Ajay dan keluarga sepupunya. Kenangan itu bertambah manis apabila hubungan kekeluargaan mereka semakin erat.

Sebelum pulang, Ajay dan keluarganya telah berkunjung ke beberapa tempat menarik di Pulau Pinang. Dari Pantai Batu Ferringhi, 🍷

AKTIVITI

Berceritalah dengan berdasarkan peta lokasi.



- Murid menggunakan kata nama khas tak hidup semasa bercerita.
- Murid menceritakan pengalaman perjalanan lawatan dengan bahasa yang indah.
- ❖ Nilai: kasih sayang

5.1.2

13


Pemulihan

Kenal pasti dan catat kata nama khas tak hidup dengan berpandukan peta.



Pengayaan

Lengkapkan lajur abjad ini dengan kata nama am tak hidup.



- | | |
|------------------------------------|-----------------------------|
| 1. Tempat menyimpan barang | 7. Perkara yang digambarkan |
| 2. Alas kepala untuk tidur | 8. Tiupan |
| 3. Kain penutup tilam | 9. Hal yang diingati |
| 4. Tempat letak minuman | 10. Tingkap |
| 5. Tenaga untuk menyalakan lampu | 11. Tempat untuk duduk |
| 6. Sesuatu perkara yang difikirkan | 12. Tempat kita berpijak |

Bersoal jawab tentang nilai dengan berdasarkan sajak dan gambar.

Ayuh Kawan

Ayuh kawanku, laungkanlah
Kita rakyat Malaysia
Pelbagai kaum dan warna kulit
Pelbagai agama dan budaya
Hidup aman dan sejahtera
Bersatu padu tidak berseteru

Ayuh kawanku, laungkanlah
Kita rakyat Malaysia
Kerjasama jadikan teras
Umpama seberkas lidi
Jika rapat menjadi kuat
Jika sepakat menjadi hebat
Pasti Malaysiaku meningkat maju

Ayuh kawanku, laungkanlah
Kita rakyat Malaysia
Bersatu teguh, bercerai roboh
Bersama-sama pasti berjaya
Bagai semut saling membantu
Tugas nan berat menjadi senang



UNIT 4 Amalan Sepakat



Membaca

Program Kenang Budi



Selamat pagi, kawan-kawan.

Tahukah kamu tentang Program Kenang Budi? Program ini ialah aktiviti kebajikan daripada bekas murid SJKC Taman Sepadu. Mereka akan melaksanakan aktiviti program ini.

Program ini dapat mengeratkan hubungan masyarakat setempat. Penduduk akan berkumpul dan berpeluang untuk berkenalan antara satu sama lain.

Aktiviti program yang dijalankan ialah ceramah motivasi untuk murid dan ibu bapa. Tujuannya adalah untuk memupuk kasih sayang antara ibu bapa dengan anak-anak. Selain itu, ceramah motivasi ini memberikan kesedaran tentang kepentingan pelajaran.

Aktiviti kelas tambahan pula dapat meningkatkan prestasi pelajaran murid. Mereka diajar dan diberikan ilmu pengetahuan.

Akhirnya, aktiviti perkhemahan dijalankan untuk menambahkan kemahiran dan pengetahuan kepada murid. Pelbagai acara diadakan semasa aktiviti perkhemahan ini untuk memupuk nilai murni kepada para peserta.

Kawan-kawan,

Program Kenang Budi ini mempunyai kebaikannya. Marilah kita berfikir sejenak tentang kebaikan aktiviti program ini. Sekian, terima kasih.

Kebaikan Aktiviti Program Kenang Budi

Aktiviti : 🍷
Kebaikan : 🍷

Aktiviti : 🍷
Kebaikan : 🍷

Aktiviti : 🍷
Kebaikan : 🍷

AKTIVITI

Lengkapkan carta.

16

PANDUAN GURU

- Murid membuat ulasan tentang kebaikan aktiviti Program Kenang Budi.
 - Murid berbicara untuk mendapatkan maklumat tentang kebaikan aktiviti Program Kenang Budi.
- ❖ Nilai: kerjasama

2.4.1




Mendengar dan Bertutur

Bakti Disemai

Selamat sejahtera, murid-murid. Program Kenang Budi akan diadakan pada cuti nanti. Banyak bekas murid sekolah ini telah berjaya dalam pelbagai bidang seperti doktor, arkitek, usahawan, peguam dan pegawai polis. Mereka bersedia untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman kerjaya masing-masing. Murid-murid boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang kerjaya yang kalian minati.

Murid-murid, dengar pesanan cikgu. Pada hari Program Kenang Budi, kamu diminta berkumpul di dalam dewan pada pukul 8.00 pagi. Bekas murid sekolah ini akan memperkenalkan diri masing-masing. Kemudian, kamu akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut bidang kerjaya tertentu. Bekas murid sekolah ini pula akan menerangkan cabaran dan kelebihan kerjaya mereka.

Akhir sekali, saya berharap agar kamu akan menyampaikan pesanannya kepada rakan-rakan yang tidak hadir. Semua murid tahun lima akan terlibat dalam program ini.



Ajay, saya hendak menyampaikan pesanannya kepada guru besar tentang Program Kenang Budi pada cuti nanti. Beliau berpesan 📞

Apakah pilihan kerjaya kamu, Ajay? Mengapa?

Terima kasih, Soon Keat kerana menyampaikan pesanannya itu.

AKTIVITI


Sampaikan pesanannya.



- Murid menyampaikan pesanannya mengikut urutan.
- Murid membuat keputusan.
- ❖ Nilai: kesyukuran

1.3.3

17



Menulis

Merentas Halangan

- menyeberang
- ternampak tali
- mencari jalan



Setelah mereka bermandi peluh, akhirnya usaha mereka membuahkan hasil. Mereka berjaya sampai di seberang.

AKTIVITI Bina kerangka karangan.

- Murid menulis kerangka karangan berbentuk naratif.
- Murid bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ❖ Nilai: berdikari



Seni Bahasa

Sepakat Jadi Amalan

Sepakat jadi amalan

Sepakat beramai-ramai

Ringan sama dijinjing

Kalau yang berat sama dipikul

Sepakat jadi amalan

Sepakat sesama rakan

Sikit sama dirasa

Banyaklah pula dikongsi sama

Sepakat jadi amalan

Sepakat hati dan jiwa

Senyum ramai yang senyum

Tatkala sedih ramai temankan

Sepakat jadi amalan

Sepakat bekerjasama

Salam tangan dihulur

Tanda berkawan selama-lama

(Melodi lagu "Geylang Si Paku Geylang"
atau melodi lain yang bersesuaian)

AKTIVITI

Nyanyikan lagu dengan aksi.



- Murid menyebut ungkapan indah daripada seni kata lagu.
- Murid menulis seni kata dengan betul dan kemas.
- ❖ Nilai: rasional

4.1.2

19



Kata Ganti Nama Diri Laras Bahasa Istana

Saling Memahami

Sultan : Wahai Bendahara, minta Ah Heng dan Hang Kamit masuk menghadap beta!

Bendahara : Baiklah, tuanku.

(Bendahara pun berjumpa dengan Ah Heng dan Hang Kamit).

Wahai Ah Heng dan Hang Kamit, tuan hamba berdua diminta masuk menghadap baginda!

Sultan : Mengapakah kalian perang mulut di pasar awam tadi?

Ah Heng: Ampun 🍲, begini kisahnya.



Hang Kamit: Ampun tuanku, dengarlah pula kisah 🍲.



Ampun, 🍲. Patik amat bersimpati apabila mendengar kisah sedih Hang Kamit. Kalau begitu, 🍲 akan berbincang dengan anggota persatuan agar membenarkan Hang Kamit berniaga. Semoga kehidupan keluarganya tidak lagi dalam kesusahan.

Bagus, Ah Heng. 🍲 berasa senang hati melihat rakyat bersepakat dan saling membantu. Barulah rakyat 🍲 hidup aman dan sejahtera.



Inti Bahasa

Kata Ganti Nama Diri Laras Bahasa Istana

Contoh: beta, patik, tuanku dan baginda

AKTIVITI

Lengkapkan dialog.

20



- Murid melengkapi dialog dengan kata ganti nama diri laras bahasa istana.
- Murid berbual dengan menggunakan kata ganti nama diri laras bahasa istana secara bertatasusila.
- ❖ Nilai: semangat bermasyarakat
- ❖ Keusahawanan

5.1.3



Mendengar dan Bertutur

Bertugas Bersama-sama



- Jenis Ayat*
1. Ayat seru
 2. Ayat tanya
 3. Ayat penyata
 4. Ayat perintah



Kalian boleh berehat sebentar lagi.

AKTIVITI

Bertutur berdasarkan gambar.



- Murid bertutur dengan menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis.
- Murid menggunakan kata bilangan.
- ❖ Nilai: kerajinan



Membaca

Seberkas Lidi


Seorang petani tua tinggal di sebuah kampung dengan isteri dan lima orang anak lelaki. Anak-anak itu tidak mahu membantu ibu bapa mereka. Petani itu berasa kecewa akan sikap anak-anaknya. Dia berusaha untuk menyedarkan mereka.

Pada suatu hari, petani itu memberikan sebatang lidi kepada setiap anaknya. Dia menyuruh mereka mematahkan lidi itu. Mereka berjaya mematahkannya dengan mudah. Kemudian, petani itu memberikan seberkas lidi untuk dipatahkan. Mereka tidak berjaya untuk mematahkannya.

Petani tua itu pun berkata, “Wahai anak-anakku, kamu ibarat lidi! Sebatang lidi mudah untuk dipatahkan tetapi seberkas lidi pula sukar untuk dipatahkan. Anak-anakku, jadilah kamu seperti seberkas lidi supaya kamu bersatu padu dan bersama-sama membantu ibu dan ayah.”

Anak-anaknya insaf lalu bermuafakat untuk menolong ibu bapa mereka. Ternakan mereka semakin banyak mengeluarkan hasil manakala tanaman di ladang mereka hidup subur. Petani itu dan isterinya berasa sangat gembira kerana anak-anak mereka sudah bekerjasama.

Adakah kamu ingin menjadi seperti sebatang lidi atau seberkas lidi? Mengapa? 💡



AKTIVITI

Baca teks.

- Murid membuat keputusan dengan berdasarkan maklumat dalam cerita.
- Murid berbicara untuk membuat keputusan dengan berdasarkan cerita.
- ❖ Nilai: kerjasama



Menulis

“Bersatu Teguh, Bercerai Roboh”

- Jari Tengah : Saya jari di **tengah-tengah** kamu. Saya juga jari yang paling tinggi. Sudah pasti saya layak menjadi ketua kamu semua.
- Jari Telunjuk : Jangan **tergesa-gesa** mengaku ketua. Tanpa saya, bagaimanakah manusia hendak **menunjuk arah** atau memberikan **isyarat senyap**? Manusia juga menggunakan saya untuk menunjukkan angka satu.
- Jari Manis : Sabar, **kawan-kawan**. Dengar dahulu perihal diri saya. Tanpa saya, di manakah manusia hendak menyarungkan cincin? Tambahan pula, sayalah **satu-satunya** jari yang manis dipandang.
- Ibu Jari : Begitu juga saya kerana raut muka saya mempunyai **cap jari** untuk mengenali identiti manusia. Oleh itu, kita perlu **bekerjasama** untuk memudahkan manusia menjalani kehidupan. Kita mempunyai **tanggungjawab** yang penting.
- Jari Kelengkeng : Betul kata **ibu jari**. Walaupun saya kecil, saya juga mempunyai peranan dan tanggungjawab seperti kamu semua.
- Ibu Jari : Marilah kita menjalankan tanggungjawab masing-masing kerana bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.



AKTIVITI

Tulis perkataan.



- Murid menulis perkataan kata majmuk dan kata ganda secara imlak.
 - Murid membaca dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ❖ Nilai: kerjasama

3.4.1

23



Kata Kerja Tak Transitif

Sepakat Penentu Kejayaan

SJKT Melati mengadakan perhimpunan pada setiap pagi hari Isnin. Semua murid **berhimpun** dan **berbaris** mengikut kelas. Pada pagi itu, guru besar **berucap** dan mengumumkan bahawa kelas Tahun Lima Murni sebagai kelas terbersih mingguan. Murid-murid dan guru kelas Tahun Lima Murni berasa sangat gembira. Kejayaan mereka ialah hasil daripada usaha mereka yang bersungguh-sungguh dan bersepakat.

Setelah guru besar menyampaikan ucapan, perhimpunan pun selesai. Murid-murid 🎉 .



Inti Bahasa

Kata Kerja Tak Transitif

Kata kerja ini tidak memerlukan objek atau penyambut untuk melengkapkan makna atau maksud ayat.

Ayat contoh: a. Mereka bekerjasama. b. Pengerusi taman sedang berucap.

AKTIVITI

Sambung cerita.

24



- Murid menyambung cerita dengan menggunakan kata kerja tak transitif.
- Murid bercerita dengan berdasarkan gambar.
- ❖ Nilai: hemah tinggi

5.1.4



Mendengar dan Bertutur

Berkongsi Kejayaan

BAHAU, 21 Februari – Sebanyak RM250 000.00 telah berjaya dikumpulkan semalam. Wang itu akan digunakan untuk membina sebuah dewan komuniti.

Pengerusi Taman Sepadu, Tan Sri Aziz bin Haji Ibrahim berasa terharu atas sumbangan wang daripada penduduk taman itu. Menurut beliau, kejayaan ini ialah hasil kesepakatan penduduk taman. Mereka sedar akan tanggungjawab terhadap masyarakat Taman Sepadu.

PAPAN KENYATAAN TAMAN SEPADU

Senarai penyumbang:

1. Yang Berhormat Dato' Ong Kwee Chong (senator)
2. Yang Arif Puan Zaleha binti Husin (hakim)
3. Doktor Genesan a/l Gopal (pakar mata)
4. Tuan Inspektor Nazrul bin Haji Tahir (ketua balai polis)
5. Encik Sahok a/k Jolen (pensyarah)
6. Encik Chuan Lik Seng (arkitek)

Gimis : Selamat pagi, Ajay. Apakah berita dalam surat khabar hari ini?

Ajay : Selamat pagi. Berita hari ini adalah tentang 🗨️.

Gimis : Siapakah yang memberikan sumbangan itu?

Ajay : Mereka ialah 🗨️.

Gimis : Adakah sumbangan ini perlu diteruskan? Mengapa? 💡

Ajay : 🗨️.

AKTIVITI

Berbual menggunakan kata panggilan dengan teknik main peranan.



- Murid menggunakan kata panggilan hormat.
- Murid membaca maklumat dan menyatakan keputusan.
- ❖ Nilai: semangat bermasyarakat



Membaca

Semut dan Anai-anai

Aku semut. Aku rajin bekerja. Aku dan rakan-rakan keluar bersama-sama untuk mencari makanan. Kami mengangkat cebisan makanan yang besar atau berat bersama-sama. Kami mengumpulkan makanan itu di dalam sarang.

Aku lebih gemar akan makanan yang manis. Aku mencari makanan di merata-rata tempat. Sarang aku terletak di dalam tanah atau di celah-celah papan.

Aku anai-anai. Aku tekun bekerja. Aku dan rakan-rakan saling menolong. Aku sentiasa patuh akan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Makanan aku ialah kayu. Aku membawa makanan balik ke sarang. Busut ialah sarangku yang dibina daripada tanah.



Ratih, kamu ingin menjadi seperti semut atau anai-anai? Mengapa? 💡

Saya 🛒💡



Saya ingin menjadi 🛒. Gimis, apakah pilihan kamu pula? Mengapa?

AKTIVITI Baca teks.


- Murid menyatakan keputusan dengan berdasarkan teks.
- Murid berbicara untuk menyatakan keputusan.
- ❖ Nilai: rasional



Menulis

Sepakat Menentang Todak

Dengar ya, kawan-kawan. Saya akan menyampaikan cerita yang bertajuk “Sepakat Menentang Todak”.



Pada zaman dahulu, **ikan todak** telah menyerang manusia. Ikan todak mempunyai muncung yang panjang dan tajam. Ikan ini melompat tinggi lalu menikam sesiapa sahaja yang ada berdekatan dengan pantai. Banyak orang yang cedera dan terkorban.

Sultan berasa amat bimbang akan keselamatan rakyat baginda. Banyak tentera baginda terkorban sewaktu menangkis **serangan todak** itu. Beratus-ratus ekor ikan todak dapat dibunuh tetapi serangan ikan todak itu semakin hebat.

Ketika sultan sedang berduka, **ketua kampung** datang menghadap. “Ampun tuanku. Patik datang menyembah untuk menyampaikan cadangan daripada **anak buah** patik,” kata ketua kampung.

“Apakah cadangan itu?” titah sultan.

“Kami mencadangkan supaya menggunakan batang pisang. **Batang pisang** itu disusun di sepanjang pantai. Ikan todak itu dibunuh tatkala muncung todak tertikam batang pisang,” jelas ketua kampung.

Sultan bersetuju lalu menitahkan agar cadangan itu dilaksanakan dengan segera. **Penduduk kampung** bekerjasama menyusun batang pisang. Akhirnya, serangan todak berjaya dipatahkan. Sultan berasa amat bangga atas kebijaksanaan dan kerjasama rakyat baginda.

AKTIVITI

Tulis ayat secara imlak.



- Murid menulis ayat secara imlak daripada perenggan yang diwarnakan.
- Murid mengujarkan cerita dengan berdasarkan teks.
- ❖ Nilai: keberanian

3.4.2

27



Seni Bahasa

Jiran Sepakat

Penduduk Kampung Sungkak rajin mengusahakan tanaman buah-buahan. Mereka bersikap **ringan tulang** untuk mencari rezeki dengan menjual buah-buahan. Pada suatu hari, banyak buah mangga yang hendak dipetik untuk jualan telah hilang. Mereka **mati akal** untuk mencari punca kehilangan buah-buahan mangga itu.

“Siapakah yang **panjang tangan** ini?” tanya Pak Hamid kepada rakannya sambil bercekek pinggang. “Ini mesti kerja budak-budak nakal,” kata Pak Hamid **serkap jarang**.

“Tidak baik **buruk sangka**. Marilah kita sepakat **pasang mata** untuk menangkap pencuri itu,” kata Rajan, memberi jalan kepada rakan-rakannya. “Ya, bagus **buah fikiran** kamu itu,” kata Ah Seng tersenyum.



AKTIVITI

Ujar dan lakonkan cerita.

28



- Murid mengujarkan cerita dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- Murid mengemukakan pandangan dengan berdasarkan cerita.
- ❖ Nilai: kerajinan
- ❖ Keusahawanan


4.2.1



Kata Adjektif

Saling Membantu

Hujan sangat lebat. Kampung Sungkak yang berhampiran dengan Taman Sepadu telah dilanda banjir. Penduduk kampung akan dipindahkan ke penempatan sementara. Encik Yap, Encik Chandran, Soon Keat, Ajay dan penduduk Taman Sepadu telah bersepakat untuk memberikan bantuan segera. Mereka kluatir kerana 🚗 .




lama



awal



baharu



segera

Inti Bahasa

Kata Adjektif Waktu

Contoh:

awal, lalu, lampau, sementara, suntuk, segera, silam, lewat, lama, baharu

AKTIVITI

Sambung cerita.






- Murid menggunakan kata adjektif waktu dalam cerita.
- Murid melakukan aktiviti main peranan sebagai watak mangsa banjir.
- ❖ Nilai: semangat bermasyarakat
- ❖ Peraturan Sosiobudaya

5.1.5

29

Pemulihan

Sebut simpulan bahasa dengan berdasarkan gambar.



Pengayaan

Bina ayat menggunakan kata kerja tak transitif dengan berdasarkan gambar di bawah.



Teliti grafik dan lafazkan pantun.

Membeli rojak berserta laksa,
Laksa pilihan jadi pesanan;
Tindakan bijak pihak berkuasa,
Kawal kebersihan kedai makanan.



KEHIDUPAN YANG BERKUALITI



Padang rata tempat berlari,
Tempat berhibur lagilah indah;
Marilah kita menyayangi diri,
Kualiti tidur hendaklah diendah.

Luasnya hutan pohon meranti,
Pohonnya tinggi saujana mata;
Nilai kesihatan sangat bererti,
Tingkatkan kualiti kehidupan kita.



Mendengar dan Bertutur

Pasar yang Bersih



Ampun tuanku sultan kesayangan,
Sultan di Negeri Indah Kayangan,
Tuanku berkenan rakyat keriangan,
Rakyat menyambut tanpa halangan.

Sultan : Bendahara, beta berbesar hati melihat sambutan rakyat.

Bendahara : Ampun tuanku, memang beginilah sanjungan rakyat kepada tuanku.



Sultan : Tahniah, beta gembira dengan keadaan pasar yang bersih ini.

Pak Ali : 🍷 menjunjung kasih, 🍷 .



Sultan : Bagaimanakah 🍷 menjaga kebersihan pasar ini?

Pak Man : 🍷 .



Sultan : 🍷 .

Bendahara : 🍷 .

AKTIVITI

Lakonkan dialog.

- Murid berlakon dengan menggunakan kata ganti nama diri laras bahasa istana.
- Murid melafazkan syair.
- ❖ Nilai: kebersihan fizikal dan mental
- ❖ Pendidikan Alam Sekitar



Membaca

Kebersihan yang Memikat

Tuan dan puan yang budiman,
Kami mengalu-alukan tuan dan puan ke restoran kami. Kebersihan restoran ini memang bitara dan memikat hati. Kami menyediakan makanan yang bersih dan lazat untuk para pengunjung. Kami juga menyediakan ruang jamuan untuk persatuan. Pekerja kami ialah bekas mahasiswa dan mahasiswi lulusan dalam bidang kulinari. Harga makanan kami sangat berpatutan dan bersesuaian dengan kualiti yang kami tawarkan. Kunjungilah restoran kami di Jalan Guar Syed Alwi, Kangar. Restoran kami terletak di sebelah poliklinik dan berhadapan dengan butik milik seorang seniwati.

Nalia a/k Janot,
Pengurus Restoran Kampung.

Rakan sepasukan yang dihormati,
Semua anggota pasukan pancaragam dipersilakan menghadiri Jamuan Tahunan Pasukan Pancaragam SJKC Taman Sepadu pada pukul 8.00 malam. Jamuan itu diadakan pada 6 Mac 2015 di Restoran Kampung. Restoran ini terkenal kerana kebersihannya dan mendapat Sijil Pengiktirafan BeSS (Bersih, Selamat dan Sihat) daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Sila berpakaian seperti peragawan dan peragawati. Sebelum pulang, semua rakan dikehendaki menandatangani autograf khas di pintu masuk restoran.

Chia Ling
Setiausaha,
Pasukan Pancaragam SJKC Taman Sepadu.



MAKLUMAT

Bitara: Tiada tandingannya.
Kulinari: Berkait dengan masak-memasak.

AKTIVITI

Lengkapkan maklumat.



- Murid mengenal pasti dan membaca ayat yang mengandungi imbuhan pinjaman.
- Murid menulis maklumat pada gegantung.
- ❖ Nilai: kebersihan fizikal dan mental

2.2.3

33



Menulis

Makanan Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS)

Panduan kepada Pengunjung Kedai Makanan



- ciri fizikal kedai makanan
- ciri fizikal pengendali kedai makanan
- ciri makanan yang selamat
- cara pengendalian kedai makanan

Panduan Memilih Makanan yang BeSS

- Langkah I: Perhatikan ciri fizikal kedai makanan;
- ...
- ...
- ...

Kita mesti mengutamakan kedai makanan yang bersih kerana ...

AKTIVITI

Catat maklumat.

- Murid mencatat maklumat mengikut keutamaan.
- Murid membuat ulasan dengan berdasarkan maklumat.
- ❖ Nilai: kebersihan fizikal dan mental



Seni Bahasa

Ahad, 8 Mac 2015

Sentiasa Bersih

Pada pukul 8.00 pagi, aku dan Ajay sudah berada di perpustakaan awam. Kami ingin **mengikut jejak** orang yang berjaya.

Sebaik-baik sahaja kami meninggalkan perpustakaan pada pukul 12.30 tengah hari, aku menerima panggilan telefon daripada ibu. Ibu meminta aku membelikan roti untuknya. Aku dan Ajay pun singgah di Pasar Mini Barakah. Kebersihan pasar mini itu berjaya **menambat hati** kami.

Pada pukul 1.00 tengah hari, kami ke kedai makanan. Makanan yang kami pesan diletakkan di dalam pinggan yang bersih. Persekitaran kedai itu juga bersih. Pemilik kedai menghidangkan **pembasuh mulut** kepada kami. Layanan dan amalan kebersihan pekerja kedai itu sudah menjadi **buah mulut** orang.

Kami ke perhentian bas pada pukul 2.00 petang. Sewaktu berada di situ, kami nampak seorang pemuda sedang bekerja. Pemuda yang **ringan tulang** itu bekerja seperti **lipas kudung**. Selepas membersihkan kawasan sekitar, pemuda itu segera menukarkan plastik hitam di dalam tong sampah.

Selepas 15 minit, bas pun tiba. Kami beratur menaiki bas untuk pulang. Aku semakin sedar bahawa nilai kebersihan ...

Ahad, 8 Mac 2015

8.00 pagi

Aku dan Ajay ...

AKTIVITI

Ujarkan cerita dengan sebutan dan intonasi yang betul.



- Murid mengujarkan cerita dan menyatakan pengajaran.
- Murid menulis catatan harian Gimis dengan berdasarkan maklumat.
- ❖ Nilai: kebersihan fizikal dan mental

4.2.2

35



Kata Hubung Pancangan Relatif

Restoran Pilihanku



1(a) Para pengunjung memasuki restoran itu.



1(b) Restoran itu bersih.



2(a) Pengusaha restoran itu menyediakan masakan kampung.



2(b) Masakan kampung itu lazat.



3(a) Pekerja restoran memakai pakaian seragam.



3(b) Pakaian seragam itu kemas.

Ratih : Banyaknya orang di sana. Apakah yang dilakukan oleh mereka itu, Ajay?

Ajay : Saya melihat para pelanggan sedang memasuki restoran itu.

Ratih : Saya kagum melihat mereka memasuki restoran yang bersih itu.

Ajay : Apakah keistimewaan restoran itu?

Ratih : Pengusaha restoran itu menyediakan masakan kampung 🍲 lazat.

Ajay : Apakah keistimewaannya 🍲 lain?

Ratih : 🍲 .

Inti Bahasa

Kata hubung pancangan relatif **“yang”** menghubungkan ayat utama dengan ayat kecil.

Contoh: 1(a) Kedai itu mementingkan kebersihan.

1(b) Kedai itu disukai oleh pengunjung.

1(c) Kedai **yang** mementingkan kebersihan itu disukai oleh pengunjung.

AKTIVITI

Bina ayat.

36



- Murid membina ayat majmuk pancangan relatif dengan betul.
- Murid berbicara tentang maklumat dengan berdasarkan grafik.
- ❖ Nilai: kebersihan fizikal dan mental
- ✳ Keusahawanan

5.1.6

UNIT 8 Rehat yang Berkualiti



Mendengar dan Bertutur

Merehatkan Otak



Otak bagaikan mesin. Ada masanya, otak perlu direhatkan supaya dapat bertugas dengan lebih berkesan.





Tidur dapat merehatkan minda. Tempoh tidur tidak sama antara bayi dengan orang dewasa.

Azim: Kita hendaklah 🍷 .

Ajay: Tidur 🍷 .



Kita tidak digalakkan bekerja semasa berehat.



Paru-paru dan jantung ialah contoh organ yang bekerja sepanjang masa.

Anna: Mengapakah 🍷 ?

Sepani: Oh, rupa-rupanya 🍷 !

Cikgu Fahri: *Oleh itu, kita perlu merehatkan otak kita. Otak yang direhatkan akan dapat berfikir dengan lebih cerdas lagi.*

AKTIVITI

Bertutur.



- Murid bertutur dengan menggunakan pelbagai jenis ayat secara bertatasusila.
 - Murid menulis ayat dalam bentuk tulisan berangkai.
- ❖ Nilai: rasional

1.4.1

37



Membaca

Nyamannya Udara di Kampung

Azlina, Hamzah dan Alia berasa seronok kerana dapat berehat sambil menyedut udara segar di kampung.

“Wah, nyamannya udara petang di sini!” kata Hamzah.

“Mengapakah nenek suka tinggal di sini?” tanya Azlina pula.

“Nenek suka tinggal di sini kerana suasananya nyaman dan tumbuh-tumbuhan hijau yang ada di kampung membantu untuk menyegarkan udara,” ujar nenek.

“Ya, nenek. Menurut guru Sains saya, tumbuhan mengeluarkan oksigen. Setiap manusia pula memerlukan oksigen untuk bernafas,” beritahu Hamzah.

“Janganlah ada sesiapa yang melakukan pembakaran terbuka. Pembakaran itu akan meningkatkan kadar karbon monoksida,” sambung Azlina pula.

“Apakah kesannya jika pembakaran terbuka dilakukan secara berleluasa?” tanya Hamzah lagi.

“Hamzah, apabila berlaku pembakaran terbuka, udara akan tercemar. Kesannya, kita sukar untuk bernafas,” jawab Azlina.

“Cucu-cucu, jangan risau. Udara di kampung ini tetap nyaman kerana terdapat banyak tumbuh-tumbuhan di sana sini,” jelas nenek.

Nun jauh di hujung kampung, Azlina dapat melihat sebuah dangau dan beberapa ekor burung berterbangan di angkasa.



AKTIVITI

Baca petikan.

38



- Murid membaca pelbagai jenis ayat dengan intonasi yang betul.
- Murid membina ayat dengan menggunakan kata bilangan yang terdapat dalam teks.
- ❖ Nilai: menghargai alam

2.3.1





Menulis

Tidur yang Berkualiti

Blog.com Gaya Hidup Sihat

Carian

Maklumat

Lain-lain

Petua Tidur yang Berkualiti

- tempoh tidur yang mencukupi
- tempat tidur yang bersih, selesa dan kemas
- peralatan tidur yang sesuai

Kesan Tidur yang Berkualiti

- badan lebih sihat dan cergas
- minda lebih cerdas
- daya ingatan meningkat
- daya penumpuan dan kreativiti meningkat

Hantar

Batal

Simpan Sebagai Draf

Kepada:

Daripada:

Perkara:

Lampirkan fail

Emotif

Format

B

I

U



Rakan-rakan yang dihormati,

Saya telah melayari Blog Gaya Hidup Sihat. Dalam blog itu, terdapat maklumat tentang petua tidur yang berkualiti, iaitu tempoh tidur yang mencukupi,

Sekian, terima kasih.

Daripada,

Azim bin Abdul Rahman

AKTIVITI

Tulis maklumat.



- Murid menulis maklumat yang mempunyai kohesi.
- Murid menggunakan kata kerja tak transitif semasa menulis maklumat.
- ❖ Nilai: kesyukuran
- ✳️ Teknologi Maklumat dan Komunikasi


3.6.1

39



Kata Ganti Nama Diri Laras Bahasa Istana

Cantiknya Pemandangan



beta tuanku baginda patik

Sultan : Bendahara, beta berasa sukacita berada di anjung istana yang baharu ini. Beta dapat melihat pemandangan laut, bukit bukau dan kapal di hujung sana.

Bendahara : Benar, tuanku. Keindahan alam dapat merehatkan penglihatan kita.

Sultan : Bendahara, 🍷 bersyukur kerana negeri ini indah.

Bendahara : 🍷 juga demikian, 🍷 . Keindahan ini perlu kita hargai.

Sultan : Ayahanda 🍷 juga gemar melihat keindahan. 🍷 sering membawa 🍷 bersiar-siar di seluruh pelosok negeri.

AKTIVITI

Gunakan kata ganti nama diri laras bahasa istana.

40



- Murid menggunakan kata ganti nama diri laras bahasa istana semasa berlakon.
- Murid berbual dengan menggunakan kata ganti nama diri laras bahasa istana.
- ❖ Nilai: kesyukuran
- ❖ Pendidikan Alam Sekitar

5.1.3



UNIT 9 Nilai Kesihatan



Mendengar dan Bertutur

Kursus Kesihatan Mental

Hari	8.30 pagi - 12.00 tengah hari	2.00 - 4.00 petang	8.00 - 10.00 malam
Isnin	Sesi Suai Kenal	Ceramah 1 Makanan yang Seimbang	Ceramah 2 Kebaikan Beriadah dan Tidur yang Mencukupi
Selasa	Ceramah 3 Kekuatan dan Kelemahan Diri	Bengkel 1 Penentuan Matlamat	Bengkel 2 Pemikiran Positif
Rabu	Pembentangan Kumpulan	Majlis Penutupan	

Cikgu Preema : Soon Keat, apakah aktiviti yang kamu lakukan pada masa cuti?

Soon Keat : Saya menyertai Kursus 🍷 .

Cikgu Preema : Oh, bagusnya kursus itu! Berapa lamakah kursus itu dijalankan?

Soon Keat : Kursus itu dijalankan selama tiga hari, cikgu.

Cikgu Preema : Ceritakan aktiviti yang kamu lakukan selama tiga hari itu.

Soon Keat : Pada hari Isnin, saya 🍷 .

AKTIVITI

Berikan respons terhadap arahan mengikut kronologi.



- Murid menyampaikan maklumat mengikut kronologi.
- Murid membaca pelbagai jenis ayat.
- ❖ Nilai: kejujuran

1.3.1

41



Kebersihan Asas Kesihatan

Yang dihormati saudara pengacara majlis, yang disayangi guru kelas Tahun Lima Bestari dan yang dikasihi rakan-rakan sekelas. Saya ingin menyampaikan syarahan yang bertajuk “Kebersihan Asas Kesihatan”.

Hadirin yang dihormati,

Kebersihan ialah perihal bersihnya diri, tempat tinggal dan alam sekitar. Langkah menjaga kebersihan perlu dilakukan oleh seseorang atau sesuatu kelompok manusia yang cinta akan kebersihan.

Kebersihan ialah asas kesihatan.

Sebelum mandi, kita hendaklah memberus gigi. Sewaktu mandi, kita perlu bersabun supaya badan kita bersih dan segar. Kuku yang panjang perlu diketip supaya kotoran tidak melekat di celah kuku. Kita juga perlu berpakaian bersih pada setiap masa.

Hadirin yang dikasihi,

Kita mesti selalu membersihkan rumah kita. Sesiapa sahaja anggota keluarga bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan rumah. Kita akan berasa selesa jika rumah kita bersih. Selain ruang di dalam rumah, halaman juga perlu dibersihkan. Kebersihan rumah ialah asas kepada kesihatan keluarga.

Kita juga perlu menjaga kebersihan alam sekitar. Dedaun dan ranting yang gugur daripada pepohon hendaklah disapu. Sampah sarap hendaklah diurus dengan berkesan. Alam sekitar yang bersih akan menjadikan kehidupan kita lebih selesa dan ceria.

Akhir sekali, saya berharap agar penjagaan kebersihan diri, tempat tinggal dan alam sekitar akan kita jadikan amalan sesama kita.

Sekian, terima kasih.

AKTIVITI

Baca teks.

- Murid membaca ayat tunggal dan ayat majmuk berbilang subjek dan predikat dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- Murid mengenal pasti dan membina ayat dengan menggunakan kata ganda separa.
- ❖ Nilai: kebersihan fizikal dan mental



Menulis

Syair Bersih dan Sihat


Bapa Ratih orangnya cermat,
Keretanya bersih serta berkilat,
Apabila memandu dipastikan sihat,
Itulah amalan orang yang beringat.

Setelah penat dan letih memandu,
Rehat dan rawat tempat dituju,
Ratih sekeluarga berehat di situ,
Makanannya bersih serta bermutu.

Di stesen minyak lokasi yang ketiga,
Ratih sekeluarga berasa bangga,
Setiap barangan bertanda harga,
Pastikan bersih kualitinya terjaga.

Ratih sekeluarga ke pasar raya,
Kagum akan suasananya ceria,
Barangan dibeli mengikut upaya,
Nilai kesihatan mengatasi gaya.

Ratih melangkah ke kedai makanan,
Kedai dicari yang banyak pilihan,
Bersih berkhasiat jadi keutamaan,
Pentingnya kesihatan itulah amalan.



AKTIVITI

Tulis teks syair.



- Murid menulis syair dengan betul dan kemas.
- Murid melafazkan syair dan menyatakan bahasa yang indah.
- ❖ Nilai: kebersihan fizikal dan mental

3.2.6

43



Seni Bahasa

Gaya Hidup Sihat Datuk


Pada hari Sabtu yang lalu, aku menemani bapa balik ke kampung. Pada keesokan harinya, kami bersama-sama datuk pergi ke kebunnya yang terletak di seberang anak sungai di hujung kampung.

Datuk sudah lama membanting tulang dengan bersawah padi dan berkebun sayur. Kebun dan sawah datuk hanya sekangkang kera. Namun begitu, datuk sering menjual sayur-sayuran di pasar tani yang berdekatan.

Datuk bersyukur kerana dalam usia 70 tahun, beliau masih sihat dan mampu memerah keringat. Beliau mengamalkan tidur yang mencukupi dan sering makan makanan yang berkhasiat. Datuk juga aktif beriadah dengan melakukan beberapa pergerakan dalam seni silat.

Kadangkala, aku dan bapa serta anggota keluarga yang lain turut menyingsing lengan membantu datuk di kebun atau di sawah padi. Datuk berlapang dada dengan kehidupannya sebagai petani.

Pengajaran yang aku dapati daripada gaya hidup datuk ialah 🍷 .



AKTIVITI

Ujarkan cerita.

44



- Murid menyatakan maksud simpulan bahasa dan pengajaran daripada cerita. **4.2.2**
 - Murid membaca, memahami dan mengkategorikan maklumat serta memindahkannya ke dalam bentuk grafik.
- ❖ Nilai: kesyukuran



Kata Bilangan

Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAk)

Tahun : Lima Bestari (35 orang)
Hari : Isnin

Masa : 8.15 - 8.45 pagi

1.



- Naik turun bangku (tiga minit)
- lima orang

4.



- Jangkauan melunjur
- tujuh orang

2.



- Tekan tubi suaian (satu minit)
- enam orang

5.



- Berat
- semua murid

3.



- Ringkuk tubi separa
- empat orang

6.



- Tinggi
- masing-masing

Pada minggu yang lalu, sebanyak ... orang murid Tahun Lima Bestari telah ...

AKTIVITI

Sudahkan cerita.



- Murid menggunakan pelbagai jenis kata bilangan semasa menulis cerita.
- Murid bercerita dengan berdasarkan gambar.
- ❖ Nilai: kebersihan fizikal dan mental

5.1.7

45

Pemulihan

Baca ayat yang berikut dengan intonasi yang betul.

1.	Restoran itu diberikan gred A oleh jabatan kesihatan.
2.	Bekas-bekas lauk itu dilap dengan tuala yang bersih.
3.	Di manakah letaknya restoran yang bersih itu?
4.	Mengapakah kita perlu beriadah?
5.	Wah, bersihnya tandas di perhentian bas itu!
6.	Amboi, cantiknya pemandangan di pantai ini!
7.	Jagalah kesihatan kita sepanjang masa.
8.	Kita perlu mengambil makanan yang berkhasiat.

Pengayaan

Bina ayat majmuk pancangan relatif.



1a.	Restoran itu bersih.	1c. ...
1b.	Restoran itu disukai oleh pengunjung.	
2a.	Pekerja dapur itu rajin.	2c. ...
2b.	Pekerja dapur itu sedang mencuci salur gas.	
3a.	Murid itu sihat.	3c. ...
3b.	Murid itu makan makanan seimbang.	
4a.	Lelaki itu selalu bersenam.	4c. ...
4b.	Lelaki itu menitikberatkan kesihatan diri.	
5a.	Guru itu mengajar kami.	5c. ...
5b.	Guru itu meminta kami menjalani ujian SEGAK.	

TEMA

4

MEMATUHI ARAHAN DAN PERATURAN

Bersoal jawab tentang tajuk "Mematuhi Arahan dan Peraturan" dengan merujuk gambar peta pelbagai alir.



UNIT 10 Usah Leka



Mendengar dan Bertutur

Selamatkah Ubat?

Selamat pagi, para pendengar.

Rancangan Kesihatan Kita hari ini bertajuk “Selamatkah Ubat?”
Tahukah anda bahawa bukan semua ubat boleh dimakan?

Ubat jenis pil atau kapsul boleh dimakan untuk menyembuhkan atau mencegah penyakit. Selain itu, ubat jenis cecair mesti diminum mengikut sukatanannya. Anda harus berhati-hati kerana terdapat ubat jenis cecair yang tidak boleh diminum. Pada botol itu tertulis perkataan “Racun. Bukan untuk diminum.” Ubat ini sesuai untuk disapu pada kulit sahaja. Selain itu, bagi ubat yang boleh dimakan, kita mesti membaca aturan pemakanan dengan teliti. Hal ini demikian, untuk menjamin keselamatan diri kita.



Azim : Selamat pagi, Sepani. Kamu ada mengikuti rancangan “Kesihatan Kita” tentang keselamatan ubat?


Sepani : Selamat pagi, Azim. Ya, saya ada mengikuti rancangan tersebut. Menurut rancangan itu, kita mesti mematuhi aturan pemakanan ubat. Mengapa?

Azim : Kita mesti mematuhi aturan pemakanan ubat supaya . Tahukah kamu jenis ubat yang diterangkan?

Sepani : . Ada ubat cecair yang tidak boleh diminum?

Azim : Ya, juruhebah itu menerangkan bahawa . Apakah kegunaan ubat itu?

Sepani : Kegunaan ubat itu . Oleh itu, kita perlu berhati-hati.



AKTIVITI

Berikan respons.

48

PANDUAN GURU

- Murid memberikan jawapan dengan berdasarkan soalan yang mengandungi kata tanya dan tanpa kata tanya.
- Murid menulis jawapan pemahaman.
- ❖ Nilai: rasional

1.3.2



Membaca

Bermain di Luar Rumah

Kanak-kanak tentu berasa seronok apabila dapat bermain di luar rumah. Banyak tempat yang sesuai dan selamat untuk mereka bermain. Pastikan ibu bapa mengetahui tempat anak-anak mereka bermain.

Kanak-kanak tidak boleh bermain secara kasar seperti tolak-menolak. Perbuatan ini boleh menyebabkan kecederaan. Oleh itu, bermainlah secara berhemah supaya selamat.

Selain itu, pastikan kanak-kanak bermain pada waktu yang sesuai. Sekiranya mereka bermain sewaktu cuaca panas terik, mereka mungkin menghadapi masalah kekurangan air di dalam tubuh.

Kanak-kanak mestilah memakai pakaian yang sesuai semasa bermain. Pakaian bertali tidak digalakkan. Selain itu, elakkan daripada memakai rantai dan gelang. Langkah ini penting supaya mereka tidak tersangkut atau terselit di celah peralatan permainan. Mereka mestilah berkasut semasa bermain. Kaki mereka akan tertusuk objek tajam jikalau berkaki ayam.

Kesimpulannya, mereka mestilah mematuhi peraturan keselamatan semasa bermain di luar rumah.

Kebaikan Mematuhi Panduan Keselamatan

- boleh dikesan
- mudah mendapatkan bantuan



Terdapat beberapa kebaikan apabila kanak-kanak mematuhi panduan keselamatan bermain di luar. Kebaikan yang pertama ✎.

AKTIVITI

Baca teks.



- Murid membaca maklumat dan membuat ulasan.
- Murid menulis maklumat.
- ❖ Nilai: kasih sayang

2.4.1

49



Menulis

Usah Berseorangan

Soon Keat sekeluarga berkereta ke rumah nenek. Dalam perjalanan, muka adiknya, Wei Wei, berkerut-kerut. Kedua-dua belah tangan Wei Wei memegang perut. Rupa-rupanya, Wei Wei hendak membuang air. Soon Keat tersenyum melihat gelagat adiknya.

Soon Keat segera memberitahu ayahnya. Encik Yap memberhentikan kereta di sebuah stesen minyak. Wei Wei tergesa-gesa hendak keluar. Dia sudah tidak tahan untuk membuang air.

Tiba-tiba, ibu melarang Wei Wei keluar.

"Adik, kamu tidak boleh keluar seorang diri. Jentru berbahaya sekiranya keluar berseorangan. Ibu khuatir berlaku sesuatu yang tidak baik terhadap kamu. Mari ibu temankan kamu ke tandas," kata ibu.

Wei Wei berasa senang hati kerana ibu menemaninya ke tandas.



'Mengapakah Wei Wei perlu ditemani oleh ibunya ke tandas?'

AKTIVITI

Tulis ayat.

50





- Murid menulis perenggan pertama dan kedua dalam bentuk tulisan berangcai.
 - Murid membaca teks dan membuat pertimbangan.
- ❖ Nilai: berdikari

3.2.7



Seni Bahasa

Rak Buku Baharu



- Kamus : Wah, tuan kita membeli rak buku baharu!
- Majalah : Ya, Kamus. Lihat, ada Buku Panduan di situ.
- Kamus : Selamat sejahtera, Buku Panduan. Mengapakah kamu berada bersama-sama rak buku itu?
- Buku Panduan : Selamat sejahtera, Kamus dan Majalah. Isi kandungan saya menerangkan tatacara penggunaan dan pemasangan rak buku ini. Mereka mesti **ambil masa** untuk membaca dan memahami peraturan itu. Peralatan rak buku itu mesti dipasang dengan betul.
- Majalah : Ya, tatacara yang betul itu dapat mengelakkan pemasangan peralatan rak buku secara **membuta tuli**.
- Buku Panduan : Selain itu, tuan kita wajar **ringan mulut** meminta penjual peralatan itu memberikan panduan untuk memasang dan menggunakan rak buku.
- Kamus : Sekiranya **salah langkah**, tentu berlaku kesilapan sewaktu memasang peralatan. Tuan kita akan mengalami kemalangan atau kecederaan apabila menggunakan rak buku itu nanti.
- Majalah : Oleh itu, usah **ambil mudah**. Tuan kita perlu beringat dan berwaspada supaya keselamatan diri beliau terpelihara.
- Buku Panduan : Betul kata Majalah itu. Kita perlu **buka mata** akan kepentingan buku panduan. Jika tuan kita mematuhi 🍷

AKTIVITI

Ujarkan dialog.



- Murid mengujarkan dialog dengan sebutan yang betul.
- Murid menyatakan pengajaran.
- ❖ Nilai: rasional

4.3.2

51



Imbuhan Apitan


Peraturan Penggunaan Alat Pemadam Api

Pada hari ini, pihak Bomba dan Penyelamat datang ke SJKC Taman Sepadu. Mereka akan memastikan alat pemadam api di sekolah selamat dan berfungsi. Gimis dipilih untuk menunjuk cara penggunaan alat pemadam api sambil diawasi oleh anggota bomba.


Mula-mula Gimis 🍷.




- tegakkan alat pemadam api
- cabutkan pin __selamat__
- tujuannya untuk __elak__ penggunaan secara tidak sengaja



- acukan muncung alat pemadam api ke pangkal api
- pastikan __duduk__ kita pada jarak 1 hingga 1.5 meter dari api



- pemegang terdapat di atas alat pemadam api
- pemegang perlu ditekan untuk __mula__ semburan



- lakukan penyemburan pada __seluruh__ bahagian api
- semburkan dengan cara yang betul



- buka semua pintu dan tingkap setelah api __padam__ untuk __boleh__ udara segar masuk

Inti Bahasa

Imbuhan Apitan

Imbuhan yang diletakkan di hadapan dan di belakang kata dasar.

Contoh:

ke- ... -an = keselamatan

peN- ... -an = perasaan

meN- ... -kan = memadamkan

AKTIVITI

Lengkapkan perkataan.

52



- Murid melengkapi perkataan menggunakan imbuhan apitan.
- Murid mencatat maklumat.
- ❖ Nilai: keberanian

5.2.1

UNIT II Lihat dan Fikir



Mendengar dan Bertutur

Awasi Sekeliling

Soon Keat, pada petang nanti kamu dan rakan-rakan akan menghadiri kelas tambahan di dewan komuniti. Kamu dengar pesanan pak cik. Pada waktu itu, pekerja akan memotong rumput. Batu-batu kecil atau benda tajam akan terpelanting. Oleh itu, pastikan tingkap dan pintu ditutup.

Akhir sekali, pekerja akan menggunakan mesin angin. Mesin angin ini digunakan untuk mengumpulkan rumput dan sampah. Awas, serpihan rumput dan sampah itu boleh termasuk ke dalam mata. Rakan-rakan kamu hendaklah berada jauh dari tempat itu.

Sebelum pekerja memotong rumput, rakan-rakan kamu dilarang berada di kawasan itu. Pekerja akan menyenggarakan mesin rumputnya. Di situ, ada peralatan yang tajam dan berbahaya.

Tolong sampaikan pesanan pak cik ini kepada rakan-rakan kamu.



AKTIVITI

Sampaikan pesanan mengikut urutan.



- Murid menyusun dan menyampaikan pesanan mengikut urutan.
- Murid membaca dan memahami maklumat dalam teks.
- ❖ Nilai: kejujuran

1.3.3

53



Membaca

Berwaspada

Pada hujung minggu, keluarga Ajay ingin menceriakan halaman rumah mereka dengan menanam pokok hiasan.

“Ayah, tumbuhan hiasan manakah yang sesuai ditanam dengan berdasarkan maklumat ini? Mengapa?” tanya Ajay.



Majalah Pokok Hiasan

Pokok bunga mawar mempunyai bunga yang cantik dan berwarna-warni. Bunga mawar mengeluarkan bau yang harum. Pokok jenis ini mudah ditanam di dalam pasu. Tumbuhan ini juga tidak memerlukan air yang banyak.

Walau bagaimanapun, pokok hiasan ini mempunyai duri pada batang dan ranting. Duri pokok ini tajam dan boleh mencederakan kita. Kita hendaklah mengelakkan daripada bermain berhampiran dengan pokok ini. Oleh itu, kita perlu berhati-hati.



Blog Pokok Hiasan .COM

• Carian • Maklumat • Lain-lain

Pokok keladi mempunyai corak dan warna yang menarik.

Pokok ini tidak mengeluarkan bunga. Daun pada pokok ini lebar dan panjang. Pokok ini sesuai ditanam di kawasan yang redup dan lembap.

Pokok hiasan ini mempunyai cairan getah berwarna putih. Getah yang terkena pada mata boleh membawa kesan buruk kepada penglihatan kita. Kita mesti mencuci tangan yang terkena cairan getah ini. Tangan yang tidak dicuci tentu berbahaya sekiranya menyentuh makanan.



AKTIVITI

Baca teks.

- Murid membaca maklumat dan membuat keputusan.
- Murid menulis keputusan.
- ❖ Nilai: kerajinan



Menulis

Keselamatan di Padang

Pada setiap petang Rabu, SJKC Taman Sepadu mengadakan latihan permainan bola sepak dan bola jaring. Sebelum latihan, Cikgu Fahri akan memastikan kawasan permainan dan peralatan sukan selamat digunakan.


“Soon Keat dan Gimis, tolong saya di padang. Saya hendak memeriksa tiang gawang bola sepak dan tiang bola jaring,” kata Cikgu Fahri.

“Perluah tiang gawang bola sepak dan tiang bola jaring ini diperiksa selalu, cikgu?” tanya Gimis.

“Ya, kita perlu memeriksa kedua-dua tiang ini supaya selamat digunakan,” balas Cikgu Fahri.

“Tiang besi yang lama akan berkarat dan mudah reput atau patah. **Malang tidak berbau**, palang atau tiang itu boleh terjatuh lalu menimpa pemain dan sesiapa yang berada di kawasan itu,” jelas Cikgu Fahri.

Cikgu Fahri juga menjelaskan bahawa tiang bola jaring perlu kukuh, tidak mudah tumbang dan selamat digunakan. Tiang itu perlu direbahkan atau disimpan setelah digunakan.



AKTIVITI

Jawab soalan:

1. Siapakah yang diminta oleh Cikgu Fahri untuk membantunya di padang?
2. Bilakah latihan permainan bola sepak dan bola jaring diadakan?
3. Apakah maksud peribahasa “malang tidak berbau”?
4. Mengapakah tiang-tiang itu perlu diperiksa?
5. Pada pendapat kamu, siapakah Cikgu Fahri? Berikan alasan.
6. Ramalkan tiang gol yang lebih selamat pada masa depan.



- Murid membina jawapan dengan berdasarkan soalan bertumpu dan bercapah.
 - Murid membaca teks dengan lancar dan sebutan yang betul.
- ❖ Nilai: kerajinan

3.3.3


55





Kata Nama Am Tak Hidup Bukan Institusi

Kembara Selamat

- Hamzah : Selamat pagi, Soon Keat. Kamu sedang buat apa?
Soon Keat : Selamat pagi, Hamzah. Saya sedang meneliti peta lokasi kembara yang akan kita lalui nanti. Aspek keselamatan di setiap lokasi perlu kita titik beratkan.
- Hamzah : Terdapat empat cabaran dan kita mestilah menggunakan peralatan keselamatan yang ditetapkan.
- Soon Keat : Betul, Hamzah. Pada cabaran yang pertama, kita akan melalui ladang kelapa sawit. Kawasan tersebut berbahaya kerana pelepah kelapa sawit mempunyai duri. Oleh itu, kita perlu memakai pakaian dan kasut yang sesuai. Wisel diperlukan sekiranya kita tersesat di dalam ladang itu. Peti kecemasan mesti sentiasa dibawa sebagai persediaan kecemasan.
- Hamzah : Pada cabaran yang kedua pula,  .

Tapak Perkhemahan (Mula) → **Tamat**

1 - duri
- tajam

2 - bukit
- curam

3 - gua
- gelap

4 - sungai
- deras

Peralatan Keselamatan

- Red and white long-sleeved shirt
- Grey trousers
- Brown hiking boots
- Black gloves
- First aid kit (PETI PERUBAHAN CEMAS)
- Flashlight
- Whistle
- Coil of rope
- Whistle

AKTIVITI Sudahkan cerita.

- Murid menggunakan kata nama am tak hidup bukan institusi.
- Murid bertutur dengan berdasarkan peta lokasi dan gambar peralatan keselamatan.
- ❖ Nilai: berdikari

UNIT 12 Kecuaian Membawa Padah



Mendengar dan Bertutur

Beringat Selalu

Abang, lihat ayah sudah balik. Mari kita keluar.



Baiklah, abang. Kita 🍷

Eh, Wei Wei! Tunggu dulu! Adik, dengar dahulu penjelasan abang. Kita tunggu ayah di dalam rumah sahaja. Kita tidak boleh berada di belakang kereta yang sedang diundurkan oleh ayah. Pada waktu itu, ayah tidak nampak kita. Kita mungkin akan dilanggar.

Kita perlu mengelakkan diri daripada bermain di kawasan garaj. Jika berlaku sesuatu kecemasan, suara kita tidak didengari disebabkan oleh bunyi enjin kereta. Kita juga tidak boleh meninggalkan peralatan permainan di situ. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna. Sikap cuai tentu akan membawa padah. Adik, sebut semula perkara yang abang katakan tadi.



AKTIVITI

Dengar dan sebut ayat.



- Murid menyebut ragam ayat.
- Murid membina kerangka karangan.
- ❖ Nilai: berhati-hati

1.2.6

57



Membaca

Pilihan yang Bijak

Hotel

Hotel menyediakan tempat tidur yang lebih selesa dan bersih. Terdapat kemudahan seperti bilik air, peti sejuk, televisyen dan pendingin hawa. Bilik boleh dikunci dan keselamatan kita diawasi oleh pihak hotel.

Kita memerlukan wang untuk menyewa hotel. Kadar sewanya mengikut kemudahan yang disediakan. Walaupun kita menyewa untuk beberapa jam tetapi bayaran sewanya tetap sama.

Kereta

- tidur di dalam kereta lebih menjimatkan belanja
- boleh berhenti di mana-mana sahaja yang kita suka
- mempunyai penyaman udara
- mendengar lagu
- berbahaya jika berlaku kebocoran yang menyebabkan asap masuk ke dalam kereta
- kesesakan nafas akibat keracunan udara dan kekurangan oksigen

Ayah, bolehkah kita tidur di dalam kereta?

Kalau begitu, ...

Boleh, tetapi ...

Kita juga boleh tidur di hotel kerana ... Walau bagaimanapun, kita perlu mengutamakan keselamatan diri. Sekarang, apakah pilihan kamu? Mengapa?

AKTIVITI
Baca maklumat.

- Murid menyatakan keputusan yang lebih relevan dengan berdasarkan maklumat.
- Murid menyatakan permintaan.
- ❖ Nilai: rasional



Menulis

Awasi Haiwan Berbahaya



AKTIVITI

Tulis kerangka karangan.



- Murid membina kerangka karangan dengan berdasarkan gambar.
- Murid menggunakan imbuhan apitan dalam kerangka karangan.
- ❖ Nilai: kerjasama


3.3.4

59




Seni Bahasa

Awasi Diri

Diriku dan juga dirimu 
 Awasi dan **waspada** selalu
 Keselamatan diutamakan
 Usah disia-siakan





Diriku dan juga dirimu
 Teliti pokok bunga ibumu
 Ada duri ataupun getah
 Berhati-hati selalu 

Usah kita lalai
 Serangga merata-rata
 Ada yang berbahaya
 Beringat pasti selamat



Diriku dan juga dirimu
 Patuhilah peraturan
 Disiplin jadikan amalan
 Pasti selamat semua

(Melodi lagu "Putra Putri" atau
 melodi lain yang bersesuaian)



AKTIVITI

Nyanyikan lagu.

60



- Murid menyebut nilai.
- Murid membaca seni kata lagu.
- ❖ Nilai: kebersihan fizikal dan mental

4.1.1





Kata Nama Khas Tak Hidup

Percutian Keluarga



Pada cuti sekolah yang lalu, Gimis dan keluarga ke Pulau Langkawi. Pulau ini terkenal dengan keindahan alam semula jadi dan mempunyai hutan dara. Selain itu, terdapat kemudahan bot untuk melalui kawasan paya bakau.

Mereka berasa sungguh seronok kerana ayah Gimis memandu kereta Proton Exora yang baharu. Sebelum bertolak, Encik Paulus mengingatkan ahli keluarganya supaya memakai tali pinggang keledar. Pemakaian tali pinggang keledar ini sebagai langkah untuk menjaga keselamatan diri.

Setelah beberapa jam perjalanan, mereka pun sampai di 🚢.



AKTIVITI

Sambung cerita.



- Murid membina ayat dengan menggunakan kata nama khas tak hidup.
- Murid menulis cerita.
- ❖ Nilai: kesyukuran

5.1.2

61

Pemulihan

Sebut kata nama am tak hidup yang betul dengan berdasarkan gambar.



Pengayaan

Lengkapkan kata dasar dengan imbuhan apitan yang sesuai.

Kita perlu menjaga keselamatan diri walau di mana-mana pada setiap masa. Kita tidak boleh berlari-lari atau tolak-menolak. Perbuatan ini boleh menyebabkan kita terjatuh dan mengalami **cedera**.

Selain itu, di dalam bilik Kemahiran Hidup terdapat peralatan seperti gergaji, pahat dan penukul. Kita mestilah berhati-hati semasa **guna** peralatan tersebut. Patuhilah **atur** penggunaan peralatan ini supaya terjamin keselamatan diri.

Di dalam makmal Sains pula, terdapat banyak **alat** yang diperbuat daripada kaca. Oleh itu, kita tidak boleh menggunakan peralatan itu dengan sewenang-wenangnya. Kita hendaklah mendapatkan **benar** guru untuk menggunakan peralatan tersebut. Guru akan **awas** kita supaya tidak berlaku sesuatu yang berbahaya.

Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa berwaspada dan mengambil berat tentang keselamatan diri. Kita perlu **patuh** peraturan yang telah **tetap** oleh pihak sekolah. Peraturan tersebut akan dapat menjamin **selamat** diri kita.

Deklamasikan sajak.

Kita Seiring

Perpaduan amalan kita
Sepakat dan bersatu
Pelbagai kaum dan budaya
Seiring mencapai kejayaan

Satu bangsa satu negara
Sehati dan sejiwa
Kerana amalan perpaduan
Kami hidup sejahtera

Berganding bahu terus maju
Sama-sama berat dipikul
Sama-sama ringan dijinjing
Saling memahami dan toleransi
Walau beza agama dan budaya

Dari Perlis hingga ke Sabah
Seiring amalkan perpaduan
Satu negara satu matlamat
Malaysia negaraku



UNIT 13 Kenali dan Fahami



Mendengar dan Bertutur

Sukan Perpaduan


Program Sukaneka Perpaduan Penduduk Taman Sepadu

Perasmii : Yang Berbahagia Dato' Faizal bin Ibrahim
Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat
Tarikh : 2 Mei 2015
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Padang Taman Sepadu

Acara Sukaneka

1. Lari dalam guni

- hakim – Tuan Doktor Genesan
- tidak boleh melompat
- lari hingga garisan penamat



Tuan Doktor Genesan, adakah tuan tahu perasmii program ini?



Ya, Tan Sri. Program ini dirasmii oleh ...

Apakah tugas tuan doktor dalam acara sukaneka nanti? Bolehkah terangkan bagaimana acara itu dilaksanakan?

Baiklah ... Tugas saya ialah hakim bagi acara lari dalam guni. Acara itu ...

Datin Chew Mei Lin, apakah tugas ...



Acara Sukaneka

2. Tiup dan letup dua biji belon

- hakim – Datin Chew Mei Lin
- semua belon tidak boleh meletup semasa ditiup
- duduk di atas setiap belon hingga meletup



AKTIVITI

Gunakan kata panggilan.

64



- Murid menggunakan kata panggilan hormat dalam simulasi dengan berdasarkan gambar dan rangkai kata.
- Murid menggunakan kata bilangan.
- ❖ Nilai: semangat bermasyarakat

1.4.2



Membaca

Memupuk Perpaduan

Buletin Taman Sepadu

Pada musim cuti sekolah yang lalu, Jawatankuasa Perpaduan Taman Sepadu menganjurkan Kem Perpaduan. Peserta kem ini terdiri daripada murid dan mahasiswa dari taman ini.

Tujuan utama kem ini adalah untuk membina semangat muhibah dan toleransi dalam kalangan peserta yang berbilang kaum. Selain itu, tatatertib peserta turut dititikberatkan dalam program ini.

Aktiviti yang dijalankan telah dapat menarik minat peserta kem. Menurut seorang peserta kem, aktiviti itu bukan sahaja menyeronokkan malah dapat membina hubungan mesra dan kerjasama antara kaum.

Ciri-ciri Rakyat Malaysia

- Rakyat yang berbilang kaum dan agama, hidup aman dan harmoni.
- Negara unik yang mempunyai tatacara pelbagai budaya dan adat yang menarik.
- Menghormati adat, kaum dan agama masing-masing tanpa prasangka.
- Mempunyai tenaga usahawan, cendekiawan dan negarawan untuk menjamin kemajuan negara.
- Mempunyai pendidikan ilmiah yang berkualiti.
- Amalan bertatasusila dapat memupuk semangat muhibah.

AKTIVITI

Jawab soalan dan pernyataan:

1. Siapakah peserta Kem Perpaduan?
2. Berikan maksud "mahasiswa".
3. Apakah tujuan Kem Perpaduan ini dilaksanakan?
4. Berikan faedah amalan bertatasusila.
5. Nyatakan tiga gabungan tenaga untuk menjamin kemajuan negara.
6. Wajarkah aktiviti Kem Perpaduan diadakan pada setiap tahun? Berikan alasan.



- Murid membaca ayat yang mengandungi imbuhan pinjaman.
- Murid menjawab soalan pemahaman.
- ❖ Nilai: kesyukuran

2.2.3

65



Menulis

Semangat Perpaduan

Puan Lee : Ajay, sudahkah kamu menyiapkan teks syarahan yang saya minta semalam?

Ajay : Sudah Saya akan membaca teks syarahan tersebut.

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Encik Yau Yee Shin, Guru Besar SJKC Taman Sepadu, para hakim yang arif dan hadirin yang dihormati. Salam perpaduan saya ucapkan. Tajuk syarahan saya pada hari ini ialah “Kekalkan Perpaduan”.

Hadirin yang saya hormati,

Perpaduan bermaksud Untuk mengekalkan perpaduan, kita mesti ...



- mengunjungi
- bersalaman
- hubungan erat



- saling bekerjasama
- membantu jiran
- mengangkat
- meringankan beban



- saling memahami
- pelbagai bangsa
- berbincang
- menyelesaikan masalah

Kesimpulannya, amalan saling mengunjungi, bekerjasama dan memahami itu sangat penting. Amalan ini dapat membina masyarakat Malaysia yang aman dan harmoni.

Sekian, terima kasih.

AKTIVITI

Sampaikan maklumat.

66



- Murid menulis maklumat dalam bentuk syarahan.
 - Murid berbual dengan berdasarkan gambar.
- ❖ Nilai: kerjasama


3.6.2



Seni Bahasa

Sari dan Ceongsam

- Chia Ling : Selamat pagi, Sujata. Ibu saya mencadangkan supaya saya memakai sari semasa pertandingan pakaian tradisional nanti.
- Sujata : Ya, selamat pagi. Kalau begitu, saya pula memang **ada hati** untuk memakai ceongsam.
- Adibah : Wah, tentu menarik! Kita perlu memahami budaya kaum lain untuk memupuk perpaduan.
- Sujata : Betul kata kamu, Adibah. Saya berasa bangga apabila Chia Ling memakai sari. Lihat majalah ini, ada pelbagai fesyen sari dan ceongsam.
- Chia Ling : Amboi, cantiknya sari dalam gambar ini! Saya tidak sabar untuk memakainya. Tentu tempat pertama **dalam tangan** saya.
- Adibah : Ya, memang cantik. Ceongsam ini pun sungguh cantik.
- Chia Ling : Saya perlu **ambil masa** untuk memakai sari dengan betul.
- Sujata : Oh, ya! Ibu saya ada berpesan agar kalian datang ke rumah. Ibu saya **orang lama** dalam bidang pakaian tradisional ini. Beliau akan mengajar Chia Ling cara memakai sari.
- Chia Ling : Saya amat **senang hati** kerana ibu kamu sudi mengajar saya memakai sari ini.
- Sujata : Saya pun perlu belajar kerana masih belum mahir cara memakainya.
- Chia Ling : Baiklah. Saya **terhutang budi** dengan kebaikan kamu, Sujata. Saya akan mengajak ibu saya ke rumah kamu.



AKTIVITI

Ujarkan dialog.



- Murid melakonkan dialog dengan aksi yang sesuai.
- Murid membaca pelbagai jenis ayat.
- ❖ Nilai: hemah tinggi
- ✽ Peraturan Sosiobudaya

4.3.1

67



Kata Majmuk Istilah Khusus


Galeri Perpaduan

Pada minggu lalu, penduduk Taman Sepadu bekerjasama membaik pulih Galeri Perpaduan di Dewan Komuniti.

Soon Keat dan ayahnya turut serta dalam aktiviti itu. Encik Yap membawa kotak peralatan pertukangan. Antara alatan yang dibawa termasuklah ...



Beberapa penduduk taman sedang bekerja di dalam dewan. Encik Yap ...



tukul besi



gergaji tangan



ketam kayu



pita ukur

Hubungan warga taman menjadi lebih erat sewaktu kerja membaik pulih galeri itu.

Inti Bahasa

Kata Majmuk Istilah Khusus

Kata yang merujuk kepada istilah yang khusus dalam bidang tertentu. Contoh: pembaris besi, sesiku "L", pahat kayu, paku simen

AKTIVITI

Lengkapkan cerita.

- Murid membina ayat dengan menggunakan kata majmuk istilah khusus.
- Murid menulis kata majmuk secara ihlak.
- ❖ Nilai: kerjasama
- ❖ Kemahiran

UNIT 14 Berganding Bahu



Mendengar dan Bertutur

Perpaduan Rimba

Persatuan Penghuni Rimba

Syarat:

- warga tetap di hutan
- boleh mencari sumber makanan sendiri
- rekod kehidupan yang bersih

Kebaikan Penyertaan:

- mengeratkan hubungan
- kehidupan lebih aman
- saling membantu

Wahai, Sang Monyet!
Apakah hajat kamu
menghadap beta?

Ampun tuanku, patik ada
hajat menghadap tuanku.
Anak buah patik ingin
mengetahui syarat
dan faedah menyertai
Persatuan Penghuni
Rimba ini.

Baiklah, Sang Monyet. Kamu
jangan ambil mudah hal
ini. Dengar baik-baik yang
akan patik katakan. Syarat
dan kebaikan persatuan ini
ialah...

Patik menjunjung
kasih, ...

Wahai, kaum monyet!
... bertitah tentang
syarat dan kebaikan
penyertaan Persatuan
Penghuni Rimba.
Sebagai rakyat kita
mesti ...

AKTIVITI

Gunakan kata ganti nama diri laras bahasa istana dalam aktiviti main peranan.



- Murid menggunakan kata ganti nama diri laras bahasa istana.
 - Murid mengujarkan dialog lain yang mengandungi simpulan bahasa.
- ❖ Nilai: keadilan

1.4.3

69



Membaca

Semangat Kejiranan

Pada suatu hari, Puan Fadilah memanggil jirannya, Puan Sarinah. Beliau meminta Puan Sarinah datang ke rumahnya.

“Mengapakah Fadilah memanggil saya?” tanya Puan Sarinah.

“Aduh! Aduh! Perut saya sangat sakit!” kata Puan Fadilah.

Walaupun pelbagai ikhtiar dilakukan oleh Puan Sarinah, perut Puan Fadilah masih sakit lagi. Puan Sarinah pun segera menelefon pihak hospital untuk mendapatkan bantuan.

“Saya bimbang untuk meninggalkan rumah kerana suami saya berada di pejabat dan anak-anak saya pula berada di sekolah,” kata Puan Fadilah dengan sedih.

“Usah bimbang, Fadilah. Saya akan menghubungi suami kamu. Encik Azhar pula akan mengambil anak-anak kamu pulang dari sekolah. Saya akan meminta Encik Paulus mengawasi rumah kamu,” jelas Puan Sarinah lagi.

Tidak lama kemudian, ambulans pun tiba. Puan Fadilah segera dibawa ke hospital. Puan Fadilah dimasukkan ke dalam wad untuk menerima rawatan. Banyak jirannya datang menziarahi Puan Fadilah.

Seminggu kemudian, Puan Fadilah mengadakan jamuan khas untuk jiran-jirannya. Beliau mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana membantunya semasa ditimpa kesusahan.

1. Apakah bantuan yang diberikan oleh jiran-jiran Puan Fadilah semasa dia dalam kesusahan?
2. Siapakah yang menziarahi Puan Fadilah di hospital?
3. Mengapakah kita mesti membantu jiran kita semasa mereka dalam kesusahan?

AKTIVITI

Baca teks.

70



- Murid membaca teks dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- Murid membina dan menjawab soalan pemahaman.
- ❖ Nilai: baik hati

2.3.1



Menulis

Larian Perpaduan

Ajay, pada minggu lalu kamu telah menyertai Program Larian Perpaduan. Tentu kamu seronok kerana dapat menyertai larian itu.

Bolehkah kamu tuliskan catatan tentang program tersebut?




Ya, cikgu. Penduduk taman bekerjasama menjayakan program murni ini.



Ahad, 7 Jun 2015.

7.00 pagi

Saya dan peserta Larian Perpaduan berkumpul di padang permainan tepat pada masa yang ditetapkan. Kami mendaftarkan nama dan mendapatkan nombor larian. Kami juga mendengar taklimat daripada pengurus taman tentang panduan keselamatan dan tunjuk arah larian.



11.00 pagi

Program Larian Perpaduan Taman Sepadu tamat. Kami bersama-sama membersihkan kawasan. Kami sangat seronok. Aktiviti ini bukan sahaja dapat menyihatkan badan malah mengeratkan hubungan penduduk di Taman Sepadu ini.

AKTIVITI

Tulis karangan.



- Murid menulis karangan yang berbentuk catatan harian.
- Murid memberikan respons.
- ❖ Nilai: kerjasama

3.7.2



71



Kata Kerja Tak Transitif

Kayuhan Amal

Kelab Rekreasi SJKC Taman Sepadu telah menganjurkan Program Kayuhan Amal. Guru dan ahli kelab berbasikal menuju ke arah tiga lokasi. Apabila tiba di lokasi pertama, iaitu Ladang Getah Sinaran, Cikgu Fahri ...



AKTIVITI

Tulis cerita.

72



- Murid menulis cerita dengan menggunakan kata kerja tak transitif.
- Murid bercerita dengan berdasarkan gambar.
- ❖ Nilai: kerajinan

5.1.4

UNIT 15 Bersatu Padu



Mendengar dan Bertutur

Jawatankuasa Penduduk



Selamat sejahtera. Pengarah Jabatan Perpaduan Negara menggalakkan penubuhan jawatankuasa penduduk di kawasan perumahan.

Menurut beliau, **tujuan penubuhan jawatankuasa penduduk ini adalah untuk mengeratkan hubungan dalam kalangan masyarakat setempat.**

Masyarakat juga dapat mengatasi dan membanteras gejala sosial. **Dengan itu, suasana persekitaran yang selamat dapat diwujudkan.**

Selain itu, masyarakat berpeluang bekerjasama untuk memelihara keindahan dan keceriaan taman. Beberapa program boleh dianjurkan seperti latihan keselamatan, sukan dan bengkel.

Ayah, terdapat banyak kebaikan penubuhan jawatankuasa penduduk ini. Sudahkah jawatankuasa ini ditubuhkan di taman kita?

Sudah, Ajay. Jawatankuasa ini dianggotai oleh penduduk daripada pelbagai kaum. Cuba Ajay beritahu ayah tujuan penubuhan jawatankuasa penduduk ini.



MAKLUMAT

Membanteras: Menghapuskan

AKTIVITI

Dengar dan sebut ayat.



- Murid menyebut pelbagai ragam ayat.
- Murid membaca teks dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ❖ Nilai: rasional

1.2.6

73



Membaca

Air Batu Campur

Pada suatu hari, Arwin membawa adik-adiknya, Ajay dan Arya, untuk menikmati air batu campur di sebuah restoran. Air batu campur di restoran itu sungguh sedap dan menarik. Mereka boleh memilih bahan campuran untuk dimasukkan ke dalam air batu campur.

“Wah, air batu campur ini berwarna-warni! Ada aiskrim di tengah-tengahnya,” kata Arya dengan kagum.

Bahan campuran itu ialah jagung, halwa kabung, kacang merah, cendol dan cincau. Setiap bahan ini mempunyai pelbagai warna dan bentuk yang berbeza.

“Air batu campur ini bukan sahaja menarik, malah rasanya sungguh enak,” kata Ajay pula.

“Ya, Ajay. Susu, sirap, manisan gula dan coklat juga diletakkan dalam air batu campur,” kata Arwin pula.

Begitulah juga keunikan rakyat yang terdapat di negara kita. Setiap kaum di Malaysia mempunyai perbezaan budaya dan agama. Walaupun berbeza latar belakang, namun kita satu masyarakat dalam satu negara.

“Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu berbaik-baik antara kaum?” tanya Arwin.

“...,” jawab Ajay.



AKTIVITI

Baca teks.

- Murid membaca teks dengan lancar dan sebutan yang betul.
- Murid mengemukakan pendapat.
- ❖ Nilai: hormat-menghormati



Menulis

Demi Perpaduan

Soon Keat melihat ibunya yang sedang membaca sesuatu. Dia mendekati ibunya lalu bertanya.

"Apakah yang sedang ibu baca itu?" tanya Soon Keat.

"Ibu sedang membaca syarat pertandingan memasak. Ayah kamu akan menyertai pertandingan ini bersama-sama Pak Cik Chandran. Hari ini, ayah kamu akan menyediakan makanan tengah hari untuk kita sekeluarga," kata Puan Chan.

Encik Yap terdengar perbualan itu lalu berkata, "Kita mestilah melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan. Tujuan pertandingan ini adalah untuk menyatupadukan penduduk taman. Bagi ayah, menang atau kalah tidak penting. Walau bagaimanapun, kita perlu menunjukkan semangat dan kesungguhan dalam pertandingan."

Puan Chan dan Soon Keat tersenyum. "Betul kata ayah kamu itu," ujar Puan Chan.

"Selain itu, apakah lagi faedah menyertai pertandingan ini, ayah?" tanya Soon Keat.

  "jelas ayah."

AKTIVITI

Tulis ayat dengan menggunakan tulisan berangcai.



- Murid menulis perenggan keempat dan kelima dalam bentuk tulisan berangcai.
- Murid menyatakan maklumat yang tersirat.
- ❖ Nilai: semangat bermasyarakat

3.2.7

75



Seni Bahasa

Syair Nasi Goreng Sepadu

Nasi goreng makanan segera,
Semua kaum makan berselera,
Hubungan erat hidup sejahtera,
Dari selatan hingga utara.

Boleh dicampur pelbagai ramuan,
Seperti memupuk semangat perpaduan,
Lalu hidangkan dalam jamuan,
Jemputlah jiran agar sehaluan.

Telur dan timun sebagai hiasan,
Diatur kemas umpama lukisan,
Pelbagai idea mengikut cetusan,
Digambarkan seperti sifat insan.

Hidangan dimakan bersama-sama,
Tanpa mengira kaum dan agama,
Pasti hubungan kekal selama,
Daya penggerak kemajuan diutama.

Nasi goreng sebagai kiasan,
Perpaduan amalan setiap insan,
Kita bersepadu menuju wawasan,
Amalan baik menjadi warisan.



AKTIVITI

Lagukan syair.

76

PANDUAN
GURU

- Murid menghasilkan lukisan dengan berdasarkan syair.
- Murid melagukan dan memahami maksud syair.
- ❖ Nilai: kesyukuran

4.4.2




Peluasan Predikat

Saling Membantu




1a.



1b.

- 1a. Hamzah membentangkan alas meja.
- 1b. Hamzah meletakkan pasu bunga kecil di tengah-tengah meja.
- 1c. Hamzah membentangkan alas meja lalu ...



2a.



2b.

- 2a. Sujata menyatakan sesuatu.
- 2b. Sujata akan mengadakan jamuan ulang tahun kelahiran.
- 2c. Sujata ...



3a.



3b.

- 3a. Gimis mengumpulkan hadiah.
- 3b. Gimis mengira hadiah.
- 3c. Gimis mencatat jumlah hadiah.
- 3d. Gimis ...

Inti Bahasa

Peluasan Predikat

Penambahan unsur dalam predikat. Contoh:

1. Sujata membantu Ajay.
2. Sujata menghantar Ajay ke hospital.
3. Sujata membantu Ajay dengan menghantarnya ke hospital.

AKTIVITI

Bina ayat.



- Murid membina ayat dengan peluasan predikat.
- Murid membaca ayat tunggal dan ayat majmuk.
- ❖ Nilai: hemah tinggi

5.3.1

77

Pemulihan

Sebut ayat aktif dan ayat pasif.

1. Encik Yap dan Encik Chandran menyertai pertandingan memasak itu.
2. Pertandingan memasak itu disertai oleh Encik Yap dan Encik Chandran.
3. Soon Keat dan Wei Wei membeli air batu campur itu.
4. Air batu campur itu dibeli oleh Soon Keat dan Wei Wei.
5. Mangsa banjir telah diselamatkan oleh pasukan jawatankuasa perpaduan.
6. Pasukan jawatankuasa perpaduan telah menyelamatkan mangsa banjir.
7. Perayaan Tahun Baharu Cina pada tahun ini disambut dengan meriah oleh penduduk taman.
8. Penduduk taman menyambut perayaan Tahun Baharu Cina dengan meriah pada tahun ini.

Pengayaan

Bina ayat dengan peluasan predikat.


1	Mereka pergi ke sekolah. Mereka menaiki bas bersama-sama.	dengan
2	Encik Yap sedang mengira kehadiran ahli jawatankuasa. Encik Yap sedang mencatat kehadiran ahli jawatankuasa.	dan
3	Puan Rafidah menghadiri mesyuarat. Mesyuarat diadakan di Dewan Komuniti Taman Sepadu.	yang
4	Penduduk Taman Sepadu mengutip derma. Penduduk Taman Sepadu membantu mangsa banjir.	untuk
5	Puan Riana hendak berjumpa dengan Doktor Rama. Doktor Rama masih sibuk memeriksa pesakit lain.	tetapi

TEMA

6

MENGHARGAI BUDAYA BANGSA

Teliti gambar dan bincangkan kepentingannya.



UNIT 16 Budaya Kita



Mendengar dan Bertutur

Pesta Budaya Seni Warisan



- Tan Sri Devarajan : Datuk, apakah pandangan Datuk tentang persiapan majlis kita ini?
- Datuk Paduka Johari : Saya fikir persiapan ini ialah yang terbaik pernah kita lakukan, 🍷 .
- Tan Sri Devarajan : Tahniah 🍷 kerana dapat mengetengahkan budaya seni warisan dengan amat baik.
- Tuan Haji Masri : Terima kasih, 🍷 . Kejayaan ini hasil kerjasama penduduk taman.
- Datin Chew Mei Ling : 🍷 , kejayaan juga berpunca daripada sokongan padu 🍷 dan 🍷 serta semua 🍷 .

AKTIVITI

Bualkan secara simulasi.

80



- Murid berbual dengan menggunakan kata panggilan hormat secara simulasi.
 - Murid membaca maklumat dan gambar.
- ❖ Nilai: kerjasama

1.4.2



Membaca

Persembahan Betitik

Gimis dan keluarganya menyaksikan persembahan betitik yang diadakan sempena Pesta Budaya Seni Warisan di Taman Sepadu. Persembahan ini dijayakan oleh kumpulan budaya suku kaum Bajau dari Sabah.

“Apakah maksud betitik, ayah?” tanya Gimis.

“Betitik ialah perbuatan memukul atau mengetuk alat muzik, disusuli dengan lagu dan tarian. Betitik biasanya dipersembahkan dalam majlis keramaian dan majlis perkahwinan,” jelas Encik Paulus.

“Apakah alat-alat muzik yang digunakan oleh mereka, ayah?” tanya Gimis lagi.

“Alat-alat muziknya ialah gong, gendang, bandil dan kulintangan. Alat-alat ini dimainkan oleh enam orang pemuzik. Mereka mendendangkan lagu-lagu dalam irama Bajau yang unik dan menghiburkan,” sambung Encik Paulus.

“Ayah, mengapakah kita patut mengekalkan betitik ini?” tanya Gimis.

“...,” jawab Encik Paulus.



Foto: Ihsan Puan Malika Arfah

AKTIVITI

Baca teks secara teater pembaca.



- Murid membaca dan memahami teks untuk membuat pertimbangan.
- Murid mengenal pasti pelbagai jenis ayat dalam teks.
- ❖ Nilai: kesyukuran

2.6.2

81



Menulis

Silat Seni Gayong

Azim dan rakan-rakannya anggota Persatuan Silat Seni Gayong, Taman Sepadu. Mereka akan mempersembahkan seni silat sempena Pesta Budaya Seni Warisan di Taman Sepadu.

Sebelum persembahan itu diadakan, mereka telah berlatih dengan bersungguh-sungguh dalam mempelajari pergerakan silat daripada seorang guru silat. Para pesilat memerlukan pergerakan yang tangkas.

“Dalam seni silat, musuh-musuh usah dicari,” pesan guru silat kepada para pesilat.

Azim bersyukur kerana dapat mempelajari selok-belok ilmu silat sambil memajukan seni dan budaya warisan bangsa. Azim tidak malu-malu untuk meminta tunjuk ajar daripada guru silat tentang mana-mana pergerakan silat yang tidak dapat dilakukannya.

Semasa mengakhiri sesi latihan peringkat pertama, guru silat mendendangkan serangkap syair.

Seni gayong cabang budaya,
Sudah terkenal seluruh dunia,
Pesilat beraksi cekap bergaya,
Mendidik minda tangkas berdaya.



AKTIVITI

Tulis perkataan.

- Murid menulis kata majmuk dan kata ganda secara imlak.
- Murid mendendangkan syair.
- ❖ Nilai: keberanian



Seni Bahasa

Hormati Orang Tua

Mari hormati orang tua
 Mulianya mereka bak pendeta
 Sayangi serta hormati mereka
 Kehidupan kita akan sejahtera.



ungkapan indah

Orang tua bagai pujangga
 Akal mereka amat bergeliga
 Setiap nasihat amat berharga
 Kasih mereka jiwa dan raga.



Tingginya nilai budaya kita
 Hormat dan taat tanpa dipinta
 Hargailah orang tua kita
 Pesanan mereka bak pelita.



Begitu tingginya resam kita
 Orang tua umpama harta
 Dijaga mereka bak permata
 Nilai berharga tidak terkata.



(Melodi lagu “Nenek Si Bongkok Tiga” atau melodi lain yang bersesuaian)



AKTIVITI

Sebut seni kata lagu.



- Murid menyatakan ungkapan yang indah daripada seni kata lagu.
- Murid membina kerangka karangan dengan berdasarkan gambar.
- ❖ Nilai: hormat-menghormati

4.1.2

83



Kata Bilangan

Keistimewaan Pakaian Tradisional

- Hamzah : Soon Keat, saya memilih pakaian baju Melayu cekak musang berwarna hijau, bersamping dan bersongkok hitam. Pakaian yang lengkap ini menunjukkan kesantunan orang Melayu.
- Soon Keat : Adik saya, Wei Wei, memakai ceongsam berwarna merah. Warna ini menggambarkan keberanian dan ketangkasan orang Cina. Dia memiliki **tiga** helai ceongsam. Semua bajunya berwarna merah.
- Ajay : Soon Keat, Hamzah, ibu saya pula memiliki **beberapa** pasang sari. **Setiap** sari berwarna-warni. Warna-warni yang berseri menunjukkan kehidupan orang India yang harmoni.
- Hamzah : Biasanya, ayah kami akan menempah sepasang baju Melayu untuk tiap-tiap anggota keluarga kami. Warna pakaian itu mengikut pilihan masing-masing.
- Soon Keat : Hamzah, ibu saya memiliki lima helai ceongsam. Fesyen **semua** ceongsam itu adalah sama. Ceongsam disukai kerana bentuknya yang ringkas dan memudahkan pergerakan.
- Ajay : Memang menarik pakaian tradisional penduduk negara kita. Semua pakaian ini menunjukkan keistimewaan budaya masyarakat kita.



84

PANDUAN
GURU


- Murid mengenal pasti dan membina ayat dengan menggunakan kata bilangan **5.1.7** dalam teks.
 - Murid berbual tentang pakaian tradisional.
- ❖ Nilai: rasional

UNIT 17 Seni Tulisan



Mendengar dan Bertutur

Seni Tulisan Jawi



Seni tulisan Jawi ialah cabang seni budaya Melayu. Tulisan Jawi ditulis dan dibaca dari kanan ke kiri. Bentuk tulisan ini digunakan untuk menyampaikan ilmu dan mengembangkan kesusasteraan. Guru, penulis dan ahli agama adalah antara orang yang biasa menggunakan tulisan Jawi.

Huruf Jawi

ح	ج	ث	ة	ت	ب	ا
س	ز	ر	ذ	د	چ	خ
غ	ع	ظ	ط	ض	ص	ش
ل	ک	ق	ف	ق	ف	غ
ي	ء	ه	و	ن	م	
				ث	ی	

Soon Keat : Sujata, cantik tulisan Jawi itu. Kamu mahir menulis tulisan Jawi?

Sujata : 🛒 .

Soon Keat : Berapakah jumlah huruf Jawi, Sujata?

Sujata : 🛒 .

Soon Keat : Bagaimanakah cara menulis huruf Jawi?

Sujata : Tulisan Jawi 🛒 .

Soon Keat : Siapakah yang menggunakan tulisan Jawi?

Sujata : 🛒 .

Soon Keat : Perlukah saya mempelajari tulisan Jawi?

Sujata : Kamu 🛒 .

Soon Keat : Dapatkah kita membaca tulisan Jawi, Sujata?

💡 Sujata : Soon Keat, 🛒 .

AKTIVITI

Berikan respons.



- Murid memberikan jawapan berdasarkan soalan dengan kata tanya dan tanpa kata tanya.
- Murid membuat keputusan dengan berdasarkan maklumat.
- ❖ Nilai: rasional

1.3.2

85



Membaca

Seni Tulisan Cina

Seni tulisan Cina dianggap unik kerana tulisannya menggambarkan kemurnian dan kualiti seseorang ahli kaligrafi.

Kaligrafi Cina dihasilkan dengan menggunakan dakwat, berus dan kertas khas. Alat dan bahan ini bukan sesuatu yang mudah digunakan untuk menulis seni tulisan Cina. Setiap tulisan yang dihasilkan ada nilai yang tersendiri.

Seni kaligrafi Cina ada pelbagai gaya dan bentuk. Pada umumnya, terdapat lima bentuk kaligrafi Cina, iaitu Zhuan Shu, Li Shu, Kai Shu, Xing Shu dan Cao Shu.

Pihak Balai Seni Visual Negara (BSVN) dan Persatuan Seni Tulis Malaysia (PSTM) turut memartabatkan seni warisan tulisan Cina. Mereka menganjurkan siri Pameran Kaligrafi Malaysia. Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina juga menjadikan aktiviti menulis kaligrafi Cina untuk mencungkil bakat ahli kaligrafi muda.

Sumber: <http://utusan.com.my/kaligrafi-Cina>



Malaysiaku
yang Tercinta

AKTIVITI

Jawab soalan dan pernyataan:

1. Apakah keunikan seni tulisan Cina?
2. Siapakah yang memajukan seni kaligrafi Cina?
3. Buat ulasan tentang bentuk dan penggunaan alat tulis dalam seni kaligrafi Cina.

- Murid membaca dan membuat ulasan tentang bentuk dan alat tulis dalam seni kaligrafi Cina.
- Murid membina dan menulis jawapan.
- ❖ Nilai: kesyukuran



Menulis

Seni Tulisan Tamil

Cikgu Ratika bercerita tentang seni tulisan Tamil. Rahimi dan murid-murid Tahun Lima Murni, SJKT Melati begitu seronok mendengar maklumat yang belum pernah didengar oleh mereka. Cikgu Ratika menerangkan bahawa seni tulisan Tamil digunakan untuk menulis bahasa Tamil.

“Wah, berpengaruhnya bahasa Tamil! Bentuk tulisan Tamil sebagai alat penyebaran bahasa Tamil digunakan oleh 74 juta penduduk dunia,” ujar Rahimi.

“Bentuk tulisan Tamil yang terawal ditemukan dalam skrip Brahmi. Skrip ini ditulis pada daun-daun palma,” jelas Cikgu Ratika lagi.

“Dari manakah asalnya tulisan Tamil di negara kita?” tanya Azlan.

“Tulisan Tamil di negara kita sebenarnya berasal dari Tamil Nadu, India. Tulisan ini mula diiktiraf oleh Kerajaan Tamil Nadu pada tahun 1977,” jawab Cikgu Ratika.

“Untuk makluman kamu, tulisan Tamil ditulis dan dibaca dari kiri ke kanan. Pihak yang memajukan tulisan ini di negara kita ialah Kementerian Pendidikan Malaysia. Seni tulisan Tamil juga dikembangkan dalam bahan-bahan penerbitan berbahasa Tamil,” jelas Cikgu Ratika lagi.

Rahimi juga diberitahu bahawa seni tulisan Tamil dipelajari melalui pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Sumber: <http://dspace.fsktm.um.edu.my>

AKTIVITI

Tulis perenggan.



- Murid menulis perenggan yang mengandungi kata majmuk secara imlak.
 - Murid mengenal pasti dan membina ayat dengan menggunakan perkataan yang mempunyai imbuhan apitan dalam teks.
- ❖ Nilai: rasional

3.4.2

87



Seni Bahasa

Pameran Seni Tulisan

Cintai Bahasa Kita

چینتائی بهاس کیت

爱我们的语言

நம் மொழியை நேசிப்போம்

- Cikgu Lee : Chia Ling, kamu mesti bekerjasama dengan rakan-rakan untuk menjaga bahan pameran ini.
- Chia Ling : Baiklah, cikgu. Kami akan mencari jalan untuk menjaga bahan-bahan pameran ini.
- Ajay : Wah, menariknya bahan-bahan ini! Apabila seni tulisan dipamerkan, barulah kita nampak keindahan setiap seni tulisan tersebut.
- Cikgu Lee : Ya, Chia Ling dan Ajay. Setiap jenis tulisan ada nilai seni dan kreativitinya.
- Ratih : Betul, cikgu. Oleh itu, kita patut 🍷 .
- Cikgu Lee : Betul, Ratih. Saya percaya bahawa kamu mampu mengasah bakat kamu untuk menulis dengan baik. Oleh sebab kesenian tulisan penting untuk dipelihara, kamu tidak boleh lepas tangan. Oleh itu, kamu hendaklah terus berusaha agar dapat menulis dengan kemas.
- Ratih : Baiklah, cikgu.
- Hamzah : Cikgu, bahan pameran ini dapat menceriakan kelas kita.
- Cikgu Lee : Betul, Hamzah. Kita hendaklah 🍷 .

AKTIVITI

Ujarkan dialog.

88



- Murid menyatakan pengajaran daripada lakonan.
- Murid membaca teks untuk membuat pertimbangan.
- ❖ Nilai: kerjasama

4.3.2



Mendengar dan Bertutur

Tepak Sirih



Puan Sarinah : Gimis, kamu kenal objek di dalam almari hiasan itu?

Gimis : Saya selalu memandangnya tetapi tidak tahu kegunaannya, ibu.

Puan Sarinah : Inilah tepak sirih namanya. Tepak sirih dilengkapi mangkuk-mangkuk kecil yang bertutup. Tepak sirih digunakan dalam adat memakan sirih.

Gimis : Bagaimanakah tepak sirih ibu kekal bersinar tanpa karat?

Puan Sarinah : Gimis, ibu proaktif mengekalkan ciri antikarat pada tepak sirih dengan mencucinya. Ibu akan memisahkan bahagian-bahagian tepak sirih dan merendamnya di dalam baldi yang berisi air perahan asam jawa. Air itu secara automatik akan bertindak sebagai bahan pencuci tepak sirih. Selepas itu, bahagian-bahagian itu dijemur. Minta kakak kamu mencuci tepak sirih itu.

Gimis : Baiklah, ibu. Bagaimanakah cara mencuci gambar tepak sirih itu, ibu?

Puan Sarinah : Tepak sirih dalam bentuk fotografi itu mudah sahaja cara mencucinya. Turunkan gambar itu, kemudian lap cermin dan bingkai menggunakan tuala kecil yang lembap. Minta abang kamu yang melakukannya.

Gimis : Abang, tadi ibu berpesan 🍽️ .

Suping : Baiklah, Gimis.

Gimis : Ibu juga berpesan kepada kakak supaya 🍽️ .

Nalia : Baiklah.

AKTIVITI

Berikan respons.



- Murid menyampaikan pesanan mengikut urutan.
- Murid mengenal pasti dan membina ayat menggunakan perkataan yang mengandungi imbuhan pinjaman dalam teks.
- ❖ Nilai: kerajinan



Membaca

Klirieng dari Kapit

Catatan Anna

Isnin, 10 Ogos 2015

Aku bertuah kerana berpeluang untuk menyertai Kem Celik Budaya anjuran Muzium Negara. Aku dapat mengenali klirieng, iaitu batang kayu berukiran yang terkenal di Daerah Kapit, Sarawak.

Selasa, 11 Ogos 2015

Aku perlu mencari maklumat tentang klirieng. Klirieng ditempah oleh keluarga yang berkemampuan kerana mereka perlu mengupah pengukir. Kerja mengukir pula dibuat di rumah panjang dalam tempoh satu hingga tiga bulan.



Aku perlu menulis laporan kursus. Aku sudah dimaklumkan bahawa klirieng yang baik diukir daripada batang kayu belian. Kayu belian mudah diukir dan mampu bertahan ratusan tahun. Corak ukirannya berbentuk paku pakis dan topeng.

Khamis, 13 Ogos 2015

Kursus berakhir pada petang ini. Banyak manfaat yang aku peroleh. Aku telah membuat keputusan bahawa klirieng ...



MAKLUMAT

Landskap: Pemandangan alam di sesuatu kawasan.



Kini, klirieng dijadikan sebagai satu objek seni yang menghiasi landskap.

AKTIVITI

Baca maklumat.

90



- Murid membuat keputusan dengan berdasarkan maklumat.
 - Murid menghasilkan penulisan deskriptif yang berbentuk catatan tentang Kem Celik Budaya.
- ❖ Nilai: hormat-menghormati

2.4.2





Menulis

Model Seni Kraf

Carta Pembuatan Model



- memilih objek seni (rumah)



- menentukan bilangan batang ais krim dan saiz rumah



- menyediakan bahan dan alat

mewarnakan model

menyusun model

membina model: mengolah, menyusun dan melekatkan batang

Selamat pagi, Sujata. Saya ingin membuat model untuk dijadikan hiasan di dalam kelas. Bolehkah kamu terangkan cara membuat model?


Sujata, apakah pandangan kamu tentang aktiviti membuat model ini?



Selamat pagi, Sepani. Untuk membuat model, sila rujuk jadual ini.

Mula

Memilih objek seni



Tamat

Pada pandangan saya ...

AKTIVITI

Catat maklumat yang betul mengikut keutamaan.



- Murid mencatat langkah pembuatan model mengikut keutamaan.
- Murid berbincang untuk mengemukakan pandangan dan pendapat daripada pelbagai sumber.
- ❖ Nilai: menghargai

3.5.2

91



Seni Bahasa

Cantiknya Songket

Cantiknya songket kita 🎵
Melambangkan budaya 🎵
Songket menghiasi kraf tangan
Bagaikan bunga penyeri taman

🎵 Songket seni budaya
Coraknya lembut bermakna
Seninya memikat hati semua
Nilainya tinggi bagai pusaka

Kraf tangan budaya
Pelbagai bentuk dan gaya 🎵
Disimpan atau dipamerkan
Nilainya tinggi bak mutiara

🎵 Cantiknya songket kita
Coraknya halus dan indah
Mencerminkan budaya bangsa
Bagaikan emas tinggi harganya.

(Melodi lagu Suriram atau melodi lain yang bersesuaian)



Selamat pagi, Ajay. Bolehkah kamu sebut ungkapan yang indah dalam seni kata lagu ini, Ajay?



Selamat pagi, cikgu.



Boleh, cikgu. Ungkapan itu ialah 🍷

AKTIVITI


Sebut seni kata lagu dalam teater pembaca.

- Murid mengemukakan ungkapan indah.
- Murid berbicara untuk mendapatkan maklumat.
- ❖ Nilai: kesyukuran



Kata Adjektif

Replika Seni di Sekolahku



dekat hampir jauh rapat

Ajay, cuba kita lihat kedudukan replika buku di sekolah kita. Boleh kamu jelaskan kedudukan itu?



Oh, boleh, Anna! Replika buku terletak paling ...

Inti Bahasa

Kata Adjektif Jarak

Perkataan yang bermaksud ruang antara dua bentuk atau keadaan.
Contoh: jauh, dekat, hampir, rapat.

AKTIVITI

Gunakan kata adjektif jarak.



- Murid membina ayat dengan menggunakan kata adjektif jarak.
- Murid menulis maklumat.
- ❖ Nilai: kerjasama

5.1.5

93

Pemulihan

Kenal pasti ayat yang mengandungi kata majmuk.

1. Kami kagum akan replika budaya di tengah-tengah taman itu.
2. Pakaian tradisional dianggap sebagai warisan budaya.
3. Kedai di bandar menjual pelbagai jenis kraf tangan.
4. Tengah hari ialah masa untuk kita berehat.
5. Lagu budaya betitik dirakamkan dalam cakera padat.
6. Seni silat ialah cabang budaya kita.
7. Pakaian kebangsaan itu digantung di dalam almari pakaian.
8. Papan nama bangunan itu dihiasi seni khat.
9. Guru kami meminta kami mempelajari seni tulisan Tamil.
10. Wartawan itu bertanya kepada kami.

Pengayaan

Tukar kod kepada huruf.

a	b	c	d	e	f	g	h	i
1	2	3	4	5	6	7	8	9
j	k	l	m	n	o	p	q	r
10	11	12	13	14	15	16	17	18
s	t	u	v	w	x	y	z	
19	20	21	22	23	24	25	26	

Bil.	Kod	Ayat
1.	161119114 49181101	pakaian diraja
2.	11831 111291895147	...
3.	202112919114 118120	...
4.	132126911 2520920911	...
5.	11831 10113	...

TEMA

7

NUSA DAN BANGSA

Berbicara tentang kejayaan negara.





Mendengar dan Bertutur

Duta Kecil

Ajay : Wah, menarik foto pak cik ini! Saya berasa besar hati kerana pak cik belajar di luar negara tetapi masih mengamalkan budaya negara kita di sana.

Encik Nara : Terima kasih, Ajay. Itulah tandanya pak cik cinta akan negara kita, Malaysia. Ajay usah terkejut kerana kami juga menyediakan makanan tradisional negara kita seperti 🍲.

Ajay : 🍷, cantik 🍷. Air muka pak cik nampak ceria dan bersemangat.

Encik Nara : Foto ini dirakam sewaktu pak cik meraikan sambutan ulang tahun kemerdekaan negara kita.

Ajay : Dalam foto ini, pak cik sedang bersila menikmati juadah. Mengapakah 🍷.

Encik Nara : 🍷



usah




amboi



mengapakah



mengibar



AKTIVITI

Bertutur merujuk gambar dan perkataan.

- Murid bertutur dengan menggunakan pelbagai jenis ayat.
- Murid mengujarkan dialog yang mengandungi simpulan bahasa.
- ❖ Nilai: kesyukuran



Membaca

Mengukir Sejarah

“Lihat, ibu, rakyat Malaysia yang pertama menjadi pensyarah di Universiti Oxford sedang diwawancara,” kata Soon Keat sambil menonton televisyen.

“Ya, Soon Keat. Tentu rakyat Malaysia berasa kagum dan bangga akan kejayaan beliau,” kata Puan Chan.

“Ibu, beliau berbaju batik dan bersongkok seperti orang Melayu di sini, sedangkan beliau berada di luar negara,” kata Soon Keat kehairanan.

“Cuba beritahu ibu, mengapakah beliau berpakaian begitu?” tanya Puan Chan.

 “,” jawab Soon Keat.



Dato' Dr. Afifi al-Akiti ialah pensyarah dalam bidang Pengajian Islam di Fakulti Teologi, Universiti Oxford. Universiti ini antara universiti yang paling berprestij di dunia.

Dato' Dr. Afifi al-Akiti juga mampu menguasai tujuh bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Perancis, bahasa Latin, bahasa Arab, bahasa Inggeris, bahasa Jerman dan bahasa Yunani.

Beliau telah dianugerahi gelaran Dato' oleh Sultan Perak kerana jasanya telah mengharumkan nama negara.

AKTIVITI

Jawab soalan dan pernyataan:

1. Siapakah Dato' Dr. Muhammad Afifi al-Akiti ?
2. Apakah perasaan kamu apabila memakai pakaian tradisional?
3. Di manakah beliau bertugas?
4. Nyatakan dua kehebatan beliau.
5. Bagaimanakah beliau mampu menguasai tujuh bahasa?



- Murid bersoal jawab tentang jati diri dengan berdasarkan bahan teks dan gambar.
- Murid menjawab soalan bercapah dan bertumpu.
- ❖ Nilai: kerajinan
- * Patriotisme

2.6.1

q7



Menulis

Muzium Datuk Sim Mow Yu

Laporan Lawatan ke Muzium Datuk Sim Mow Yu

Pada 27 Mei 2015, SJKC Taman Sepadu mengadakan lawatan ke Muzium Datuk Sim Mow Yu di Jalan Laksamana Cheng Ho, Melaka. Sebanyak 40 orang murid dan empat orang guru menyertai lawatan ini.

Tujuan lawatan ini adalah untuk memberikan pendedahan **awal** tentang semangat jati diri kepada murid-murid. Selain itu, murid-murid juga dapat mengetahui sejarah kaligrafi kaum Cina di negara kita.

Pada pukul



- mendengar taklimat sejarah kaligrafi



- melihat pameran
- mengenali tokoh **silam**



- bergambar
- menjual

Lawatan kami selesai pada pukul 11.00 pagi. Kesimpulannya, lawatan ini memberikan banyak faedah dan pengetahuan kepada murid-murid.

Laporan disediakan oleh,

29 MEI 2015

Soon Keat

(YAP SOON KEAT)
Setiausaha,
Persatuan Sejarah,
SJKC Taman Sepadu.



AKTIVITI

Lengkapkan maklumat.

- Murid menulis maklumat yang berbentuk laporan.
- Murid menggunakan kata adjektif.
- ❖ Nilai: kesyukuran



Seni Bahasa

Jati Diriku

Kamilah anak Malaysia
Cinta akan negara
Di ceruk mana kami berada
Jati diri dijaga

Setia akan negara
Taati akan raja
Berdiri tegak bumi dipijak
Di situ langit dijunjung

Andai kata jauh di luar negara
Kekalkan tradisi budaya kita
Kami rasa bangga
Jati diri diutama

Sedarlah kawan semua
Hargai jati diri

Harumkan nama negara
Di puncak kejayaan
Tuntutlah ilmu taburkan jasa
Berbudi untuk negara

Hargai tradisi kita
Lambang negara kita
Bersatu padu semua bangsa
Makmurlah Malaysia

Sedarlah kawan semua
Hargai jati diri

(Melodi lagu “Inilah Barisan Kita” atau
melodi lain yang bersesuaian)

cinta akan negara



Pada pendapat saya, seni kata
lagu ini menceritakan ...

AKTIVITI

Nyanyikan lagu.



- Murid menyebut dan menyatakan nilai dalam seni kata lagu.
- Murid menulis pendapat.
- ❖ Nilai: kesyukuran
- ❖ Patriotisme

4.1.1

qq

UNIT 20 Demi Negara



Mendengar dan Bertutur

Sukarelawan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)

Cikgu Kamala : Murid-murid, pihak Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) akan datang ke sekolah kita pada pagi esok.

Hamzah : Apakah tujuan mereka datang ke sini, cikgu?

Cikgu Kamala : Tujuan mereka datang adalah untuk menyampaikan maklumat dan memberikan penerangan tentang JPAM. Pada pukul 9.30 pagi, pihak JPAM akan mengadakan pameran peralatan keselamatan. Sebelum itu, pada pukul 8.30 pagi, diadakan ceramah tentang peranan JPAM.

Ajay : Bolehkah ibu bapa atau penjaga hadir?

Cikgu Kamala : Boleh, Ajay. Ibu bapa atau penjaga turut diundang kerana pada pukul 11.00 pagi pula akan diadakan pemilihan untuk sukarelawan JPAM.

Soon Keat : Pada pukul berapakah ibu bapa kami perlu berada di sekolah?

Cikgu Kamala : Ibu bapa kalian perlu berada di dewan sekolah pada pukul 8.00 pagi. Pada pukul 8.15 pagi, pihak JPAM akan tiba di sekolah.

Murid-murid : Baiklah, cikgu.

Cikgu Kamala : Soon Keat, beritahu rakan-rakan yang lain tentang program JPAM pada pukul 8.00 pagi hingga tamat.

Soon Keat : 🍷 .

Cikgu Kamala : Murid-murid, sila tulis sepucuk surat kepada sahabat pena kalian tentang lawatan pihak JPAM ini.

Murid-murid : 🍷

AKTIVITI

Berikan respons.



- Murid memberikan respons mengikut kronologi.
- Murid menghasilkan draf penulisan karangan surat tidak rasmi dengan betul.
- ❖ Nilai: hemah tinggi

1.3.1



Menulis

Sedia Berkhidmat

ARAU, 18 November – “Negara memerlukan khidmat sukarelawan,” kata Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) sewaktu sidang akhbar. Menurut beliau, masih ada kekosongan jawatan sukarelawan di setiap negeri.

Syarat utama menjadi anggota sukarelawan ialah warganegara Malaysia. Pemohon hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas. Pemohon perlulah sihat tubuh badan dan tiada kecacatan fizikal. Sesiapa yang berminat boleh mengemukakan permohonan secara atas talian di portal JPAM.

Syarat-syarat menjadi anggota sukarelawan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia



Warganegara Malaysia



Kami Memerlukan Sukarelawan

Marilah berkhidmat bersama-sama kami sebagai anggota sukarelawan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)

- kelulusan akademik yang diperlukan sekurang-kurangnya Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)
- boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Malaysia dengan baik
- sila layari portal JPAM: www.civildefence.gov.my



AKTIVITI

Catat maklumat.



- Murid mencatat maklumat tentang syarat untuk menjadi anggota sukarelawan JPAM mengikut keutamaan.
- Murid membaca dan memindahkan maklumat.
- ❖ Nilai: keberanian
- ✧ Teknologi Maklumat dan Komunikasi

3.5.2

101



Membaca

Segera Bertindak


Pada suatu hari, kejadian tanah runtuh berlaku di jalan masuk ke Taman Sepadu. Encik Paulus, selaku ketua sukarelawan Jabatan Pertahanan Awam Taman Sepadu, dan pasukannya segera bertindak.

Encik Paulus menelefon ibu pejabat Jabatan Pertahanan Awam Malaysia. Pasukan JPAM yang pakar mengendalikan bencana tanah runtuh segera membantu pasukan Encik Paulus.


Tidak lama kemudian, pihak polis tiba untuk mengawal lalu lintas. Pihak polis juga mengawasi harta benda dan rumah-rumah mangsa. Langkah ini untuk mengelakkan berlaku kecurian ketika mangsa dipindahkan ke tempat yang selamat.

Pihak bomba dan penyelamat turut datang untuk memberikan bantuan. Mereka mempunyai kemahiran dan peralatan untuk mencari dan menyelamatkan mangsa.

Encik Paulus berasa gembira kerana banyak pihak yang datang untuk memberikan bantuan.



Pihak yang terlibat dalam bencana alam.



AKTIVITI

Lengkapkan maklumat.





Kata Hubung Pancangan Komplemen

Sanggup Berkorban

Selamat sejahtera, tuan. Saya, Ajay, dari SJKC Taman Sepadu. Untuk saya mengetahui peranan JPAM adalah tidak mudah. Oleh itu, saya ingin menemu ramah tuan.

Boleh tuan jelaskan apakah latihan kemahiran bagi setiap anggota JPAM?



Silakan. Saya ingin menegaskan bahawa tugas perkhidmatan sukarela ini amat diperlukan.

Boleh, saya ingin menjelaskan latihan kemahiran ada diberikan kepada setiap anggota JPAM.

Latihan kemahiran sangat penting kepada setiap anggota JPAM. Untuk ...



1 - mangsa adalah tidak mudah



2 - bukan senang

Selain itu, kita juga harus sentiasa mengetahui bahawa anggota JPAM ...



1 meninggalkan keluarga



2 menyelamatkan mangsa



1 panas terik



2 hujan lebat

Inti Bahasa

Kata Hubung Pancangan Komplemen

Contoh: untuk, bahawa

AKTIVITI

Gunakan kata hubung pancangan komplemen.



- Murid membina ayat dengan menggunakan kata hubung pancangan komplemen.
- Murid menyampaikan maklumat.
- ❖ Nilai: hemah tinggi

5.1.6

103

UNIT 21 Jasa



Mendengar dan Bertutur

Anugerah Emas

Bentara : Selamat pagi, cikgu. Baginda sultan mengucapkan tahniah kepada pasukan pancaragam Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya kerana memenangi Anugerah Emas. Bilakah pertandingan itu diadakan?

Guru : 🗨️

Bentara : Di manakah pertandingan itu diadakan?

Guru : Anugerah Emas 🗨️

Bentara : 🗨️ berkenan untuk mengundang kalian ke majlis santapan malam nanti.

Guru : Terima kasih, tuan.

- Anugerah Emas dalam Festival Muzik Antarabangsa Australia (AIMF) di Sydney Town Hall, Australia pada 13 Julai 2013.

- Anugerah Emas dalam Festival Pancaragam Antarabangsa Singapura (SIBF) Julai 2012.



Guru : Ampun 🗨️ . Terima kasih kerana 🗨️ berkenan untuk mengundang kami ke majlis santapan ini.

Sultan : 🗨️ berbesar hati kerana kalian telah dapat mengharumkan nama negara. 🗨️ berasa amat bangga akan kejayaan kalian.

Guru : Ampun tuanku, 🗨️ menjunjung kasih.

AKTIVITI

Berbual dengan menggunakan kata ganti nama diri laras bahasa istana.

- Murid menggunakan kata ganti nama diri laras bahasa istana dalam perbualan.
- Murid mengujarkan dialog.
- ❖ Nilai: kesyukuran



Membaca


Jaguh Lumba



- Hafiz Syahrin bin Abdullah
- lahir pada 5 Mei 1994
- rakyat Malaysia pertama yang menaiki podium perlumbaan di Eropah pada bulan Jun 2013 kerana mendahului 35 pesaing dari seluruh dunia
- menyertai perlumbaan kelas Moto2 Kejuaraan Motosikal Sepanyol (CEV) di Litar Ricardo Tomo, Valencia, Sepanyol
- mengharumkan nama negara



- Anuar bin Manan
- pelumba basikal profesional
- lahir 11 Oktober 1986
- pelumba Malaysia yang pertama menjadi johan perlumbaan Le Tour de Langkawi.
- mengharumkan nama Malaysia
- pelumba Asia pertama yang meraih gelaran Raja Pecut
- mencipta kejayaan menaiki podium *Tour of China 2013*
- menamatkan kayuhan dari Deyang ke Deyang Shifang sejauh 201.8 kilometer



AKTIVITI

Banding beza maklumat.



- Murid memindahkan maklumat dalam bentuk prosa.
- Murid menghasilkan draf penulisan karangan berformat dengan betul.
- ❖ Nilai: keberanian

2.5.2

105



Menulis



Tokoh Kewangan Negara

Biodata

Nama: Tun Tan Siew Sin

Tarikh lahir: 21 Mei 1916

Tempat lahir: Melaka

Asal keluarga: Kaum Cina Baba generasi pertama

Tarikh meninggal dunia: 17 Mac 1988

Kelebihan: Fasih berbahasa Melayu

Pendidikan:

- Malacca High School di Melaka
- Suydaim Girls School (Sekolah Tinggi Methodist, Melaka)
- Raffles College, Singapura

Perkhidmatan:

- Menteri Kewangan Malaysia pertama
- 15 tahun berkhidmat, 1959 hingga 1974

Sumbangan dan jasa:

- memastikan nilai mata wang negara kukuh
- memperkenalkan mata wang kertas dan syiling Malaysia yang pertama
- orang asing yang pertama dalam sejarah pentadbiran British yang menjadi Pengerusi Suruhanjaya Perlembagaan

Penghargaan:

- nama beliau diabadikan di sebatang jalan

Tun Tan Siew Sin

Tun Tan Siew Sin dilahirkan pada 21 Mei 1916 di Melaka. Beliau ✎ .

AKTIVITI

Tulis maklumat.

106



- Murid menulis karangan jenis biografi.
- Murid membaca karangan yang telah lengkap.
- ❖ Nilai: kesyukuran

3.6.1



Imbuhan Pinjaman

Tokoh Bola Sepak



Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berbahagia Datuk Santokh Singh Gurdial Singh dan hadirin yang dihormati. Selamat petang saya ucapkan.

Hadirin yang dihormati,

Yang Berbahagia Datuk Santokh Singh ialah tonggak pertahanan terbaik di Asia dan tokoh bola sepak Malaysia.

Kita beruntung kerana pemain yang mewakili Malaysia dalam Sukan Olimpik pada tahun 1972 ada bersama-sama kita. Beliau pakar di posisi pertahanan. Beliau dianugerahi pingat Panglima Mahkota Wilayah yang membawa gelaran “Datuk” pada tahun 2011. Beliau juga pernah dinobatkan Olahraga..? Kebangsaan 1976.

Kami mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Santokh Singh kerana sudi menerima pelawaan kami sebagai jurulatih pasukan bola sepak. Beliau arif tentang ..? syarat untuk menjadi pemain bola sepak yang berkaliber. Beliau juga berkebolehan melatih murid-murid menggunakan ..? cara bermain bola sepak yang betul. Saya yakin, dengan bimbingan dan bantuan oleh beberapa orang sukarela..., murid-murid pasti akan berjaya.

Akhir sekali, saya berharap agar Datuk Santokh Singh akan terus menaburkan jasa dan baktinya kepada nusa dan bangsa. Sifat budi...? Yang Berbahagia Datuk, tidak akan kami lupakan.

Sekian, terima kasih.

Inti Bahasa

Imbuhan Pinjaman

Contoh:

- maha- • tata-
- -wan • pra-
- -man



AKTIVITI

Lengkapkan perkataan.



- Murid membina ayat dengan menggunakan perkataan berimbuhan pinjaman.
 - Murid membaca petikan.
- ❖ Nilai: kerajinan

5.2.1

107

Pemulihan

Sebut perkataan yang sesuai berdasarkan gambar.



- | | |
|----|-------------|
| 1. | maharaja |
| 2. | negarawan |
| 3. | olahragawan |
| 4. | dermawan |
| 5. | wartawan |
| 6. | usahawan |

Pengayaan

Lengkapkan ayat di bawah dengan kata hubung pancangan komplemen yang betul.

1. Nyonya Wong mengekalkan jati diri bangsa adalah wajar.
2. Soon Keat menjelaskan Tun Tan Siew Sin berasal daripada keluarga Cina Baba.
3. Sujata mencari biodata negarawan itu adalah sukar.
4. Pasukan lumba basikal negara itu menyedari mereka memikul tanggungjawab untuk mengharumkan negara.
5. Memupuk semangat patriotisme adalah tidak mustahil.
6. Hafizh Syahrin memenangi kejuaraan motosikal itu sangat cerah.
7. Mengharumkan nama negara kita memerlukan keazaman yang tinggi.
8. Vasugi memberitahu rombongan sekolahnya akan melawat muzium kaligrafi di Melaka.
9. Rakyat sudah mengetahui Datuk Santokh Singh telah mengharumkan nama negara dalam permainan bola sepak.

TEMA

8

BERDAYA MAJU

Cerita tentang perkembangan sains, teknologi dan inovasi berdasarkan gambar dan kehidupan harian.



UNIT 22 Keperluan Sains



Menyatakan Permintaan

Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT)

Kunjungilah PSKT sekarang!

PSKT menayangkan filem fiksiyen sains dalam bentuk kubah dan membuka galeri sains untuk kunjungan orang ramai.

Ahad hingga Khamis: 8.30 pagi – 5.30 petang
Sabtu : 9.00 pagi – 4.00 petang
Jumaat : Tutup

Harga Tiket

Kategori Pengunjung	Harga (RM)
Kanak-kanak (bawah 7 Tahun)	1.00
Murid Sekolah	2.00
Pelajar IPT (Awam & Swasta)	3.00
Dewasa	4.00



Saksikan tayangan filem animasi 3D. Kembara ke alam sains yang penuh misteri. Kenali galaksi cakerawala yang sungguh menarik dan rahsia keunikannya.



MAKLUMAT

Kubah: Bahagian bumbung yang berbentuk separuh bulat terutamanya yang terdapat pada bangunan masjid.

Hamzah : Ayah, cuba teliti brosur Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu. Ayah, izinkan 🍷 kerana banyak perkara yang menarik dan 🍷 . 💡

Encik Azhar : Ya, ayah izinkan.

Hamzah : Saya hendak menonton 🍷 , supaya saya dapat mengenali 🍷 .

Encik Azhar : 🍷 supaya ayah tahu harga tiket mengikut kategori.

Hamzah : Harga tiket untuk 🍷 .

Encik Azhar : Kalau begitu, tolong beritahu adik dan ibu, tentu mereka 🍷 .

Hamzah : Baiklah, ayah. Adik dan ibu tentu ingin turut serta.

AKTIVITI

Nyatakan permintaan.

110



- Murid menyatakan permintaan berserta alasan.
- Murid menggunakan kata nama am tak hidup bukan institusi.
- ❖ Nilai: kasih sayang

1.4.4



Membaca

Jambatan Kebanggaan Negara

Ayah, ada dua jambatan menuju ke Pulau Pinang. Kita hendak menggunakan yang mana satu?

Ya, Gimis. Kedua-dua jambatan itu mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Buatlah pilihan kamu sendiri, ayah ikut sahaja.




Saya memilih jambatan ... kerana ...



Jambatan Pulau Pinang pertama sepanjang 13.5 kilometer. Kerja pembinaannya bermula pada tahun 1982 dan siap pada tahun 1985. Pada masa itu, pembinaannya diakui sebagai pencapaian kejuruteraan sains yang cemerlang di dunia. Struktur tengah jambatan ini mempunyai kabel penahan yang terawal di dunia. Dari jambatan ini, kita dapat melihat feri yang masih lagi digunakan. Kita juga dapat melihat panorama yang cantik di sepanjang perjalanan.

Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah sepanjang 24 kilometer. Jambatan ini mula digunakan pada 1 Mac 2014. Pembinaannya berkonsepkan hijau, iaitu menggunakan kenderaan peronda elektrik dan kincir angin untuk bekalan tenaga elektrik. Teknologi yang digunakan bertaraf antarabangsa dan terkini. Penggunaan Galas Getah Seismik Beredaman Tinggi (HDNRB) pada seluruh jambatan ini membuatkan jambatan ini mampu untuk menahan kesan gempa bumi sehingga 7.5 pada sekala Richter.

Ciri-ciri Jambatan Pulau Pinang



AKTIVITI

Pindahkan maklumat ke dalam bentuk grafik.



- Murid membaca teks dan membuat keputusan.
- Murid memberikan respons.
- ❖ Nilai: rasional

2.5.3





Menulis

Pusat Angkasa Negara (ANGKASA)

Laporan Lawatan ke Pusat Angkasa Negara

Sempena Minggu Sains dan Teknologi, murid-murid Tahun Lima Bestari SJKC Taman Sepadu mengadakan lawatan ke Pusat Angkasa Negara. Lawatan itu diadakan pada hari Khamis, 13 Ogos 2015. Cikgu Preema dan Cikgu Fahri mengetuai lawatan sambil belajar ini.

Tujuan lawatan ini adalah untuk mengetahui bidang aeroangkasa. Negara kita mempunyai kemampuan untuk membangunkan sains dan teknologi dalam bidang **angkasa lepas**.

Rombongan kami sampai di Pusat Angkasa Negara pada pukul 9.00 pagi. Kami dijemput masuk ke dalam dewan untuk ...



- mendengar taklimat
- mengendalikan satelit di **pusat kawalan**
- menghantar arahan dan mendapat maklumat dari satelit di angkasa



- pameran dan tayangan
- roket menghantar satelit
- **satelit MeaSAT-3** merakam imej bumi dari angkasa lepas



- melukis dan mewarnakan gambar planet
- melabelkan nama planet
- menerima hadiah dan cenderamata

AKTIVITI

Tulis laporan.

- Murid menulis maklumat yang berbentuk laporan berdasarkan tajuk lain.
- Murid menggunakan kata majmuk istilah khusus.
- ❖ Nilai: kerajinan
- ✧ Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Cakap Ajuk dan Cakap Pindah

Telefon Sistem Pengesanan Global (GPS)



Cakap Ajuk

“Amboi, cantiknya telefon baharu ayah!” puji Ajay.



“Bagaimanakah GPS ini membantu kita, ayah?” tanya Ajay.



“Kalau begitu, sistem GPS ini dapat menjimatkan masa dan lebih cepat sampai di lokasi,” kata Ajay.



Cakap Pindah

Ajay memuji kecantikan telefon baharu ayahnya.

Encik Chandran mengucapkan terima kasih kepada Ajay dan memberitahunya bahawa telefon baharu itu mempunyai sistem GPS.



Encik Chandran menjelaskan bahawa sistem ini menggunakan satelit untuk mengesan lokasi dengan tepat.



Encik Chandran meminta Ajay menceritakan pengalamannya tersesat jalan.

Inti Bahasa

Ayat Cakap Ajuk

Contoh:

“Telefon saya mempunyai sistem GPS,” kata Ajay kepada Gimis.

Ayat Cakap Pindah

Contoh:

Ajay memberitahu Gimis bahawa telefonnya mempunyai sistem GPS.

AKTIVITI

Bina ayat.



- Murid membina ayat cakap ajuk dan cakap pindah.
- Murid menceritakan sesuatu perkara yang dialami.
- ❖ Nilai: kesyukuran
- ✧ Teknologi Maklumat dan Komunikasi

5.3.2

113

UNIT 23 Teknologi dalam Kehidupan







Mendengar dan Bertutur

Sukan Robotik Mikro



SHAH ALAM, 28 Ogos - Pasukan *Malaysian Tiger* dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah mencapai kejayaan dalam acara sepakan bebas kategori *Android Soccer Tournament*. Pasukan ini mengalahkan pasukan dari Mexico, Korea Selatan dan Taiwan. Pertandingan *18th Fira Roboworld Cup and Congress* (Fira) 2013 ini diadakan di Shah Alam.

Menurut ketua pasukan *Malaysian Tiger*, "Pasukan kami dapat mengawal pergerakan robot dengan cara yang menarik sewaktu permainan." Secara tidak langsung, permainan ini dapat menarik minat penonton terhadap sains dan teknologi robotik mikro.



AKTIVITI

Ceritakan gambar.

114

PANDUAN GURU

- Murid bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul tentang pengalaman sendiri.
- Murid menggunakan cakap ajuk dan cakap pindah.
- ❖ Nilai: keberanian
- * Ilmu


1.5.1



Membaca

Teknologi Kaki Palsu

Pak Cik Darma ialah bapa saudara Ajay. Sebelah kaki Pak Cik Darma menggunakan kaki palsu buatan luar negara. Dia keberatan untuk menggunakan kaki palsu itu kerana pangkal lututnya menjadi lebam dan sakit.



Pada suatu hari, Pak Cik Darma tersenyum ketika membaca akhbar. Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya telah mencipta kaki palsu keluaran pertama negara. Kaki palsu ini mendapat pengiktirafan dan anugerah tertinggi dunia.

Pak Cik Darma yakin bahawa keupayaan kejuruteraan dan teknologi dapat menghasilkan kaki palsu yang bermutu tinggi. Kaedah yang digunakan dapat menghasilkan pergerakan kaki yang lebih seimbang dan selesa.

Kini, Pak Cik Darma boleh membuat pilihan untuk menggunakan kaki palsu, sama ada buatan luar negara atau buatan negara Malaysia. Perkembangan teknologi kaki palsu semakin pesat.

Bolehkah teknologi kaki palsu ini menyamai kaki asal kita? Mengapa? 💡

AKTIVITI

Baca teks.



- Murid melukis gambar bentuk kaki palsu yang akan digunakan pada masa depan.
 - Murid mengenal pasti dan membina ayat dengan menggunakan kata nama khas tak hidup berdasarkan teks.
- ❖ Nilai: kesyukuran
❖ Kreativiti dan Inovasi

2.6.1

115



Menulis

Mesin Rumpuk Kawalan Jauh

Hamzah bin Azhar,




Menemui sahabatku, ...

Pada minggu lalu, saya bersama-sama keluarga berkunjung ke pameran di politeknik. Banyak bahan dan alat ciptaan daripada peserta. Kami tertarik akan mesin rumput kawalan jauh. Mesin ini ciptaan Mohd Badrul Hisham Zarawi, pelajar dalam bidang kejuruteraan elektrik. Menurut pelajar itu, dia mendapat idea dan tunjuk ajar daripada pensyarah dan sokongan keluarga serta rakan-rakannya.



- memotong rumput lalu menyedut rumput yang dipotong
- melakukan dua fungsi dalam satu masa
- melakukan kerja dalam tempoh yang singkat
- mempunyai alat kawalan jauh
- menjimatkan masa dan tenaga
- ringan
- kawasan yang dipotong lebih bersih



Semoga ...

AKTIVITI

Tulis karangan.

116



- Murid menulis surat kiriman tidak rasmi.
- Murid menggunakan kata adjektif.
- ❖ Nilai: kerajinan
- ❖ Kreativiti dan Inovasi

3.7.1



Seni Bahasa

Penapis Mesra Alam

Pada suatu petang, Soon Keat dan rakan-rakannya ke Perpustakaan Desa Lestari Taman Sepadu. Mereka ke sana untuk membaca buku. Sikap ulat buku mereka itu sememangnya patut dipuji. Mereka berjalan ke perpustakaan sambil berbual-bual.

“Eh, lihat di sana! Orang itu membakar sampah. Asap berkepul-kepul dibawa angin,” kata Hamzah.

“Kita dilarang membakar sampah di kawasan terbuka tetapi mereka ambil mudah. Asap itu akan membawa banyak keburukan,” kata Ajay.

Apabila tiba di perpustakaan, mereka rambang mata melihat buku, akhbar, majalah dan kad bacaan yang terdapat di situ.

“Lihat ruangan akhbar ini, kawan-kawan. Murid-murid dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kinarut, Sabah, berjaya mencipta teknologi penapis asap bio. Alat ini berfungsi untuk menapis asap, seterusnya mengeluarkan udara yang bersih dan tidak berbau lagi,” kata Soon Keat.

“Arang digunakan untuk memerangkap asap hitam dan menghilangkan bau. Seterusnya, penapis ini menggunakan alat pelembap dan proses penyulingan. Wah, sungguh hebat alat ini!” kata Ajay dengan kagum.

Soon Keat, Ajay, Hamzah dan Gimis membaca dan melihat gambar dengan penuh minat. Mereka berasa besar hati jika 🍷



AKTIVITI

Lakonkan.



- Murid mengujarkan cerita yang mengandungi simpulan bahasa serta menyatakan pengajaran.
- Murid bercerita tentang Penapis Mesra Alam dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ❖ Nilai: kebersihan fizikal dan mental
- ✧ Pendidikan Alam Sekitar

4.2.2

117

UNIT 24 Minda Kreatif




Mendengar dan Bertutur

Produk Daun Nanas

“Kawan-kawan, saya telah membaca rencana inovasi tentang produk daripada daun nanas. Dalam artikel itu, penyelidik dari Universiti Tun Hussein Onn telah mencipta mesin memproses daun nanas menjadi serat,” kata Ajay.

“Soon Keat, Hamzah, Ratih, Sujata dan Gimis dengar cerita saya. Mula-mula, ...”

Memproses Daun Nanas



- memotong dan memasukkan daun nanas ke dalam mesin
- berhati-hati
- diproses untuk menghasilkan serat



- dihasilkan
- dijemur
- dikeringkan
- diwarnakan



- ditenun menggunakan alat tenunan
- mencorakkan
- teliti



- produk
- ...
- ...
- ...



Pokok nanas, *Ananas sativus*



AKTIVITI

Ceritakan gambar.

118



- Murid bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul menggunakan bahasa yang indah.
- Murid membina kerangka karangan.
- ❖ Nilai: berdikari

1.5.2



Membaca

Pengawal Jalan Raya

Kita sering melihat jalan raya dibaiki. Sewaktu kerja-kerja pembaikan dilakukan, jalan raya menjadi sempit sehingga menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas.

Seorang pekerja diupah untuk mengawasi lalu lintas sambil memegang bendera kecil. Pekerja itu akan berhujan atau berpanas. Keadaan ini berterusan sehinggalah kerja-kerja pembaikan itu siap. Walau bagaimanapun, kini patung pengawal jalan raya telah digunakan.



Hasil keupayaan kreativiti dan teknologi, patung pengawal dicipta untuk memberikan isyarat berhati-hati kepada pengguna jalan raya. Secara langsung, tenaga manusia tidak perlu digunakan lagi untuk mengawasi lalu lintas.

Penggunaan patung ini dapat menjimatkan kos dan tenaga pekerja. Patung pengawal ini boleh digunakan pada bila-bila masa.



AKTIVITI

Lengkapkan maklumat.



- Murid mengkategorikan dan memindahkan maklumat lain ke dalam bentuk grafik.
- Murid menulis perkataan kata majmuk dan kata ganda secara imlak.
- ❖ Nilai: kerjasama
- ✳ Kreativiti dan Inovasi


2.5.1

119




Menulis

Mesin Pembasuh Kasut



Pada suatu hari, Ratih memberitahu ibunya bahawa terdapat inovasi mesin pembasuh kasut. Mesin ini diubah suai daripada mesin pembasuh pakaian.


Hasil idea kreatif ini membawa banyak faedah. Pengguna boleh menjimatkan masa dan tenaga. Mesin pembasuh kasut ...



- idea kreatif dan inovasi
- dicipta oleh pelajar Kolej Vokasional Kuantan



- dua pasang kasut
- basuh serentak
- masa untuk satu basuhan 15 minit



- berus khas untuk memberus kasut
- kekotoran pada kasut dapat dibersihkan



- masukkan kasut
- masukkan sabun
- masukkan air
- tekan butang pemula



Akhirnya, Ratih telah membuat keputusan untuk ...

Sumber: www.digitek.my

AKTIVITI

Tulis karangan.

120



- Murid menulis karangan dengan bahasa yang santun.
- Murid membaca teks dan membuat keputusan yang sesuai.
- ❖ Nilai: rasional
- ✳ Kreativiti dan Inovasi

3.6.1



Kata Nama Am Tak Hidup Bukan Institusi

Inovasi Junjung PVC (*Poly Vinyl Chloride*)

Keluarga Gimis mengisi masa lapang dengan menanam pokok sayur-sayuran. Mereka menanam pokok kacang panjang dan timun. Kayu diperlukan untuk dijadikan junjung. Tumbuhan ini memerlukan struktur junjung sebagai penyokong untuk memanjat.

Kini, Gimis dan ayahnya tidak perlu lagi mencari kayu untuk dijadikan junjung. Encik Paulus mendapat idea untuk menghasilkan junjung yang lebih tahan lama dengan menggunakan PVC. Mari kita lihat caranya.



Alat yang Digunakan




Cara Membuat




1 Paip PVC dipotong mengikut ukuran yang diperlukan dan disambungkan seperti dalam gambar.



2 - gunakan penyambung bentuk "L" atau "T"
- gamkan batang paip PVC



3 - ikatkan tali
- sulur memanjat



4 - pasang roda
- mudah dialih

AKTIVITI

Bina ayat.




- Murid membina ayat dengan menggunakan kata nama am tak hidup bukan institusi.
- Murid membaca maklumat.
- ❖ Nilai: kesederhanaan
- ❖ Kreativiti dan Inovasi

5.1.1

121

Pemulihan

Pilih dan tulis kata nama am tak hidup bukan institusi.



dunia	universiti
sekolah	mesin
jambatan	nanas
satelit	perpustakaan
kertas	telefon

Pengayaan

Bina ayat cakap ajuk dan ayat cakap pindah dengan berdasarkan gambar.





TEMA

9

ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Ceritakan gambar.



Tapak pelupusan sampah di Pajam



Kundasang, Sabah



Putrajaya

123

UNIT 25 Kelestarian Alam



Mendengar dan Bertutur

Lambaian Desa

- Ratih : Ayah, ibu, kita sudah biasa melihat kampung kita.
Marilah kita bercuti untuk melihat kampung yang lain pula.
- Encik Masri : Di manakah tempat pilihan kamu?
- Ratih : Saya mencadangkan agar kita pergi ke sebuah kampung lestari. Ceritanya pernah tersiar dalam akhbar.
- Puan Fadilah : Oh, ibu bersetuju! Marilah kita pergi ke kampung yang indah alam semula jadinya.
- Ratih : Kalau begitu, kita pergi ke Kampung 🍷 .
- Encik Masri : Ayah pernah membaca rencana tentang kampung itu. Pelancong suka ke sana kerana 🍷 .
- Puan Fadilah : Ibu pula suka akan Kampung 🍷 . Tempat ini 🍷 .
- Ratih : Yang mana satukah pilihan kita, ayah, ibu?
- Puan Fadilah : Jadi, 🍷 .



Kampung Sungai Sireh,
Tanjong Karang, Selangor



Kampung Kuala Linggi, Melaka

AKTIVITI

Berbicaralah tentang gambar.

124




- Murid menyatakan maklumat yang tersurat dan tersirat dengan berdasarkan gambar.
- Murid membaca dan membuat keputusan.
- ❖ Nilai: kebersihan fizikal dan mental

1.6.1



Membaca

Sumber Alam



Ajay yang duduk di barisan hadapan kelas segera bertanya sebaik-baik sahaja Cikgu Lee memberikan peluang.

“Sumber alam itu apa, cikgu?” tanya Ajay.

“Ajay, sumber alam ialah hasil daripada . . . ,” jawab Cikgu Lee.

“Untuk menghargai sumber alam, kita perlu menjimatkan air dan berusaha untuk menanam hutan semula,” jelas Cikgu Lee.

“Cikgu, ayah saya marah-marah apabila berita pembalakan haram tersiar dalam televisyen,” beritahu Sepani.

Cikgu Lee berasa gembira apabila mendengar kata-kata Sepani.

“Ayah kamu amat prihatin, Sepani. Penebangan pokok tanpa kawalan akan menyebabkan alam sekitar musnah dengan cepatnya,” ujar Cikgu Lee.

“Bagaimanakah alam sekitar boleh musnah, cikgu?” tanya Sepani lagi.

“Apabila pokok-pokok besar tumbang, pokok-pokok kecil di sekeliling akan turut musnah,” jawab Cikgu Lee.

“Oleh itu, demi kelestarian alam sekitar, kita hendaklah . . . ,” balas Ajay.



MAKLUMAT

Kelestarian: Sesuatu keadaan yang kekal baik atau terpelihara seperti keadaan asal.

AKTIVITI

Baca teks secara didik hibur.



- Murid membuat pertimbangan.
- Murid mendengar dan memberikan respons.
- ❖ Nilai: kasih sayang

2.6.2

125



Menulis

Khabar dari Kundasang



Gimis dan kakaknya, Nalia, berbangga sewaktu menatap rencana dalam blog. Banyak pihak berminat akan kampung kelahiran bapa mereka, Kundasang.

“Pelancong tentu suka akan Kundasang kerana tempat ini sejuk, segar dan nyaman. Jaraknya pula hanya enam kilometer dari Taman Negara Kinabalu, iaitu kawasan hutan simpan yang kaya dengan flora dan fauna,” ujar Gimis.

“Betul, Gimis,” tegas Nalia.

“Oleh kerana itu, pengusaha hotel dan celet berlumba-lumba memajukan kawasan ini petani juga memajukan tanah tinggi pertanian. Tentu ada kesan kepada alam sekitar,” jelas Nalia.

“Rupanya, penyelidik daripada univesiti pernah menjayakan program kesedaran alam sekitar di Kundasang,” ujar Gimis lagi.

“Mereka mahu menyedarkan masyarakat disana supaya melihat alam sekitar. Mereka berharap agar isu alam sekitar dan berlaku seperti runtuh tanah dan pembukaan tanah dapat dikawal,” jelas Nalia lagi.

AKTIVITI

Edit dan murnikan teks.

126



- Murid mengedit dan memurnikan teks dalam perenggan berwarna.
- Murid mengenal pasti dan membina ayat dengan menggunakan kata hubung pancangan relatif.
- ❖ Nilai: kesyukuran

3.8.2



Logo Teknologi Hijau



Teknologi Hijau
Budaya Kita

Saya dan Sujata berbesar hati kerana dapat membaca buku di Perpustakaan Desa Lestari, Taman Sepadu.

“Apakah maksud logo ini, Chia Ling?” Sujata bertanya kepada saya.

“Tentulah logo ini logo teknologi hijau kerana di bawah logo ada rangkai kata Teknologi Hijau Budaya Kita,” balas saya.

“Sujata, anak panah yang melingkari dunia bererti teknologi hijau berkembang di seluruh dunia,” ujar saya lagi.

“Wah, pandainya kamu, Chia Ling!” balas Sujata.

“Logo ini juga mengingatkan kita tentang pentingnya teknologi hijau.”

Saya dengan bulat hati memberikan pandangan. Sebagai ulat buku, saya yakin bahawa jawapan saya adalah betul.

Saya dan Sujata masih membaca rencana tentang teknologi hijau dalam majalah. Daripada rencana itu, kami sedar bahawa banyak orang telah menyumbangkan buah fikiran dan titik peluh mereka untuk menyedarkan orang ramai supaya menghargai alam yang bersih dan indah. Itulah maksud teknologi hijau.

Akhirnya, kami bulat fikiran 🍷 .

AKTIVITI

Persembahkan cerita mengikut kreativiti.



- Murid mengujarkan cerita yang mengandungi simpulan bahasa dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- Murid membaca teks dan membuat kesimpulan.
- ❖ Nilai: rasional



Kata Nama Khas Tak Hidup

Menyusuri Sungai Melaka



Murid-murid Tahun Lima Murni, SJKT Melati menyertai rombongan ke Melaka Bandaraya Bersejarah. Di sana, mereka begitu seronok kerana dapat menaiki bot. Semasa menyusuri Sungai Melaka, murid-murid 🚤

AKTIVITI

Sambung cerita.

128



- Murid bercerita dengan menggunakan kata nama khas tak hidup.
- Murid membaca cerita yang telah lengkap.
- ❖ Nilai: kebersihan fizikal dan mental

5.1.2

UNIT 26 Rimba di Kota



Mendengar dan Bertutur

Taman Rimba di Kota



Usah berpeluk tubuh. Lestarikan kota kita:

- kekalkan kebersihan dan kehijauan
- kekalkan keindahan landskap
- kekalkan kehijauan taman rimba

Taman rimba dan kota bagaikan isi dengan kuku. Sokonglah usaha pelestarian ini. Alah bisa tegal biasa.

Soon Keat : Hamzah, lihat iklan pada skrin gergasi itu. Maklumatnya menunjukkan bahawa kita sentiasa ada jalan untuk melestarikan kota kita.

Hamzah : Maksudnya, kita mesti mengekalkan 🌳 .

Soon Keat : Betul, Hamzah. Warga kota tidak akan lepas tangan untuk bekerjasama melestarikan kota.

Hamzah : Iklan pada skrin gergasi itu mengingatkan kita supaya bersatu hati untuk menghargai taman rimba di kota.

Soon Keat : Betullah kata-kata pada iklan itu. Taman rimba dengan kota bagaikan 🌳 .

Hamzah : Sebenarnya, untuk melestarikan kota, kita tidak boleh 🌳 .

Soon Keat : Hamzah, baru-baru ini saya nampak pekerja-pekerja bertungkus lumus untuk mencantikkan jalan utama di kota dengan pasu-pasu bunga yang besar.

Hamzah : Harap perkara yang baik ini dilakukan secara berterusan, seperti kata peribahasa 🌳 .

AKTIVITI

Berbicara untuk mendapatkan maklumat.



- Murid berbicara untuk mendapatkan maklumat secara bertatasusila.
- Murid mengujarkan dialog yang mengandungi simpulan bahasa.
- ❖ Nilai: kesyukuran

1.6.2

129



Membaca

Antara Dua Kota



Kota Rimba

Kota Batu

Perbezaan

• kota yang ditanami pelbagai pokok hiasan



• kota yang padat dengan bangunan tinggi



Persamaan

• ada binaan



Salam sejahtera kepada yang dihormati Cikgu Fahri, guru kelas Tahun Lima Bestari dan rakan-rakan yang dikasihi.

Hadirin yang dihormati,

Saya ingin menyampaikan syarahan yang bertajuk Kota Rimbaku 🖋️.

AKTIVITI


Lengkapkan maklumat.

- Murid membanding beza maklumat dan memindahkannya ke dalam bentuk prosa.
 - Murid menghasilkan draf penulisan karangan jenis syarahan.
- ❖ Nilai: kesyukuran



Menulis

Kota yang Sejahtera



Pada pendapat saya, kota yang sejahtera ialah 🖍️

AKTIVITI

Tulis ulasan berbentuk pendapat.



- Murid menulis ulasan dengan berdasarkan teks dan pantun.
 - Murid menggunakan kata adjektif waktu.
- ❖ Nilai: rasional

3.9.1

131



Seni Bahasa

Syair Kota Sejahtera

Sujata bertuah sebagai warga,
Kotanya bersih sentiasa terjaga,
Setiap sudut bagaikan berharga,
Di pinggir sungai gerai diperaga.

← Ungkapan yang indah

Banyaknya tanaman di sana sini,
Sujata gembira sebagai penghuni,
Kotanya laksana taman botani,
Kota sejahtera kemudahannya terkini.

Bunga-bunga harum mewangi,
Pemandangan indah masa kini,
Bagaikan taman penuh berseni,
Itulah kota kebanggaan penghuni.

Sungainya bersih tempat berjaja,
Sisa makanan diuruskan pekerja,
Dikitarkan semula dijadikan baja,
Sujata sekeluarga bagaikan teruja.

Bandar pintar bak hutan rimba,
Bangunan kacanya menyerap haba,
Pemaju prihatin berlumba-lumba,
Dimajukan taman termasuk herba.



AKTIVITI

Dengarkan syair.

- Murid menyatakan bahasa yang indah.
- Murid berbincang dan mengemukakan pandangan tentang maksud syair.
- ❖ Nilai: kesyukuran

UNIT 27 Mengurus Sisa Pepejal



Membaca

Sisa Pepejal

Pengurusan sisa pepejal ialah bidang yang penting pada masa sekarang. Pengurusan sisa pepejal yang berkesan dapat membantu kita hidup dalam persekitaran yang selesa.

Sisa pepejal dari rumah dan industri dilupuskan dengan pelbagai cara. Cara yang biasa dijalankan ialah pemprosesan sisa pepejal di loji pemprosesan. Sisa pepejal kemudiannya diasingkan dan dikitar semula. Cara ini juga dapat mengurangkan bau busuk.

Selain cara itu, sisa pepejal atau sampah sarap dilupuskan menerusi penggunaan teknologi pembakaran. Teknologi ini ialah teknologi pembakaran tanpa oksigen pada suhu yang tinggi. Cara ini lebih berkesan untuk pelupusan sisa pepejal. Semasa proses pelupusan, sisa pepejal akan menghasilkan baja dan tenaga elektrik. Cara pengurusan sisa pepejal yang mesra alam memberikan banyak faedah kepada kehidupan kita.

Cara Pengurusan Sisa Pepejal

Cara	Kebaikan	Keputusan
1		Apakah cara yang paling sesuai untuk melupuskan sisa pepejal?
2		

AKTIVITI



Jawab soalan:

1. Lengkapkan grafik.
2. Di manakah sisa pepejal dihantar dengan berdasarkan cara yang pertama?
3. Bagaimanakah kamu menguruskan sisa pepejal di rumah?



- Murid membaca teks dan membuat keputusan.
- Murid menjawab soalan pemahaman.
- ❖ Nilai: rasional

2.5.3

133



Mendengar dan Bertutur

Pengurusan Sisa Pepejal



Ajay : Soon Keat, apakah pandangan kamu tentang cara sampah diuruskan di taman kita?

Soon Keat : Pada pandangan saya, 🗑️ . Apakah pendapat kamu pula tentang kepentingan tapak pelupusan?

Ajay : Pada pendapat saya, 🗑️ .

💡 Soon Keat : Syabas, Ajay! Kamu memang warga taman yang prihatin.

Ajay : Cuba kamu ramalkan, apakah yang akan berlaku sekiranya tiada perkhidmatan lori sampah di taman kita?

Soon Keat : 🗑️

AKTIVITI

Berikan pandangan dan pendapat.

134



- Murid membuat simulasi perbincangan secara bertatasusila.
- Murid menggunakan kata majmuk istilah khusus.
- ❖ Nilai: rasional

1.7.2



Menulis

Lawatan ke Loji

Yap Soon Keat,
87, Jalan Kenari,
Taman Sepadu,
01000 Kangar,
Perlis.

22 Oktober 2015.

Menemui sahabatku, Vinesari, yang berada di Kuantan. Apa khabar, saudari? Semoga saudari berada dalam keadaan sejahtera selalu. Saya dan keluarga saya di sini dalam keadaan sihat sejahtera.

Saudari,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk menceritakan pengalaman saya melawat loji pemprosesan sisa pepejal, baru-baru ini. Semasa berada di sana, saya telah melihat ...



Setakat ini sahaja yang dapat saya kongsi. Semoga kita bertemu lagi.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
Soon Keat

AKTIVITI

Lengkapkan surat kiriman.



- Murid menulis surat kiriman tidak rasmi.
- Murid memindahkan maklumat dalam bentuk prosa.
- ❖ Nilai: rasional

3.7.2

135



Seni Bahasa

Amalan Teknologi Hijau

Apakah maksudnya teknologi hijau

Teknologi pintar menghargai bumi
Wah, teknologi itu hebat sekali
Alam kita indah berseri-seri

← Nilai menghargai

Mari kita usahakan alam yang lestari

Kita menjaga alam semula jadi

Dengan teknologi yang pintar terpuji
Dapat melanjutkan usia bumi



Teknologi hijau rendahlah karbonnya
Alam sekitar kita bertambah mesra

Alam yang lestari menyihatkan diri

Kesan rumah hijau terkawal akhirnya



Tenaga sumber alam yang lestari

Dapat diurus cekap berdikari

Dasar Teknologi Hijau sungguh bererti
Kehidupan kita kian berkualiti



(Melodi lagu “Air Pasang Dalam” atau melodi lain yang bersesuaian.



AKTIVITI

Nyanyikan lagu.

136

PANDUAN GURU

- Murid menyatakan nilai dalam seni kata lagu.
- Murid membaca seni kata lagu.
- ❖ Nilai: kesyukuran

4.1.1






Kata Kerja Tak Transitif

Rekreasi Teknologi Hijau

Aku, Ajay dan rakan-rakanku berasa seronok dapat menyertai aktiviti Rekreasi Teknologi Hijau di sebuah padang di pinggir bandar. Kami diiringi oleh Cikgu Kamala. Mula-mula, ...



AKTIVITI

Sambung cerita.



- Murid menggunakan kata kerja tak transitif dalam konteks semasa bercerita.
 - Murid menceritakan hasil aktiviti rekreasi dengan menggunakan bahasa yang indah.
- ❖ Nilai: kebersihan fizikal dan mental

5.1.4

137

Pemulihan

Teliti gambar di bawah dan sebut kata kerja tak transitif.



Pengayaan

Kenal pasti kata nama khas tak hidup dengan berpandukan pernyataan yang berikut.

1. Soon Keat sekeluarga menetap di Bandar
2. Kampung mesra alam ini terdapat di Sabah.
3. Sujata dan Chia Ling membaca buku di Perpustakaan
4. Kampung Sungai Sireh terdapat di negeri ...
5. Nama kampung ini terletak di pinggir Sungai Melaka.

S	M	A	R	S	L	U	A	N	K	M	E	R	E	K	R
C	E	O	E	N	G	E	C	A	A	O	S	A	M	O	H
O	R	L	R	M	E	N	G	A	N	B	I	L	G	T	J
Y	I	A	A	T	M	N	E	D	G	E	G	N	I	A	S
U	F	L	H	N	E	S	A	B	A	I	A	I	A	O	A
S	I	A	D	B	G	N	H	B	R	L	P	Y	P	T	N
T	N	M	S	E	R	X	H	E	E	D	A	I	A	L	I
E	W	A	K	U	N	D	A	S	A	N	G	R	M	P	Z
N	C	P	H	I	I	U	E	C	A	B	E	L	I	A	A
D	E	S	A	L	E	S	T	A	R	I	O	D	E	N	T

TEMA

10

PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

Ceritakan maklumat berkaitan gambar.



UNIT 28 Kembara Tani



Mendengar dan Bertutur

Kembara Maya



Kawan-kawan, saya, Anna dan Chia Ling sedang melayari laman web Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kami melihat 🍅 .

AKTIVITI

Ceritakan gambar.

140



- Murid bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- Murid menaakul bahan grafik.
- ❖ Nilai: kerajinan

I.5.1



Membaca

Cara Memajukan Pertanian

Tanaman Padi

Petani di Ledang, Johor menanam padi di petak-petak sawah. Penanaman padi dilakukan dengan cara air dialirkan mengikut jadual dari Sungai Kesang. Sistem pengairan ini unik kerana air dari parit konkrit disalurkan terus ke dalam pembedung dahulu. Air itu akan disalurkan menerusi paip PVC ke petak-petak sawah apabila diperlukan. Hasil padi meningkat dan dapat menambah pendapatan petani. Sawah dapat dikerjakan sepanjang tahun.

Tanaman Mangga


Penanam mangga di Lekir, Perak menanam pokok mangga chok anam. Klon atau jenis ini dibiakkan secara cantuman mata tunas, baji atau sanding. Pembiakan cara ini dilakukan pada pokok memelam telur. Projek ini dapat menjana pendapatan penanam serta menyediakan peluang pekerjaan kepada petani muda.

Tanaman Bunga

Penanam pokok bunga ros di Kuantan, Pahang mengusahakan tanaman bunga ros di kebun seluas 1.5 ekar yang bersih persekitarannya. Sinar matahari juga mencukupi. Baja nutrien dibubuh untuk tumbesaran pokok, daun dan bunga yang sihat. Hasil bunga dijual kepada pembeli untuk dieksport ke Singapura. Hasil jualan tanaman bunga ros adalah antara RM15,000 hingga RM20,000 untuk satu pusingan penanaman.

Sumber: Majalah Agrobiz, KPIAT

Kategori Tanaman



AKTIVITI

Kategorikan maklumat.



- Murid mengkategorikan dan memindahkan maklumat.
- Murid menulis karangan.
- ❖ Nilai: rasional
- 📄 I.2: Mengenal pasti sumber pendapatan dan sumber alternatif.

2.5.1

141



Menulis

Kehidupan Nelayan

Pada cuti persekolahan yang lalu, Anna dan Sepani menyertai rombongan sekolah mereka ke Kelantan. Mereka berada di sana selama tiga hari. Sebanyak 30 orang peserta rombongan menginap di Inap Desa Suri, Kampung Pantai Suri, Tumpat, Kelantan.

Pada hari kedua, pengurus inap desa telah mengatur kegiatan untuk membolehkan para peserta rombongan bermalam di rumah 15 keluarga angkat. Anna dan Sepani serta rakan-rakan mereka dapat menikmati suasana kehidupan para nelayan di situ.

Keluarga nelayan melakukan pelbagai pekerjaan untuk menyara kehidupan mereka. Selain menangkap ikan, para nelayan dan anggota keluarga masing-masing melakukan aktiviti lain seperti menganyam tikar, mencanting batik, mencari belalang rusa, mencari kelip-kelip, menyusuri sungai, membuat kuih tradisional dan memanjat pokok kelapa. Pada masa lapang, mereka bermain wau.

Anna dan Sepani mendapati bahawa para nelayan Kampung Pantai Suri dapat menyesuaikan diri dengan keadaan alam sekeliling yang mencabar. Mereka berasa gembira kerana dapat menambah pengetahuan mereka tentang kehidupan nelayan.

AKTIVITI

Jawab soalan:

1. Anna dan anggota rombongan menginap di mana?
2. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh keluarga nelayan di Kampung Pantai Suri?
3. Bilakah Anna dan Sepani menyertai rombongan ke Kelantan?
4. Apakah kebaikan yang diperolehi oleh Anna dan Sepani daripada rombongan tersebut?
5. Mengapakah pelawat bermalam di rumah para nelayan?
6. Mengapakah keluarga nelayan perlu melakukan aktiviti lain selain daripada menangkap ikan?



Kata Adjektif

Taman Pertanian Sekayu



Taman Pertanian Sekayu (TPS) menyediakan pelbagai sumber maklumat yang sangat **jelas** tentang pertanian. TPS terletak di Kuala Berang, Hulu Terengganu, iaitu 52 kilometer dari Bandar Kuala Terengganu.

Taman ini dikendalikan oleh Jabatan Pertanian Negeri Terengganu (JPNT). Pengunjung **tetap** ke TPS tentu pernah melawat ke taman burung, taman bunga termasuklah bunga orkid, taman buah-buahan, taman perikanan dan taman herba. Taman-taman ini memberikan dorongan yang amat **positif** kepada kita supaya rajin bertani.

Kemajuan **pantas** TPS dalam pengumpulan maklumat pertanian mudah memikat hati pengunjung. Pihak JPNT turut menyediakan kolam rekreasi untuk aktiviti mandi-manda. Tasik buatan pula disediakan untuk peminat aktiviti memancing. Kawasan perkemahan dan tapak perkhemahan turut disediakan berhampiran dengan sebatang anak sungai.

Pengunjung tertarik untuk melakukan kunjungan ke TPS kerana TPS mempunyai banyak kemudahan. Demi keselamatan, pemandu dengan amalan pemanduan **cermat** dialu-alukan untuk datang ke TPS. Sebaliknya, pemanduan **laju** atau **gopoh** tidak dialu-alukan di TPS.

AKTIVITI

Ceritakan semula tentang kemudahan di Taman Pertanian Sekayu.



- Murid menggunakan kata adjektif cara untuk bercerita semula.
- Murid meneroka maklumat tambahan untuk bercerita tentang taman-taman di Taman Pertanian Sekayu.
- ❖ Nilai: kesyukuran
- ✧ Teknologi Maklumat dan Komunikasi

5.1.5

143

UNIT 29 Berkebun di Rumah



Mendengar dan Bertutur

Bertani di Rumah

Sepani : Tolong nyatakan maklumat yang ada pada gegantung itu kerana saya ingin mengetahuinya.

Anna : Gegantung itu menjelaskan maksud bertani di rumah, iaitu melakukan aktiviti pertanian di sekitar rumah.



Sepani : Boleh berikan 🍷 .

Anna : Contoh aktiviti termasuklah menanam lada, serai, kunyit, bawang, timun dan kacang panjang.

Aktiviti Berkebun di Rumah


Aktiviti bertani di rumah ialah aktiviti menanam sayur-sayuran di tempat yang berkepong atau sebaliknya di sekitar rumah.

Penggunaan kepong daripada kayu akan menampakkan ciri semula jadi. Kepong daripada simen pula nampak keras dan kaku.

Tanaman berkepong dapat mengindahkan landskap dan menjaga kesuburan tanah.


Kepungan juga boleh dijadikan tempat duduk.

www.moa.gov.my



Sepani : Tolong nyatakan kelebihan 🍷 .

Anna : Ya, Sepani. Tanah yang berkepong menampakkan ciri semula jadinya.



Sepani : Minta nyatakan kekurangan 🍷 .

Anna : Kepungan daripada simen nampak keras dan kaku.

AKTIVITI

Nyatakan permintaan.

- Murid menyatakan permintaan berserta alasan.
- Murid membaca dan memahami gegantung.
- ❖ Nilai: kerajinan



Membaca

Cara Bertani

Cara Tradisional

Yusof bertani di kawasan rumah ibu bapanya menggunakan peralatan tradisional seperti cangkul, sabit dan parang.

Yusof memerah keringat untuk membuang rumpai dan menggemburkan tanah. Selepas itu barulah Yusof membina batas sayuran. Batas-batas itu dibina secara rata dan memanjang. Tinggi batas adalah antara 15 hingga 25 sm. Panjang setiap batas ialah lapan meter. Batas-batas itu dibina untuk membolehkan sayuran jenis umbisi, iaitu halia, ubi keledek dan keladi tumbuh dengan suburnya.


Kebun Yusof tetap mengeluarkan hasil. Namun, Yusof perlu bekerja keras, iaitu menggunakan kekuatan fizikalnya semata-mata.

Cara Moden

Afandi memajukan tanah kosong di belakang rumah keluarganya dengan menjalankan projek tanaman secara hidroponik dan fertigasi.

Pihak Jabatan Pertanian menjelaskan bahawa kedua-dua teknik moden itu menggunakan rumah teduhan yang sesuai dibina di kawasan tanah yang tidak begitu luas. Rumah teduhan dapat menempatkan tanaman secara fertigasi dan hidroponik. Fertigasi menggunakan campuran baja dan sabut kelapa, manakala hidroponik pula menggunakan air dengan campuran baja.

Afandi amat berpuas hati kerana sayur-sayuran daun, terung, keledek, kacang panjang, cili dan bendi di kebunnya hidup subur.



AKTIVITI

Baca dan lengkapkan maklumat.



- Murid menyatakan keputusan yang dibuat.
- Murid membina kerangka karangan yang berbentuk naratif.
- ❖ Nilai: kerajinan
- ✿ Keusahawanan

2.4.3

145



Menulis

Pengusaha Orkid

Yang dihormati saudara pengacara majlis, Yang Berusaha Encik Rosli, Pengerusi Kelab Peminat Orkid serta anggota Kelab Peminat Orkid Taman Sepadu.

Hadirin yang dihormati,

Pada hari ini, saya ingin berkongsi maklumat tentang kebun orkid saya. Untuk pengetahuan hadirin, saya menanam orkid sejak dari bangku sekolah lagi. 🖍️



- sebagai hobi
- dibantu oleh anak-anak
- ditanam di permukaan tanah atau digantung
- diusahakan untuk jualan



- kacukan orkid, iaitu cantuman benih daripada pelbagai spesies orkid
- kacukan baharu ini mengeluarkan tiga hingga lima kuntum bunga setangkai



- warna orkid yang pelbagai
- tanaman orkid memberikan kepuasan
- halaman rumah cantik

Kesimpulannya, orkid ialah sejenis tanaman hiasan yang dapat dikembangkan menjadi perniagaan yang menguntungkan. Sekian, terima kasih.

AKTIVITI

Tulis karangan.



Seni Bahasa

Syair Manisnya Nangka Madu

Nangka madu namanya buah,
Buahnya manis bernilai tambah,
Di Kampung Perik ditanam megah,
Di Negeri Kedah negeri bertuah.

Pokok nangka kebun berpagar,
Daunnya hijau dan kelihatan segar,
Setelah dipetik harganya dianggar,
Dipasarkan kepada para saudagar.

Seisi keluarga menjalin kerjasama,
Membantu petani agenda utama,
Nangka madu produk berjenama,
Menjadi punca pendapatan utama.

Nangka madu dijadikan cadangan,
Daunnya boleh dibuat kraf tangan,
Daun yang kering dibuang jangan,
Dijadikan hiasan di meja hidangan.

Daun digubah menjadi rerama,
Disembur pewangi naiklah aroma,
Dipasang tali panjangnya sama,
Tercipta penanda buku percuma.

Kuning nangka warnanya meriah,
Pokoknya rendah sudah berbuah,
Murid sekalian sampaikan hujah,
Bolehkah nangka ditanam di rumah?



AKTIVITI

Hasilkan kraf tangan.



- Murid mendendangkan syair.
- Murid menulis ulasan berbentuk pendapat.
- ❖ Nilai: kesyukuran
- ❖ Kreativiti dan Inovasi

4.4.2

147





Kata Ganda Separa

Laman Sayur-sayuran



tetamu

tanam-tanaman

bersungguh-sungguh

kenang-kenangan

gegantung

tetangga

sayur-sayuran

tumbuh-tumbuhan

AKTIVITI

Ceritakan gambar dengan menggunakan kata ganda separa.

148



- Murid menggunakan kata ganda separa dalam perbualan.
- Murid mendengar dan memberikan respons.
- ❖ Nilai: keberanian

5.2.2



UNIT 30 Penternak Muda



Menulis

Usahawan Ikan Keli



Pendahuluan

Azim bercita-cita menjadi penternak ikan keli.

- ikan air tawar
- membantu bapa saudaranya



- ikan keli mudah ditenak
- murah harganya
- disukai ramai



Penutup

- usaha Azim mencapai kejayaan
- dapat menjual hasil ternakan menerusi Internet
- senyuman tanda kepuasan

AKTIVITI

Bina kerangka karangan.



- Murid membina kerangka karangan dengan berdasarkan gambar.
 - Murid bercerita tentang perenggan akhir dengan menggunakan kata nama am tak hidup bukan institusi.
- ❖ Nilai: berdikari
❖ Keusahawanan

3.3.4

149



Mendengar dan Bertutur

Ladang Ternak Pak Cik Mohan

bukit bukau
yang menghijau

alah bisa tegal
dek biasa

rajin seperti
semut

melentur buluh
biar dari rebung

membanting tulang
empat kerat

AKTIVITI

Ceritakan gambar dengan bahasa yang indah.

150



- Murid bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul serta bahasa yang indah.
- Murid menggunakan kata kerja tak transitif semasa bercerita.
- ❖ Nilai: kerajinan

1.5.2



Membaca

Lawatan ke Kandang Ternakan

burung unta

Fizikal: Tinggi 2.5 meter, berleher panjang dan mirip burung tetapi tidak boleh terbang.

Hasil: Bulu, daging dan kulit

Kawasan: Memerlukan kawasan lapang untuk berlari dan bergerak bebas kerana kemampuannya berlari pantas 65 kilometer sejam (40 batu sejam)

Makanan: Burung unta makan biji-bijian.

Harga: Harga sekilogram biasanya melebihi RM35.00.

Pendapatan: Penternak burung unta mampu memperoleh pendapatan yang lumayan.

rusa

Fizikal: Tanduknya lebih panjang.

Hasil: Daging yang tinggi protein serta rendah lemak dan kolesterol.

Kawasan: Ternakan rusa tidak memerlukan tanah yang luas. Rusa boleh menumpang kandang kambing.

Makanan: Rumput dan daun kayu menjadi makanan rusa.

Harga: Harga sekilo daging rusa ialah RM45.00.

Pendapatan: Penternak rusa juga mampu memperoleh pendapatan yang lumayan.

	burung unta	rusa
perbezaan		
persamaan		

AKTIVITI

Banding beza.



- Murid membanding beza maklumat.
- Murid menulis karangan.
- ❖ Nilai: kesyukuran

2.5.2

151



Seni Bahasa

Kisah Yuhjan dan Yuhna

Yuhjan : Rajinnya tuan kita, ya.

Yuhna (*mengganggu*): Mestilah rajin. Siapakah yang tidak mengenali tuan kita? Tuan kita ialah Tuan Haji Ahmad Jais bin Haji Mohee dari Simpang Renggam, Johor. Beliau mengusahakan ladang puyuh pedaging termasuk kita berdua.



Yuhjan : Tuan kita menternak dan memasarkan kita.

Beliau juga mencipta resipi baharu berasaskan kita. Bagi beliau, menternak kita sudah menjadi **asam garam** dalam kehidupan beliau.

Yuhna : Tuan kita ini juga mengusahakan loji pemprosesan puyuh pedaging dan mengeluarkan daging puyuh segar dengan **titik peluhnya** sendiri.

Yuhjan : Wah, hebatnya tuan kita! Beliaulah yang menjadi tulang belakang syarikat.

Yuhna (*mendongak*): Ya, kita **berbesar hati** akan kejayaan beliau. Beliau **ringan tulang**. Sebagai Penternak Jaya Kebangsaan, beliau dengan **rela hati** berkongsi petua kejayaan kepada para penternak muda.



Tuan Haji Ahmad Jais bin Haji Mohee

Sumber: www.lpp.gov.my

AKTIVITI

Ujarkan dialog.

152



- Murid mengujarkan dialog yang mengandungi simpulan bahasa.
- Murid membaca teks dialog secara teater pembaca.
- ❖ Nilai: keberanian
- ❖ Keusahawanan

4.3.1



Peluasan Predikat

Penternak Akuakultur

1(a) Murid-murid Tahun Lima Bestari melawat ke Pulau Bum Bum, Sabah.	1(b) Murid-murid Tahun Lima Bestari melawat ke Pekan Semporna, Sabah.	1(c) Murid-murid Tahun Lima Bestari melawat ke Pulau Bum Bum dan Pekan Semporna, Sabah.
2(a) Encik Alimun mengusahakan ternakan akuakultur.	2(b) Encik Alimun memperoleh hasil jualan bulanan mencecah RM15 000.	2(c) ... yang ...
3(a) Encik Alimun menyatakan sesuatu.	3(b) Produk akuakulturnya termasuklah serondeng, popia, karipap dan maruku.	3(c) ... bahawa ...
4(a) Encik Alimun berasa sungguh gembira.	4(b) Hasil ternakan akuakulturnya dieksport ke China.	4(c) ... kerana ...

Laporan Lawatan ke Ladang Penternakan Akuakultur

Pada cuti penggal yang lalu, murid-murid Tahun Lima Bestari melawat ke ladang penternakan akuakultur yang terletak di Pulau Bum Bum, Sabah. ...



MAKLUMAT

Akuakultur: Penternakan hidup-hidupan laut untuk dijadikan makanan manusia.

AKTIVITI

Bina ayat.



- Murid membina ayat dengan peluasan predikat.
- Murid menulis laporan.
- ❖ Nilai: kerajinan

5.3.1

153

Pemulihan


Bina ayat dengan berdasarkan gambar dan perkataan yang diberikan.

			
perlahan ✎ . . .	selalu ✎ . . .	cepat ✎ . . .	sering ✎ . . .

Pengayaan

Lengkapkan silang kata dengan berdasarkan pernyataan yang berikut.

- Mereka melawat ke Pulau Bum Bum dan ✎ . . .
- Mereka menanam sayuran dan menjalankan pertanian ✎ . . .
- Penternak itu menternak ✎ . . . dan keli.
- Orkid itu ialah orkid ✎ . . . yang baru saya beli.
- Soon Keat pernah melawat kandang kambing dan kandang ✎ . . .
- Kami mendengar taklimat yang disampaikan oleh Encik ✎ . . .
- Ikan ✎ . . . diternak untuk dieksport dan dijual di dalam negara.
- Pemilik gerai itu menerangkan bahawa ✎ . . . madu berkhasiat.



TEMA

11

BERDIKARI

Bersoal jawab tentang gambar.




UNIT 31 Kedai Koperasi Taman Sepadu



Mendengar dan Bertutur

Mencari Sumber



156

PANDUAN
GURU

- Murid berbicara untuk mendapatkan maklumat tersurat dan tersirat.
- Murid menulis pendapat.
- ❖ Nilai: semangat bermasyarakat

1.6.1



Membaca

Bijak Merancang

Kedai Koperasi Taman Sepadu akan menjual barangan runcit untuk kemudahan penduduk taman. Mereka akan menikmati harga barang yang lebih murah.

Kedai itu memerlukan modal daripada penduduk taman. Soon Keat dan rakan-rakannya bersepakat untuk mendapatkan sumber kewangan.

Sujata dan Adibah merancang untuk menjual hiasan rantai kunci yang berbentuk sarung ketupat. Mereka pandai menganyam sarung ketupat bersaiz mini yang berwarna-warni. Rantai kunci mini itu dijual dengan harga RMI.50 seunit.

Chia Ling dan Anna pandai mereka cipta kad penanda buku. Hiasan penanda buku itu menggunakan bahan-bahan terbuang seperti daun, ranting dan bunga. Bahan itu dilekatkan dan disusun menjadi corak yang menarik. Harga sekeping penanda buku itu ialah RM2.50.

Soon Keat dan Gimis pula mencari kertas terbuang seperti surat khabar, majalah dan sebagainya untuk dijual. Bahan tersebut mudah didapati di rumah, di sekolah atau di kedai. Bahan kertas terbuang itu dijual di pusat pengumpulan bahan terbuang dengan harga RM0.20 untuk satu kilogram.

Setiap perancangan di atas merupakan cara untuk memperoleh sumber kewangan. Perancangan siapakah yang terbaik?

Perancang	Barang Jualan	Harga Jualan
Sujata dan Adibah	rantai kunci	RMI.50

AKTIVITI

Pindahkan maklumat.



- Murid menaakul dan memindahkan maklumat ke dalam bentuk grafik.
- Murid mendengar dan memberikan respons.

❖ Nilai: kerajinan

3.1: Membuat keputusan kewangan secara sistematik dengan mengambil kira pelbagai alternatif dan kesan yang akan dihadapi.

2.5.3

157





Menulis

Pelan Tapak Niaga

Encik Yap menyediakan pelan **tapak niaga** untuk **pesta jualan** nanti. Tapak niaga ini akan disewakan untuk mendapatkan **sumber kewangan**.

“Ayah, tapak niaga ini di **padang permainan**. Kawasan di hujung padang itu **semak-samun** dan permukaan tanahnya **berlekak-lekuk**,” kata Soon Keat sambil melihat pelan tapak niaga.

“Ya, betul, Soon Keat. Penduduk taman akan **bergotong-royong** sebelum pesta jualan itu nanti,” balas Encik Yap pula.

Tapak niaga itu akan disewakan mengikut saiz. **Harga sewaan** untuk saiz yang besar ialah RM150.00 dan saiz kecil pula RM50.00.

“Bolehkah saya dan **rakan-rakan** menyewa tapak niaga ini?” tanya Soon Keat.

“Ya, tentu sekali. Kamu dan rakan-rakan perlu membayar sewanya,” kata Encik Yap.

“**Terima kasih**, ayah. Saya akan berbincang dengan **kawan-kawan** untuk menyewa tapak niaga ini,” kata Soon Keat.

“**Sama-sama**,” balas Encik Yap.



AKTIVITI

Tulis perkataan.

158



- Murid menulis kata majmuk dan kata ganda secara imlak.
- Murid membina ayat dengan menggunakan kata ganda berentak.
- ❖ Nilai: berdikari

1.2: Mengenal pasti sumber pendapatan dan sumber alternatif.

3.4.1



Seni Bahasa

Syair Kedai Koperasiku


Banyak kebaikan kedai koperasi,
Barangan dijual barangan asasi,
Modal dilabur keuntungan dikongsi,
Banyak untung tabungan diisi.

Rakan-rakan bersepakat dahulu,
Perancangan bijak untung selalu,
Usah tergesa usah melulu,
Pilihlah barang yang kita perlu.

Mula merancang amatlah penting,
Usaha dan gigih jalan seiring,
Apabila dilaksana bagai bertanding,
Bagaikan aur dengan tebing.

Banyak orang banyak cadangan,
Bergabung tenaga memberi sokongan,
Kata sepakat tiada halangan,
Ada usaha ada keuntungan.

Sama menjaga sama mengguna,
Amanah diberi tugas dilaksana,
Berhati-hati sebelum kena,
Sesal kemudian tidak berguna.



AKTIVITI

Lagukan syair.



- Murid menyenaraikan bahasa yang indah.
- Murid menulis rangkap akhir secara mekanis dengan betul dan kemas.
- ❖ Nilai: semangat bermasyarakat

4.4.1

159




Kata Ganda Berentak

Mencari Sumber Kewangan



Soon Keat mengumpulkan akhbar-akhbar lama untuk dijual.

Gimis terpaksa **berulang-alik** mengangkat akhbar-akhbar lama yang telah disusun dari rumah ke tepi jalan.



Inti Bahasa

Kata Ganda Berentak

Contoh:

- gotong-royong
- calar-balar
- hiruk-pikuk
- riuh-rendah
- ramah-tamah
- gopoh-gapah

AKTIVITI

Bina ayat dengan berdasarkan gambar.

160



- Murid menyatakan maksud kata ganda berentak.
- Murid membaca pelbagai bahan.
- ❖ Nilai: kerjasama

5.2.2

1.2: Mengenal pasti sumber pendapatan dan sumber alternatif.

UNIT 32 **Hargai Usaha**



Mendengar dan Bertutur

Perniagaan Coklat

Julaihi : Ibu, lihat rakaman video ini. Ratih sedang menjual coklat buah. Gerai jualannya dikunjungi banyak orang 🛒 .

Puan Fadilah : Wah, tentu Ratih mendapat banyak keuntungan daripada hasil jualannya!

Puan Fadilah : Apakah yang ingin kamu lakukan daripada hasil jualan produk itu?

Ratih : Ibu, hasil jualan ini 🛒 💡


Puan Fadilah : Bagus, Ratih kerana 🛒 . Amalan baik boleh kamu teruskan hingga dewasa.

Ratih : Ibu, bolehkah saya 🛒

Puan Fadilah : Ya, 🛒

Ratih : 🛒 . Simpanan wang itu nanti boleh saya gunakan sewaktu kecemasan.

Faedah Berniaga



bagai gula
dihurungi semut



melentur buluh biar
daripada rebung



berdikit-dikit,
lama-lama
menjadi bukit

sediakan payung
sebelum hujan

AKTIVITI

Berbicara tentang gambar.



- Murid berbicara dengan menggunakan peribahasa.
- Murid memindahkan maklumat dalam bentuk grafik.
- ❖ Nilai: berdikari

4.1: Membincangkan simpanan dapat membantu ke arah kesejahteraan kewangan.


1.6.2

161



Membaca

Coco dan Tiro




Hai, kawan-kawan! Saya coklat. Nama saya Coco. Saya dihasilkan daripada biji buah koko. Saya menjadi cair apabila panas dan membeku apabila sejuk. Kandungan saya amat berkhasiat dan kaya dengan sumber tenaga.


Saya boleh menghasilkan makanan seperti kek, kuih-muih dan biskut. Saya juga dijadikan minuman sama ada panas atau sejuk. Makanan dan minuman ini akan menjadi lebih sedap. Harga saya berpatutan dan sesuai dijadikan hadiah.

Apa khabar, kawan-kawan? Nama saya Tiro. Saya ialah roti yang diperbuat daripada tepung. Saya mempunyai pelbagai bentuk dan campuran yang membezakan rasa. Saya sedia dimakan pada bila-bila masa.

Saya mempunyai vitamin dan khasiat yang diperlukan oleh tubuh badan manusia. Dalam badan saya mempunyai inti seperti inti kelapa, inti coklat dan inti kaya. Harga saya tidaklah mahal. Oleh itu, jualan saya amat laris.



Sekarang, anda buatlah pilihan. Jualan makanan manakah yang lebih menguntungkan? Mengapa?



AKTIVITI

Baca teks.

162



- Murid membaca teks untuk membuat pertimbangan.
- Murid menulis perenggan dalam bentuk tulisan berangkai.

❖ Nilai: rasional

2.1: Membuat keputusan kewangan secara bertanggungjawab.

2.6.2



Menulis

Usahawan Kecil Kek Cawan Coklat

Ratih baru berumur 11 tahun tetapi dia sudah pandai membuat kek cawan. Dia bijak menggunakan coklat sebagai hiasan atau campuran di dalam keknya.

Dahulu Puan Fadilah menjual kek di pasar malam. Setelah setahun berniaga, beliau berjaya membuka sebuah restoran menjual kek. Ratih rajin belajar dan mencipta kek cawan coklat yang mempunyai pelbagai jenis rasa, warna dan bentuk. Beliau banyak telah memenangi pertandingan membuat kek hiasan.

“Taniah Ratih! Kamu telah berjaya memenangi pertandingan membuat kek hiasan,” kata Puan Fadilah.

“Terima kasih, ibu. Tanpa ajar tunjuk daripada ibu tentu saya tidak berjaya kata Ratih pula.

Kini, Ratih telah memenangi pertandingan itu sempena hari jadi sultan negerinya. Baginda perkenan untuk berjumpa dan mensampaikan hadiah kepada pemenang cilik ini.

“Beta ucapkan tahniah kerana kamu telah berjaya dalam pertandingan ini,” kata sultan.

“Terima kasih, tuanku,” kata Ratih sambil menunduk hormat.



AKTIVITI

Edit dan murnikan teks dalam perenggan berwarna biru.



- Murid membacakan hasil penulisan yang telah diedit.
- Murid menggunakan kata ganti nama diri laras bahasa istana.
- ❖ Nilai: kerajinan

3.8.2


163



Kata Bilangan

Kira Keuntungan

- Ratih : Ibu, berapakah modal untuk membuat sebiji kek coklat ini?
- Puan Fadilah : Modal untuk membuat sebiji kek coklat ini sebanyak RM30.00.
- Ratih : Berapakah harga jualan untuk setiap potong kek ini?
- Puan Fadilah : 🛒 RM5.00.
- Ratih : Sekiranya lapan potong kek ini dapat dijual, kita mendapat wang sebanyak RM40.00.
- Puan Fadilah : Tahukah kamu untung keseluruhan yang akan kita peroleh?
- Ratih : Ya, ibu. Untung 🛒. Ibu, apakah bahan dan sukatan membuat kek ini?
- Puan Fadilah : 🛒



dua biji anggur

separuh buah strawberi

pelbagai bentuk betik

modal setiap cucuk: RM2.00

harga jualan setiap cucuk: RM3.50

- Ratih : Ibu, berapakah modal 🛒 ?
- Puan Riana : 🛒

AKTIVITI


Bina ayat dengan menggunakan kata bilangan berdasarkan gambar.

- Murid bersoal jawab tentang modal, harga jualan dan keuntungan.
 - Murid berbual dengan berdasarkan gambar dan teks.
 - ❖ Nilai: kejujuran
- 1.2: Mengenal pasti sumber pendapatan dan sumber alternatif.



Mendengar dan Bertutur

Tabungan Anna



Sasaran Perbelanjaan Anna Januari – Mei				
Januari	Februari	Mac	April	Mei
buku	beg	kasut	alat tulis	alat sukan

AKTIVITI Bincang dan berikan pandangan dan pendapat.



- Murid memberikan pandangan dan pendapat tentang tabungan wang.
- Murid mengenal pasti dan membina ayat dengan menggunakan kata kerja tak transitif berdasarkan teks.

❖ Nilai: rasional

3.3: Menyediakan pelan perbelanjaan dan simpanan.




Membaca

Menyimpan Hari Ini untuk Hari Esok

Ke Tanah Rata dari Segamat,
Berehat di Maran membeli berangan;
Perbelanjaan kita perlu berhemat,
Elak pembaziran itulah perancangan.

Turun ke lembah dengan selamat,
Sudah selamat pulang segera;
Simpanan bertambah dengan berjimat,
Jika berjimat kita sejahtera.

Luasnya muara Kinabatangan,
Sungai tersohor sejarahnya lama;
Kewangan sejahtera bukan halangan,
Simpan dan labur perkara utama.



“Terima kasih, Sujata, Anna. Pantun yang kamu baca tadi mengingatkan kita supaya berhemat semasa berbelanja. Sikap berhemat penting untuk mengelakkan pembaziran,” nasihat Cikgu Preema.

“Saya sudah menyimpan wang sejak kecil lagi, cikgu,” kata Anna.

“Bagus, Anna. Itulah satu langkah untuk berjimat cermat,” balas Cikgu Preema.

“Cikgu, kakak saya memberitahu bahawa wang yang disimpan dapat kita nikmati faedahnya pada masa depan,” ujar Sujata.

“Sujata, menyimpan juga bererti melabur,” ujar Cikgu Preema.

“Kalau begitu, saya sudah lama melabur,” jelas Anna.

“Sujata dan Anna, sikap kamu berdua yang suka menabung boleh menjadi contoh kepada murid yang lain,” puji Cikgu Preema.

“Sekarang, tulis sepucuk surat kepada kawan kamu untuk menceritakan amalan berjimat cermat yang telah kamu lakukan.”
Cikgu Preema memberikan arahan.

AKTIVITI

Baca teks dan jelaskan kepentingan menyimpan wang.





Menulis

Mari Menyimpan Wang

Nilai wang pada masa sekarang dan pada masa depan sering berubah-ubah. Oleh itu, penyimpan yang ingin mendapat faedah yang tinggi digalakkan menyimpan dalam tempoh yang lama. Simpanannya pula perlulah dalam jumlah yang banyak dan dilakukan dengan kerap.

Penyimpan juga perlu memilih bank yang menawarkan faedah yang tinggi. Sebenarnya, budaya menyimpan wang membuktikan kesungguhan penyimpan terhadap perancangan kewangan pada masa depan. Hal ini dirumuskan menerusi seni kata lagu ini.

Adik abang kakak marilah kita
Pergi menyimpan wang itu yang dipinta
Wang kita bertambah untungnya nyata
Faedah dinikmati untuk hari muka



Pada pendapat saya, lebih lama kita menyimpan, ...

Wang yang kita simpan itu pelaburan
Lebih banyak disimpan itu yang disaran
Demi keperluan dalam pelajaran
Mudah mengurus nanti segala bayaran



Saya berpendapat bahawa jumlah simpanan ...

Jika kita menyimpan jumlah yang banyak
Mudahlah kita nanti semasa terdesak
Kepentingan melabur janganlah ditolak
Merancang kewangan tindakan bijak



Saya pula berpendapat, kerap ...

(Melodi lagu “Boria Sungai Pinang” atau melodi lain yang bersesuaian)

AKTIVITI

Tulis ulasan.



- Murid menulis ulasan berbentuk pendapat.
- Murid melagukan boria.
- ❖ Nilai: rasional

3.9.1

167





Cakap Ajuk dan Cakap Pindah

Melabur demi Masa Depan

Cakap Ajuk

Cakap Pindah

“Simpanan ialah pendapatan yang diasingkan untuk kegunaan pada masa depan,” kata pegawai bank itu.

Pegawai bank itu berkata bahawa simpanan ialah pendapatan yang diasingkan untuk kegunaan pada masa depan.

“Wang perlu disimpan untuk tujuan kecemasan,” katanya lagi.



Pegawai itu menjelaskan bahawa pelaburan adalah penting demi masa depan.

“Pelaburan juga bertujuan untuk persediaan melanjutkan pelajaran dan persaraan,” tegas beliau.



“Pelaburan boleh dilakukan dalam bentuk tunai, emas, saham dan hartanah,” ujar pegawai itu.



“Saya membuat keputusan :... ,” ujar Azim.

Azim membuat keputusan :... .

AKTIVITI

Bina ayat.

- Murid membina ayat cakap ajuk dan ayat cakap pindah.
- Murid membuat keputusan.
- ❖ Nilai: rasional



Pemulihan

Lengkapkan ayat dengan kata ganda berentak yang sesuai.

berwarna-warni

bergotong-royong

sayur-mayur









beli-belah

riuh-rendah

bersorak-sorai

sanak-saudara

kayu-kayan

1. Kedai coklat itu terletak di pusat  yang terkenal.
2. Ketupat mini yang bergantung di ruang legar itu  .
3. Suasana di tapak perniagaan itu  dengan suara para pengunjung.
4. Penanda buku kami bertemakan gambar  negara kita.
5. Pesta jualan itu turut dimeriahkan oleh kanak-kanak yang  .
6. Keluarga itu  sewaktu mengemas barang perniagaan.
7.  ahli perniagaan itu terlibat dalam perniagaan koperasi.
8. Peniaga pasar minggu meletakkan  mereka di atas meja.

Pengayaan

(a) Tukarkan ayat cakap ajuk kepada ayat cakap pindah.

1. “Wang yang disimpan di dalam bank dijamin keselamatannya,” kata pegawai itu.
2. “Terdapat banyak cara untuk mendapatkan sumber kewangan,” jelas Puan Sarina.
3. “Harga saya tidaklah mahal dan saya sesuai dijadikan hadiah,” ujar Coco.
4. “Amanah Saham 1Malaysia perlu dimanfaatkan,” tegas pegawai pelaburan itu.

(b) Tukarkan ayat cakap pindah kepada ayat cakap ajuk.

1. Adibah ingin menjual rantai kunci hiasan daripada sarung ketupat.
2. Encik Yap meminta Soon Keat dan Azim membayar sewa tapak niaga.
3. Ratih memberitahu ibunya bahawa dia ingin menjadi usahawan coklat.
4. Puan Fadilah mengucapkan tahniah kepada Ratih atas kemenangannya dalam pertandingan membuat kek hiasan.

BACAAN LUAS

Amanah Saham 1Malaysia

Amanah Saham 1Malaysia (AS1M) ialah skim atau program pelaburan untuk masa depan bagi seluruh rakyat Malaysia. Skim ini dilancarkan pada 5 Ogos 2009 oleh Perdana Menteri Malaysia.

Tujuan skim AS1M diperkenalkan adalah untuk memupuk amalan menyimpan wang dalam kalangan rakyat. Hal ini perlu memandangkan tahap celik kewangan masyarakat sekarang adalah lebih tinggi berbanding dengan masyarakat dahulu.

Faedah yang diperoleh daripada skim AS1M amat jelas. Amalan melabur ialah cara yang membolehkan warganegara Malaysia menikmati faedah kewangan dalam bentuk dividen atau keuntungan. Skim AS1M ini dapat memupuk amalan berjimat cermat dalam kalangan pelabur. Secara tidak langsung, pelabur juga dapat merancang kewangan peribadi atau kewangan keluarga demi masa depan. Seterusnya, pelabur dapat menjana pendapatan yang tekal daripada keuntungan pelaburan.

Pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB) menetapkan bahawa pelabur sasaran mereka ialah pelabur jangka masa sederhana dan jangka masa panjang. Pelabur juga terdiri daripada mereka yang ingin mendapatkan pulangan daripada pengagihan pendapatan.

Pemohon skim AS1M mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia. Warganegara yang berusia 18 tahun dan ke atas layak membuka **Akaun Dewasa**. Mereka yang berumur 18 tahun dan ke bawah pula, perlu hadir bersama-sama dengan ibu bapa semasa membuka **Akaun Remaja**.

Pelabur boleh membeli jumlah saham AS1M mengikut kemampuan kewangan masing-masing. Pihak PNB menawarkan 10 bilion saham kepada seluruh rakyat Malaysia dengan berdasarkan harga saham RMI.00 bagi setiap unit.

Para pelabur AS1M dapat merancang kewangan demi masa depan mereka. Amalan ini akan membolehkan pelabur menikmati keistimewaan nilai wang pada masa depan.

Diubah suai daripada www.pmr.penerangan.gov.my